Fathi Yakan

Bagaimana Menyeru Kepada ISLAM ?

Siri Tarbiyyah

KONSIS Media

Isi Kandungan

	Kata pengantar	3
	Muqaddimah	7
Bab 1	**PRINSIP-PRINSIP DA'WAH ISLAMIYYAH.....**	9
Bab 2	**SERUAN KEPADA ISLAM.....**	21
Bab 3	**MAUDUK DA'WAH (BAHAN DA'WAH).....**	43
Bab 4	**TUNTUTAN MEMBENTUK TANZIM HARAKI DAN KEWAJIBAN BEKERJA DI DALAMNYA.....**	111

Kata Pengantar

بسمالله الرحمن الرحيم

الحمدالله ربالعالمينوالصلاة والسلام على أشرف المرسلين وخاتم انبين سيدنا محمد وعلى اله وأصحابه والتابعين لهم بإحسان إلى يوم الدين

Allah Subhanahu Wata'ala telah menjelaskan di dalam kitab suci Al-Qur'an tentang kedudukan dan peranan orang-orang mu'min dalam kehidupan mereka di atas muka bumi ini:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللّهِ

"Kamu adalah sebaik-baik ummat yang dilahirkan untuk (kemaslahatan) manusia, kamu MENYURUH (mengajak) harus kepada yang ma'ruf (kebaikan) dan kamu MENCEGAH dari kemungkaran serta kamu BERIMAN dengan Allah".
(Surah Ali-'Imran: Ayat 110)

Dalam ayat di atas Allah Ta'ala menyatakan ketinggian dan kemuliaan orang-orang Mu'min beserta sifat-sifat yang menyebabkan mereka layak digelar sebagai "Khaira Ummah" (Ummat Yang Terbaik) iaitu,

i) mereka menyuruh (mengajak) manusia kepada perkara-perkara yang ma'ruf (kebaikan),
ii) mereka mencegah (melarang) manusia dan melakukan kemungkaran dan
iii) dalam usaha-usaha tersebut mereka sentiasa menjaga dan memelihara diri mereka dengan mentaati segala perintah perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya.

Secara jelas ayat di atas memperlihatkan betapa usaha-usaha da'wah menyeru manusia supaya menta'ati perintah Allah dan menjauhi laranganNya adalah usaha-usaha yang sangat tinggi lagi mulia bahkan Allah Ta'ala memerintahkan agar orang-orang mu'min bersatu dan menggemblengkan tenaga untuk melaksanakannya. FirmanNya:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَأُوْلَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

"Dan hendaklah ada di antara kamu, satu golongan yang mengajak (manusia) kepada kebaikan, menyuruh kepada yang ma'ruf,melarang dari kejahatan dan merekalah orang-orang yang beuntung" (Surah Ali-'Imran : Ayat 104)

Tuntutan dan suruhan ini sering kita temui di dalam Kitab Suci Al-Qur'an di mana Allah Subhanahu Wa Ta'ala memperingatkan RasulNya dan orang-orang Mu'min supaya melazimkan diri sebagai orang yang sentiasa menyeru dan mengajak manusia kepada memahami dan menghayati ajaran Islam. Di antaranya Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ وَإِن لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ

Wahai Rasul, sampaikanlah apa-apa yang telah diturunkan kepadamu oleh Tuhanmu kerana kalau engkau tidak lakukan (demikian) tidaklah (dikatakan bahawa) engkau telah menyampaikan risalahNya dan Allah akan melindungi mu dari (kejahatan) manusia.
(Surah Al-Ma'idah : Ayat 67)

Allah Subhanahu Wata'ala mendahulukan tugas dan tanggungjawab da'wah ini ke atas RasulNya, agar kaedah-kaedah da'wah ini diperlihatkan kepada orang-orang Mu'min. Kemudian barulah Allah memperingatkan pula orang-orang Mu'min supaya apabila diseru oleh Allah dan RasulNya untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan agama, maka mereka hendaklah segera menyambutnya kerana seruan Allah dan Rasul itu adalah seruan yang menghidupkan hati dan jiwa mereka. Allah menyeru:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ اسْتَجِيبُواْ لِلّهِ وَلِلرَّسُولِ إِذَا دَعَاكُم لِمَا يُحْيِيكُمْ وَاعْلَمُواْ أَنَّ اللّهَ يَحُولُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ وَأَنَّهُ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman, sambutlah seruan Allah dan seruan Rasul, apabila Rasul menyeru kamu kepada sesuatu yang menghidupkan kamu dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah mendinding antara manusia dan hatinya dan sesungguhnya kepadaNyalah kamu akan dikumpulkan."
(Surah Al-Anfal Ayat 24)

FirmanNya lagi:

وَلَمَّا رَأَى الْمُؤْمِنُونَ الْأَحْزَابَ قَالُوا هَذَا مَا وَعَدَنَا اللَّهُ وَرَسُولُهُ

"Sesungguhnya adalah pada diri Rasulullah itu sebaik-baik suri tauladan bagi kamu (untuk diikuti), yakni bagi orang yang mengharapkan (keredhaan) Allah dan (kemuliaan hidup) di Akhirat dan orang yang banyak mengingati Allah"
(Surah Al-Ahzab Ayat 21)

Demikian keterangan-keterangan yang jelas dari Al-Qur'an tentang kewajiban da'wah yang diperintahkan oleh Allah ke atas RasulNya dan orang-orang Mu'min. Sekali pun menghadapi suasana peperangan kita tetap dituntut membuat persiapan-persiapan yang rapi agar usaha-usaha da'wah kita itu akan disusuli dengan kejayaan. FirmanNya:

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُواْ كَآفَّةً فَلَوْلاَ نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُواْ فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُواْ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُواْ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

"Tidak sepatutnya bagi orang-orang Mu'min itu pergi semuanya (ke medan peperangan). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan dari mereka beberapa orang untuk memperdalamkan ilmu pengetahuan dalam agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga diri"
(Surah Al-Taubah : Ayat 122)

Dengan mengambil pedoman-pedoman Rabbani, kita mengharapkan saff Harakah Islamiyyah dan da'wah akan dapat berjalan dengan cara yang penuh hikmah dalam usaha-usahanya menyeru manusia untuk kembali kepada Islam. Semuga kita termasuk di dalam golongan yang mematuhi perintah Allah.

ادْعُ إِلِى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

"Serulah manusia ke jalan TuhanMu dengan hikmah dan pengajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik"
(Surah Al-Nahl: Ayat 125)

Oleh kerana da'wah merupakan satu lapangan yang sangat penting dalam kehidupan ummat Islam, ia memerlukan kefahaman dan persediaan-persediaan yang berencana serta berperingkat-peringkat. Di dalam tulisan buku ini, Insya'Allah kita akan ikuti satu bimbingan dan tokoh da'wah yang telah melalui pengalaman dawah yang panjang dalam hidupnya tentang bagaimana kita menyeru kepada Islam.

Marilah kita ikuti perbincangan selanjutnya untuk kita mengambil bekalan dan manfa'at untuk perjalanan da'wah kita seterusnya. Semoga Allah memberkati usaha kita - Amin

Abu Muhammad Yasier,
25hb. Zulhijjah 1407
2Ohb. Ogos 1987

Muqaddimah

بسم الله الرحمن الرحيم

Para da'ie yang bergerak di dalam gerakan Islam pada hari ini sangat berhajat kepada suatu manhaj kerja dalam kerja-kerja mereka - dan sudut fikrah dan harakah sebagai landasan perjalanan dalam usaha mereka menyeru manusia kembali kepada Islam. Mereka memerlukan manhaj yang disusun dengan jelas, teliti lagi terperinci agar darinya dapat melihat dengan terang jarak perjalanan yang akan ditempuhi, ciri-ciri khusus serta sifat-sifatnya. Perkara-perkara ini sangat penting diketahui untuk diambil sebagai pedoman agar para da'iee tidak terseleweng dari jalan sebenar dalam kerja-kerja da'wah mereka. Dengan demikian tidak lagi dikhuatiri mereka melakukan sesuatu yang merugikan Islam pada hal mereka menyangka mereka melakukan kebaikan untuk Islam.

Untuk tujuan di atas, para da'ie memerlukan kepada suatu manhaj yang memandu mereka dalam kerja-kerja mereka menyeru manusia kepada Allah Subhanahu wata'ala, cara penyampaian yang berkesan serta meyakinkan, begitu juga cara menentukan atau memilih tajuk-tajuk, bahan dan ruang-lingkup ceramah atau perbicaraan yang ingin disampaikan agar orang yang mendengar dapat menerimanya dengan rasa puas. Manhaj ini menurut pandangan saya terdiri dan empat perkara pokok:

Pertama — Persoalan wajibnya Da'wah.

Sebenarnya beriman dengan Islam bererti kita wajib beramal untuk-Nya, menyeru orang lain menta'ati ajaran-Nya, serta berjihad dan berkorban pada jalan-Nya. Usaha-usaha demikian menuntut adanya jama'ah yang bersifat gerakan kerana usaha-usaha yang dilakukan oleh individu (fardi) tidak mungkin sama sekali dapat mencorakkan suasana kelslaman apa lagi menegakkan masyarakat Islam.

Kedua - Persoalan memilih serta meneliti uslub (cara-gaya) yang baik untuk diikuti dalam usaha menyeru manusia kepada Islam.

Adalah menjadi kewajiban ke atas para da'iee memilih cara (dan medan) yang disertai dengan kadar kemampuan orang-orang yang diseru agar mereka dapat menerimanya dengan baik. Dalam kerja-kerja ini para da'iee mestilah memiliki ilmu pengetahuan yang luas serta bersikap bijaksana dan sentiasa bersabar.

Ketiga - Persoalan bahan da'wah yang merupakan huraian dan garis-garis besar Islam seperti 'Aqidah dan Syari'ah kerana di atasnyalah Manhaj Islami dibina. Permasalahan ini dengan segala perinciannya merupakan bahan-bahan yang wajar diketengahkan di hadapan orang yang diserunya.

Keempat - Persoalan terakhir yang perlu disebutkan ialah tentang tuntutan (darurah) melaksanakan 'amal Jama'iy yang bersifat haraki untuk

perjuangan menegakkan Islam. Sesungguhnya amal Jama'iy yang bersifat haraki merupakan satu-satunya jalan yang dilalui oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dalam usaha baginda membina Jama'ah Islam yang pertama. Usaha-usaha yang dilakukan secara fardi (individu) sukar mendatangkan hasil jika tidak terikat dengan tanzim haraki. Sesungguhnya semua kewajiban-kewajiban ini difardhukan oleh Islam ke atas orang-orang Mu'min agar mereka membina tanzim haraki (Harakah Islamiyyah) atau mereka melibatkan diri di dalam Harakah Islamiyyah yang sudah sedia ada.

Saya mengemukakan isi kandungan risalah ini kepada saudara-saudara saya para penda'wah di mana saja mereka berada. Saya memohon Allah 'Azza Wajalla berkenaan menerima usaha ini sebagai amal kebaikan dan menghapuskan ketelanjuran. Semuga ianya mendatangkan menfaat. Dan sesungguhnya Allah Subhanahu wata'ala sahaja yang dapat menunjukki orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus.

Pengarang.

1

PRINSIP-PRINSIP DA'WAH ISLAMIYYAH

A. PARA DA'IE YANG BERADA DI PINGGIR DA'WAH

Ramai di kalangan para da'ie masa kini yang belum benar-benar memahami tentang selok-belok dan tujuan yang harus mereka ikuti; memahami berapa jauhkah jarak yang akan mereka tempuh. Mereka belum insaf bahawa da'wah adalah pengorbanan. Mereka belum mengerti tentang apa yang harus mereka korbankan dalam melaksanakan tugasnya itu, baik yang berupa harta dan jiwa raganya. Hal ini menyebabkan para da'iee sering menjadi contoh yang tidak baik terhadap ajaran Islam yang mereka sampaikan kepada masyarakat. Mereka menjadi contoh yang tidak mulia terhadap perbuatan baik yang mereka kemukakan dalam Amar-ma'rufnya. Dengan demikian mereka menjadi beban yang berat bagi da'wah. Mereka menjadi batu penghalang yang memperlambatkan kelancaran da'wah.

Di antara mereka ada yang menyangka bahawa perintah-perintah Islam itu gugur dari pundak mereka kalau mereka sudah menulis buku tentang Islam, atau menulis artikel yang dimuatkan dalam surat khabar atau majalah, atau menyampaikan khutbah yang jitu di masjid, atau mengisi pengajian tetap Ada pula yang menyangka bahawa puncak kemuliaan dan kedudukan yang dicita-citakan ialah terdaftar namanya sebagai pengurus yang aktif dalam sesuatu jama'ah Islam dan nampak kegiatannya menghadiri program-program yang bertujuan memajukan jama'ah itu....!

Kita tidak ragu lagi bahawa mereka ini dan mereka itu adalah para petugas yang baru tegak di pinggir da'wah, di tepi 'amal keislaman. Mereka belum turut terjun ke bidang da'wah. Mereka malahan belum turut masuk ke RUANG LINGKUP agama Islam yang sebenamya, malah masih belum turut menghirup udaranya yang segar…!

Pengertian yang benar tentang tugas ber'amal dalam Islam, seharusnya mendarah daging dalam fikiran mereka yang bertugas di lapangan itu. Mereka sedang mengajak masyarakat dan memberi contoh untuk mengerjakan sesuatu yang bernama "PENGORBANAN". Pengorbanan dalam ertinya yang luas, melewati batas-batas jenisnya dan sifatnya. Pengorbanan mencakupi segala peredaran dalam roda Islam, walau bagaimanapun hangatnya keadaan dan suasana alam sekitar, dan bagaimanapun beratnya tugas yang harus dilaksanakan!

قدرشحوك لامرلوفطنت له، فاربابنفسك ان ترعىمع الهمل.

Sesungguhnya anda sudah dicalonkan unuk tugas itu....

Jika anda telah mengerti hal itu....,

Maka anda perlu mempersiapkan diri....,

Agar jangan sampai tejadi...,

Anda dikenang orang di samping kegagalan

'Amal dalam Islam merupakan usaha, yang bertujuan merombak masyarakat Jahiliyyah dalam segala seginya; kemudian membangun masyarakat Islam dalam segala aspek kehidupan! Jadi, mencabut kebudayaan Jahiliyyah sampai ke akar-akarnya, baik Jahiliyyah cara berfikir, atau Jahiliyyah susunan masyarakat, atau Jahiliyyah budi pekerti! Hal itu bererti, bahawa para da'iee harus berhadapan dengan mereka yang menyiarkan dan mempertahankan kebudayaan, cara berfikir, budi pekerti, dan segala Ajaran Jahiliyyah itu! Tujuan terakhir dari da'wah ialah menegakkan agama Allah di bumi ini, dan meruntuhkan kekuasaan Thaghut....

Jalan yang begini sukar menempuhnya, dan tujuan yang begitu agung, di samping tugas yang begitu berat, tentu saja sukar untuk dipikul oleh petugas yang lemah imannya. Yang sanggup mengerjakan tugas itu hanyalah para penda'wah yang telah mewaqafkan hidupnya untuk berjuang menegakkan agama Allah...., mereka yang sudah tidak ada yang lebih dicintainya selain Allah dan Rasul-Nya. Mereka bersedia melepaskan dirinya dari kesenangan hidup dunia dan segala keinginannya. Mereka tidak mahu mengarahkan kegiatannya
untuk meni'mati godaan dunia ini, dengan segala ragamnya....!

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى (40) فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى (41)

"Dan adapun arang yang takut memikirkan kedudukannya di sisi Tuhan-Nya, dan ia melarang dirinya dari memperturutkan kemauannya, maka syurga itulah kelak yang akan menjadi tempat menetap……
(Surah Al-Nazi'at: Ayat 40-41)

Ber'amal untuk Islam belumlah dapat dijangkau oleh para penda'wah yang berda'wah hanya dengan lisan saja, hanya berbicara meyampaikan ajaran-ajaran Islam kepada masyarakat! Kata-kata yang diucapkannya itu harus disertainya dengan niat yang ikhlas, hidup untuk Islam, mati kerana Islam... tidak pernah lengah kerana berdagang dan berjual-beli. Ia tidak pernah lupa untuk mengingati Allah, dan berjuang untuk menegakkan agama Allah....!

إِنَّ اللّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُم بِأَنَّ لَهُمُ الجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّوْرَاةِ وَالإِنجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللّهِ فَاسْتَبْشِرُواْ بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُم بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

"Mereka bejuang untuk menegakkan agama Allah; akhimya mereka membunuh musuh kemudian terbunuh itulah janji Tuhan yang benar, yang telah termaktub dalam Taurat, Injil dan Qur-an. Dan tidak ada siapa pun yang lebih sempurna menepati janjinya dari Allah. Oleh sebab itu bergembiralah kamu dengan perdaganganmu yang telah kamu iqrarkan. Dan itulah dia, kemenangan yang besar." (Surah Al-Taubah: Ayat 111)

Para penda'wah perlu mengingati bahawa memang sebenarnya jalan ke syurga itu sulit dan sempit. Barang dagangan Allah itu hanya dapat dijangkau oleh mereka yang mahu membayar harganya dan mencukupi perhitungannya! Sungguh tepat penjelasan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam, pada waktu baginda bersabda:

من خاف ادلج ومن ادلج بلغ المنزل. الا اسلعة الله غالية ألا ان سلعة الله الجنة (رواه الترمذي ولحاكم)

"Barangsiapa yang takut kepada Allah, tentu ia tidak akan maju-mundur. Barangsiapa yang tidak maju-mundur tentu akan sampai ke tempat tujuan. Ketahuilah, bahawa barang dagangan Allah itu mahal, Ketahuilah, bahawa barang dagangan Allah itu ialah syurga" (Hadith Riwayat: Tirmidzi dan Al-Hakim).

Syadad Ibnu'l-Hadi pernah berkata: "Dahulu ada seorang laki-laki Badui datang menghadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam lalu menyatakan bahawa dia beriman dan mengikuti Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Kemudian ia berkata:

اهاجر معك

"Saya ingin hijrah bersama-sama dengan Rasulullah"

Maka Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam menasihatkan kepada beberapa orang sahabat, supaya memelihara orang itu. Kemudian tibalah sa'atnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam berangkat ke Perang Khaibar. Di sana beliau berhasil menang dan memperoleh banyak harta rampasan perang. Beliau lalu membagi harta itu. Beliau sendiri, dan orang Badui itu sama turut
dapat bahagian. Lalu orang Badui itu berkata:

ماعلى هذا اتبعتك ولكن اتبعتك ان ارمى هاهنا (اوأشارالى خلقه بسهم) فاموت فادخل الجنة

"Bukanlah untuk memperoleh harta ini aku mengikuti Rasulullah! Aku mengikuti Rasulullah kerana ingin kena lempar di sini dengan ini (sambil menunjuk ke lehemya dan ke anak panah) , agar supaya aku mati dan lalu masuk syurga."

Mendengar kata-katanya itu, RasuluLlah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

ان تصدق الله ليصد قنك الله

"Jika anda berkata benar, kerana Allah, tentu Allah akan membenarkan kata-katamu itu."

Kemudian mereka tegak kembali, untuk melanjutkan pertempuran. Akhirnya orang itu dibawa ke hadapan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam dalam keadaan ia sudah syahid. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam lalu bertanya:

أهو هم؟

"Benarkah dia..?

Para sahabat menjawab:

نعم

"Ya benar!"

Akhirnya Rasulullah bersabda:

صدق الله فصد قه.

"Dia benar-benar berjuang kerana Allah, maka Allah membenarkan kata-kata yang telah diucapkannya"

Wahai para da'ie! Inilah dia jalan ke syurga! Perjuangan yang terus-menerus, pekerjaan yang tak kunjung selesai! Semuanya disertai keinginan untuk termasuk golongan syuhada'!

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

"Dan mereka yang bejuang untuk menegakkan agama Kami, tentu akan Kami tunjuki ke jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah selalu bersama-sama dengan orang-orang yang berbuat baik."
(Surah Al-'Ankabut: Ayat 69)

B. KEWAJIPAN MENYERU KEPADA ISLAM

Mengajak masyarakat untuk melaksanakan ajaran-ajaran islam, menyuruh mereka berbuat baik dan melarang mereka berbuat yang tidak baik adalah kewajiban dalam agama Islam. Maka kita sebagai warga, yang berada dalam lingkungan medan Islam, seharusnya tegak membawa tugas itu memikulnya dengan segala kesungguhan, mengerahkan tenaga, serta waktu dan pemikiran kita. Dan inilah tugas utama bag setiap da'ie. Dalam Al-Qur'an yang mulia, banyak ayat-ayat yang mendorong setiap Muslim untuk melaksanakan tugas ini; di antaranya Firman Allah Ta' ala:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَأُوْلَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

"Dan hendaklah ada di antara kamu suatu golongan yang mengajak orang berbuat baik, menyuruh mereka mengerjakan kebaikan dan melarang mereka dari berbuat yang mungkar dan hanya mereka itulah orang-orang yang betul-betul beruntung"
(Surah Ali-'Imran: Ayat 104)

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

"Dan tidak ada orang yang lebih baik kata-katanya dan seorang, yang mengajak ummat manusia ke jalan Allah, dan ber'amal Saleh, dan berkata: Sesunggthnya saya tennasu golongan kaum Muslimin".*
(Surah Fusilat: Ayat 33)

فَلِذَلِكَ فَادْعُ وَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءهُمْ

"Oleh sebab itu, ajaklah mereka itu ke jalan Allah, dan tetaplah pendirianmu sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau mengikuti kemahuan mereka."
(Surah Al-Syura: Ayat 15)

وَادْعُ إِلَى رَبِّكَ إِنَّكَ لَعَلَى هُدًى مُّسْتَقِيمٍ

"Dan ajaklah ummat manusia ke jalan Tuhanmu; sesungguhnya engkau benar-benar berada di atas petunjuk yang lurus."
(Surah Al-Hajj: Ayat 67)

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ وَإِن لَّمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ

"Wahai rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan apa yang diperintahkan itu, bererti kamu tidak menyampaikan amanahNya."
(Surah Al-Ma'idah: Ayat 67)

Itulah sekeumit ayat yang mendorong kita untuk berda'wah. Ayat yang belum dicantumkan masih banyak lagi. Demikian juga, Sunnah yang suci, padat berisikan sabda dan pesan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam menerangkan bahawa usaha memikul tugas berda'wah, mengajak ummat ke jalan Allah, itu adalah kewajipan yang agung; berjuang meratakan kemakmuran lahir dan batin, dan membanteras kemungkaran dengan segala macamnya. Kita ketengahkan sekadar contoh-contohnya, di antaranya Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda;

من راى منكم منكرا فليغيره بيده فان لم يستطع فبلسا نه فان لم يستطع فبقلبه وذلك أضعف االايمان، وليس وراء ذلك حبة خر دل من ايمان.

"Barangsiapa di antara kamu melihat suatu kemungkaran, maka hendaklah ia 'mengubahnya dengan tangannya; kalau tidak sanggup maka hendaklah ia mengubahnya dengan lidahnya; dan kalau tidak sanggup maka hendaklah mengubahnya dengan hatinya; dan itulah keimanan yang selemah-lemahnya. Dan tidak ada lagi keimanan di belakangnya, walaupun hanya sebesar biji bayam."
(H.R. Muslim)

ياايها الناس ان الله يقول لكمن: مروا بالمعروف وانهوا عن المنكر قبل ان تدعوا فلا اجيب لكم وتسالونى فلا اعطيكم وتستنصرونى فلاانصركم.

"Wahai manusia, sesungguhnya Allah memerintahkan kepada kamu: "Kamu sekalian suruhlah orang mengerjakan kebaikan, dan laranglah mereka mengerjakan kejahatan, sebelum kamu mendo'a tetapi Aku tidak mengabulkannya, dan kamu minta apa-apa kepadaKu tetapi Aku tidak memberikannya, dan kamu meminta pertolongan kepadaKu tetapi Aku tidak menolong kamu."
(H.R. Tirmidzi)

من كتم علما مما ينفع الله به الناس فى امر الدين الجمه الله يوم القيامة بلجام من نار

"Barangsiapa menyembunyikan sesuatu ilmu, pada hal dengan ilmu itu Allah memberi manfa'at kepada manusia dalam masalah agama, maka kelak di hari qiamat ia akan dikekang oleh Allah, dengan kekang dari api neraka."
(H.R. Ibnu Majah)

مابال قوم لايفقهون جيرانهم ولايعلمونهم ولايعظونهم ولا يأمرونهم ولاينهم نهم. ومابال اقوام لأ يتعلمون من خيرانهم ولا يتفقهون ولا يتعظون. والله ليعلمن قوم جيرانهم ويفقهونهم ويعظونهم وينهونهم واليتعلمن قوم من جيرانهم ويتفقهون ويتعظون اولأعا جلنهم بالعقاب.

"Apa halnya dengan kaum mereka tidak mahu memberi pengertian kepada tetangganya, tidak mahu mengajar dan tidak mahu menasihati, mereka, tidak menyuruh dan tidak melarang mereka? Dan apa-apaan pula beberapa kaum? Mereka tidak mahu belajar kepada tetangganya tidak mahu bertanya dan tidak mahu menerima nasihat? Sungguh, demi Allah, hendaklah suatu kaum mengajar tetangganya, memberi pengertian dan menasihat serta menyuruh dan melarang mereka. Dan hendaklah kaum yang tidak tahu, mahu belajar kepada tetangganya, mahu bertanya dan mahu menerima nasihat... atau, kalau tidak demikian, maka Aku akan segera menimpakan siksa kepada mereka.
(H.R. Thabrani dalam Kitabnya "Al Kabir")

Demikianlah Hadith-hadith Qudsi dan Sabda Rasulullah Sallahu'alaihi Wasallam dan yang tidak dimuat di sini masih lebih banyak lagi. Kesemuanya merupakan dorongan untuk da'wah, disertai ancaman bagi yang meninggalkan da'wah. Dalam melaksanakan tugas Da'wah itu, perlu diperhatikan TIGA bahan renungan, iaitu:

1) Sesuatu tugas sampingan, yang tidak sempurna sesuatu yang wajib tanpa mengerjakannya, hukumnya menjadi wajib:

Solat tidak dapat dikerjakan tanpa bersuci; maka bersuci menjadi wajib. Demikian juga, berda'wah, mengajak orang menghayati dan melaksanakan ajaran-ajaran Islam, menyakinkan mereka tentang kebenaran Islam, mempersiapkan mereka untuk meratakan dasar-dasar dan hukum-hukum Islam, itu semuanya termasuk jalan yang harus ditempuh untuk menegakkan masyarakat Islam, dan memulai kehidupan secara Islam. Kalau kita sudah tahu, bahawa mewujudkan masyarakat Islam dan merombak masyarakat Jahiliyyah itu hukumnya wajib, maka sehubungan dengan

kewajiban itu, tentulah segala jalan yang harus ditempuh untuk membentuk masyarakat itu, hukumnya
menjadi wajib juga….!

Persoalannya malahan menjadi lebih jauh dan itu....! Kerana, sebenarnya Islam sekarang ini tidak mempunyai Negara, tempat melaksanakan hukum dalam segala persoalannya. Islam belum dijadikan sumber, tempat munculnya segala tindakan-tindakan dalam sesuatu negara secara menyeluruh! Hukum-hukum tindakan dalam sesuatu negara secara menyeluruh! Hukum-hukum Islam dewasa ini banyak yang seolah-olah "menganggur," tidak dilaksanakan. Maka kalau menetapkan hukum berdasarkan Syari'ah Allah itu hukumnya wajib, tentulah mewujudkan kewajipan ini erat hubungannya dengan usaha membentuk suatu masyarakat Islam yang sebenarnya. Maka untuk selanjutnya, segala usaha untuk membentuk masyarakat Islam itu hukumnya wajib, fardhu'ain, yang ditugaskan kepada setiap individu yang beragama Islam. Dan jalan yang paling tepat untuk menegakkan masyarakat Islam itu ialah Da'wah. Maka jelaslah bahawa da'wah itu hukumnya wajib, fardhu'ain dan orang-orang yang meninggalkan Da'wah itu berdosa, kerana meninggalkan kewajiban yang dituntut oleh Islam. Dan dosa ini tidak dapat ditebus, kecuali dengan tegak dan bangkit, untuk memikul beban da'wah. Semua ummat Islam berkewajipan turut mempunyai saham dalam usaha ini, sesuai dengan kemampuan dan kemungkinannya masing-masing, supaya mereka sama berusaha melaksanakan segala macam kegiatan, yang bertujuan membangun masyarakat Islam yang sebenar-benarnya....!

2) 'Amal adalah cabang dari Iman dan hasilnya:

Iman sendiri, belumlah betul-betul bernama Iman, jika belum mendorong orangnya untuk bekerja terus-menerus, dalam rangka menyampaikan ajaran-ajaran Islam itu kepada orang lain, yang belum turut menikmatinya. Iman merupakan keyakinan tentang kebenaran sesuatu, ketenangan hati menikmatinya, dan keinginan jiwa untuk berjuang menyampaikannya kepada
orang lain. Dalam Al Qur'an diterangkan:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ حَتَّى نَعْلَمَ الْمُجَاهِدِينَ مِنكُمْ وَالصَّابِرِينَ وَنَبْلُوَ أَخْبَارَكُمْ

"Dan sungguh, Kami benar-benar akan menguji kamu, agar Kami mengetahui siapa yang berjuang dan yang bersabar di antara kamu, dan agar Kami menyatakan baik-buruknya hal ehwal kamu."
(Surah Muhammad: Ayat 31)

Dan sungguh tepatlah peringatan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

ليس الايمان بالتمنى ولا بالتحلى ولكن هوماوقر فى القلب وصدقه العمل.

"Iman itu bukanlah angan-angan dan juga bukan perhiasan: tetapi Iman itu adalah sesuatu yang menetap di dalam hati, dan dibenarkan dengan amal."
(H.R. Ad Dailami)

Demikianlah Keimanan yang sebenarnya! Dan saudara-saudara para da'ie perlu ingat, bahawa langkah pertama dalam beramal ialah membersihkan jiwa, melepaskan jiwa dari penyakit-penyakit dan penyelewengan-penyelewengan. Dan dalam hal ini, sesama orang-orang yang beriman haruslah saling bermuhasabah saling nasihat-menasihati dalam menegakkan kebenaran, dan sama bersabar dalam mengajak umat ke jalan Allah, dan berjuang menegakkan agama-Nya.

Jadi, para daie diharapkan supaya mengorbankan jerih payahnya untuk menegakkan ajaran-ajaran Islam dan melaksanakan tuntutan dakwah. Daie sajalah yang bertugas menyampaikan ajaran Islam itu kepada umat manusia, dan menjelaskannya dengan panjang lebar sesuai dengan taraf kecerdasan dan pengertian masyarakat yang mereka hadapi. Itulah dia. Amanah yang diserahkan kepada saudara-saudara para daie agar merekan menjadi pewaris dari para Nabi.dan dalam melaksanakan tugasnya itu, daie perlu merenungkan pesan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam.

Ertinya:

"Tidak ada seorang pun di antara Nabi-nabi, yang dibangkitkan oleh Allah sebelum aku, yang tidak mempunyai "Hawary," sahabat-sahabat yang terdekat kepada beliau dari kalangan umatnya, dan yang secara langsung menerima Sunnah-nya dan mengikuti perintahnya. Kemudian kelak akan muncul satu generasi, yang mengatakan sesuatu yang tidak mereka perbuat, dan suka memperbuat sesuatu yang tidak diperintahkan kepada mereka. Maka barangsiapa yang berjuang menghadapi mereka dengan tangannya, maka dialah orang yang beriman. Dan barangsiapa yang berjuangan menghadapi mereka dengan lidahnya, maka dialah orang yang beriman. Dan barangsiapa yang berjuangan menghadapi mereka dengan hatinya, maka dialah orang yang beriman. Dan di bawah tingkatan itu, tidak ada lagi suatu keimanan, walaupun hanya seberat sebiji bayam."
Hadith riwayat Muslim

3) Allah lebih pantas untuk kamu takuti:

Sering terjadi, para daie mengelakkan diri untuk berbicara di tempat-tempat yang seharusnya ia berbicara! Sebenarnya, sepatah kata yang benar, sangat diperlukan di saat itu, tetapi para daie merasa segan untuk mencetuskannya. Mungkin kerana khuatir, kalau-kalau kata-katanya itu , menyebabkan ia ditimpa bencana kemarahan dan kebencian orang....!

Tetapi para daie perlu ingat, bahawa tindakan yang demikian itu jelas merupakan salah satu pewujudan dari sifat takut dan pengecut! Padahal sifat takut dan pengecut itu adalah dua tamu yang tidak boleh diterima! Sepatutnya kedua tamu itu jangan dilayani kalau datang menjenguk pintu! Malahan sedapat mungkin mestilah diusahakan sepaya kedua tamu itu tidak mengetahui dari mana pintu masuknya ke dalam hatu orang yang beriman....!

Sebenarnya, Allah lebih pantas untuk kita takuti....! Allah lebih pantas untuk kita segani.....! seharusnya kita sebagai orang-orang beriman, selamanya berusaha keras untuk mencari keredhaan Allah! Keredhaan Allah itulah yang kita harapkan sekalipun akan menyebabkan timbulnya kemarahan dan kebencian ummat manusia ini seluruhnya....! Daie perlu merenungkan doa Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

اللهم ان لم يكن بك غضب على فلا أبالى.

"Ya Allah! Jika kamu dalam hal ini tidak ada kemarahan kepadaku, maka aku tidak peduli...!"

Allah Subhanahu Wata'ala sudah mewajibkan kepada para da'ie, supaya mereka menerima warisan kenabian, dan supaya mereka memikul beban itu! Dan warisan yang paling penting dari kenabian itu ialah menghadapi dan menggarap suasana Jahiliyyah, dengan segala macam bentuk dan ragamnya! Da'ie wajib berjuang merombak kemungkaran, walau bagaimanapun bentuk dan luas wilayahnya. Itu adalah tugas daie; sedang berhasil atau tidak usaha itu, hal itu tidaklah termasuk dalam wilayah kekuasaannya. Da'ie perlu mengingat
Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

وَقُلِ الْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ فَمَن شَاء فَلْيُؤْمِن وَمَن شَاء فَلْيَكْفُرْ

"Katakanlah "Kebenaran telah datang dari Tuhan kamu. Maka barangsiapa yang mahu beriman, biarlah dia beriman. Dan barangsiapa yang ingin kafir, maka biarlah dia kafir"
(Surah AI-Kahfi: Ayat 29)

Dan sahabat 'Ubadah ibn Shamith berkata:

بايعنا رسول الله صلى الله عليم وسلم على ان نقول الحق اينما كنالا نخاف فى الله لومةل لائم

"Kami telah bersumpah di hadapan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam untuk mengatakan yang benar, di mana saja Kami berada. Kami tidak takut kepada celaan orang yang mencela, demi menegakkan agama Allah....."
(H.R. Abu Daud dan Tirmidzi; dan Tirmidzi mengatakan; Hadits ini Hasan).

Jadi, seharusnya para da'ie berhati-hati, agar jangan sampai terjadi, mereka bertindak pengecut di tempat yang seharusnya mereka menunjukkan keberanian, bersikap penakut di saat mereka diharapkan untuk memberi nasihat Hendaklah mereka merenungkan lagi Hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmidzi dan 'Abdullah ibn Mas'ud r.a, bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

ان اول مادخل النقص على بنى اسرإيل انه كان الرجل يلقي الرجل فيقول: ياهذا اتق الله ودع مادصنع فانه لايحل لك. ثم يلقاه من الغد فلا يمنعه ذلك ان يكون اكيله وشريبه وقعيده. فلما فعلوا ذلك ضرب الله قلوب بعضهم ببعض.

"Sesungguhnya kekurangan pertama yang menyusup ke tengah-tengah bangsa Israel ialah, bahawa salah seorang di antara mereka menemukan temannya sedang mengerjakan dosa, lalu ia berkata: "Oh, teman! Bertaqwalah kepada Allah, dan tinggalkanlah apa yang anda perbuat itu! Itu tidak boleh!" Kemudian keesokan harinya mereka bertemu lagi dalam suasana yang sama, lalu orang pertama tadi tidak merasa janggal lagi untuk makan dan minum, dan duduk bersama-sama dengan orang yang dilarangnya kemarin itu...! Dan setelah keadaannya demikian, maka Allah memukulkan hati mereka satu sama lain, sehingga mereka saling bertengkar dan saling mempersalahkan antara sesamanya."

Kemudian Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam membacakan Ayat Al-Qur'an:

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُواْ مِن بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُودَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوا وَّكَانُواْ يَعْتَدُونَ **(78)**

كَانُواْ لاَ يَتَنَاهَوْنَ عَن مُّنكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُواْ يَفْعَلُونَ

"Telah kena laknat orang-orang kafir dan kalangan bangsa Israel, dengan ucapan Daud dan 'Isa putera Maryam. Yang demikian itu adalah disebabkan mereka durhaka dan sekilu melewati batas. Mereka satu sama lain selalis tidak saling melarang perbuatan mungkar yang mereka perbuat. Sungguh, amat buruklah apa yang selalu mereka perbuat itu…"
(Surah AI-Ma'idah: Ayat 78-79)

2

SERUAN KEPADA ISLAM

A. BAGAIMANA KITA MENYERU KEPADA ISLAM?

Da'wah ditujukan kepada ummat manusia... seluruh manusia..., dalam keadaan umurnya yang berbeza-beza, serta tingkatan kedudukannya di kalangan masyarakat di samping kecerdasan dan alam lingkungannya, dan kemahuan serta jalan fikirannya...! Kesemuanya berlain-lainan!

Hal ini menyebabkan para da'ie harus menjadi orang-orang yang bijaksana, mahir dalam menyampaikan pendapat dan pengertiannya kepada sasarannya iaitu manusia yang beraneka ragam itu...! Para da'ie harus mengerti, dari mana pintu masuk ke tiap-tiap rumah, dan bagaimana caranya memasuki
rumah itu!

Para da'ie yang mendapat taufiq dan kejayaan ialah mereka yang sanggup memberikan untuk tiap-tiap individu, apa yang diperlukannya, baik berupa buah fikiran atau pun pengarahan. Da'ie mestilah berusaha meyakinkan orang itu tentang kebenaran apa yang diajukannya, kemudian berusaha menarik orang itu supaya bergerak mengamalkan apa yang diajarkannya. Da'ie harus berbicara dengan gaya bahasa yang menimbulkan kesan dalam hati mad'unya. Dan inilah rahsia yang terkandung dalam hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

نحن معاشر الانبياء امر نا ان ننزل الناس منازلهم ونكلمهم على قدر عقولهم

"Kami, golongan Nabi-nabi, diperintahkan supaya menempatkan manusia sesuai dengan kedudukannya masing-masing, dan supaya kami berbicara dengan mereka menurut taraf kecerdasannya masing-masing."
(Hadith riwayat Abu Daud)

Dalam hal ini, para penda'wah perlu memperhatikan hal-hal yang berikut:

1. Berkenalan dengan seseorang sebelum menyampaikan da'wah kepadanya:

Adalah suatu kewajiban bagi seorang da'ie, supaya ia berkenalan lebih dahulu dengan seseorang yang akan menerima da'wahnya. Ia harus memahami terlebih dahulu, bagaimana latar belakang kehidupan orang itu, bagaimana jalan fikirannya, dan bagaimana pengertian dan gambarannya terhadap alam raya ini Para penda'wah harus menyelidiki hal itu dengan mengadakan wawancara dan sebagainya, sehingga ia menemui apa kekurangan dan kesulitan yang sedang dialami orang yang diserunya itu.

Dengan demikian, para da'ie menemui pintu-pintu dan jendela-jendela, yang mungkin dijadikannya sebagai batu loncatan untuk mengetuk pintu hati orang yang diserunya itu. Jadi, harus banyak bergaul secara individu atau fardi, dan mengadakan percubaan dan usaha, yang diharapkan akan membawa kejayaan. Penda'wah mesti mencatat pengalaman-pengalamannya, kemudian, ia berusaha menyampaikan da'wah kepada mad'u'nya itu disertai dengan pengarahan dan memberikan contoh teladan yang menimbulkan kesan yang menarik dan mempengaruhi jalan fikiran mad'u itu.

2. Dari mana penda'wah harus mulai dan bagaimana caranya.

Untuk menemukan titik yang tepat dalam menentukan tempat memulai tugasnya, da'ie harus mengorbankan waktu yang tidak sedikit, supaya ia berjaya dalam usahanya untuk meyakinkan mad'unya terhadap ajaran yang disuguhkannya itu. Jangan sampai terjadi, da'ie salah memilih tempat tegak yang akan menjadi titik tolak da'wahnya. Rasulullah berpesan:

ما لحد يحد ث قوما بحدبث لا تبلعه عقو لهم الا كان فتنة على بعضهم

"Tidak ada seorang pun yang membicarakan sesuatu kepada suatu golongan, dengan cara yang tidak dapat mereka mengerti, kecuali akan menimbulkan kekacauan bagi sebahagian di antara mereka."

3. Sistematika yang akan dijadikan panduan:

Berdasarkan keterangan di atas, jelaslah bahawa perlu sekali ditetapkan. Sistematika yang baik, agar supaya da'ie dapat mengetahui, bagaimana caranya ia mulai berda'wah, dan dari mana titik tolak da'wahnya!

Pada detik-detik pertemuan pertama, da'ie harus berusaha keras untuk benar-benar mengenali mad'u yang akan dihadapinya. Jika hal ini sudah terlaksana, maka mudahlah ia memperbandingkan di antara satu mad'u dengan mad'u yang lain, kira-kira bagaimana kedudukan mad'unya di kalangan masyarakat, dan bagaimana cara menghadapinya. Selanjutnya, da'ie dapat mengikuti tiga langkah yang berikut, sebagai ukuran dasar da'wahnya:

1. Pembentukan 'Aqidah:

Membentuk 'aqidah, maksudnya menciptakan cara berfikir yang benar, terhadap alam raya serta manusia dan kehidupan ini. Untuk itu, paling minima harus diyakinkan terhadap Rukun Iman, terutama Iman kepada Allah Maha Pencipta. Usaha ini merupakan dasar dalam pembentukan keperibadian seorang Muslim. Inilah asas dan titik tolak dalam menentukan langkah-langkah selanjutnya. Dan inilah simpulan atau ikatan yang terbesar, pangkal terbukanya simpulan-simpulan yang lain-lain.

Pembinaan 'aqidah ini kemudian akan bersambung dengan pembinaan amal. Mad'u harus diyakinkan bahawa Islam adalah pedoman hidup yang akan menuntun manusia dalam memenuhi tuntutannya dalam kehidupan ini. Islam berasal dari Wahyu ILahi, pemberian Tuhan Yang Maha Mengetahui dan Maha Kuasa. Islam adalah peraturan yang lengkap, mencakup segala lapangan kehidupan manusia Islam terbit dan filsafat alam yang murni yang akar-akarnya berdiri sendiri. Sedang peraturan yang lain-lain, semuanya kurang lengkap, kerana memang kekurangan dasar, kerana semuanya berasal dari manusia. Dan sifat manusia yang hidup di sesuatu daerah, menyebabkan peraturan-peraturan yang dibuatnya itu kurang tidak lengkap, kerana terpengaruh dengan alam sekitar tempat ia berada. Inilah desakan yang menghimpit manusia sebagai pembuat peraturan!

Untuk mengemukakan hal itu. Da'ie harus mempelajari fikrah Islamiyyah secara mendalam dan harus juga mempelajari pendapat-pendapat dan pemikiran-pemikiran yang lain-lain yang berada di luar Islam. Dengan demikian. Da'ie dapat berusaha meyakinkan mad'unya tentang kekurangan yang ada dalam peraturan yang lain dan bagaimana lengkapnya peraturan dalam ajaran Islam.

2). Dan Iman menuju 'Amal:

Kalau Keimanan mad'unya sudah baik, 'aqidahnya sudah mendarah daging, dan sudah sempuma kefahamannya tentang Islam, maka langkah selanjutnya adalah peringkat 'amal. Da'ie perlu berusaha mewujudkan teori Iman itu dalam bentuk 'amal, 'ibadah, budi pekerti dan tingkah laku KeIslaman yang benar. Inilah maksud sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

ليس الا يمان بالتحلى ولكن هوما وقر فى القلب وصدقه العمل.

"Iman itu bukanlah angan-angan dan juga bukan perhiasan; tetapi Iman itu adalah sesuatu yang menetap dalain hati, dan dibenarkan dengan amal"
(Hadith Riwayat Al-Dailamy)

Sebenarnya uslub yang menjadi pegangan dalam pembentukan peribadi Muslim menurut manhaj tarbiyyah Islamiyyah dimulai dengan meletakkan batu pertama, iaitu mananam 'Aqidah Islamiyyah, memperdalam dasarya di dalam jiwa manusia. Ajaran Keimanan ini diturunkan lebih dahulu, lama sebelum diturunkan perintah dan ajaran Islam tentang 'Ibadah. Syari'ah dan pengarahan kepadanya. Dan pasti hal ini tidak boleh dilakukan sebaliknya dengan cara diajarkan amal dahulu baru diterangkan Iman...!

Urut-urutan ini timbul, kerana 'ibadah, budi pekerti (akhlaq) dan mu'amalah menurut Islam, itu semuanya adalah cetusan dari 'aqidah dan salah satu perwujudannya...! Dan menurut bagaimana dalamnya 'aqidah dan amal...! Dan sebagai fakta yang menguatkan dugaan ini, kita melihat bahawa perintah 'ibadah dan hukum-hukum syara' diturunkan setelah Rasulullah menunjuki kita ke jalan yang lurus. Dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam tidak lupa meninggalkan pesan:

لان يحدى الله بك رجلا واحدا خيرلك من الد تيا وما فيها.

"Sesungguhnya, Allah menunjuki seorang manusia dengan berkat usahanya, itu lebih baik, bagimu daripada dunia ini dan segala isinya."
(Hadith riwayat Al-Tabrani)

Dan Allah Subhanahu Wata'ala memberi peringatan:

وَقُلِ اعْمَلُواْ فَسَيَرَى اللّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُون

"Dan katakanlah: "Beramallah kamu maka sesungguhnya Allah akan melihat amal kamu, serta Rasul-rasul-Nya dan orang-orang yang beriman. Dan kelak kamu akan dikembalikan kepada Allah, yang mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu

diberitakan-Nya kepada kamu, apa yang di dunia ini selalu kamu kerjakan."
(Surah Al-Taubah: Ayat 105)

B. USLUB DAKWAH DAN CARA BERBICARA DI HADAPAN UMUM

Dan huraian yang telah lalu, sewajarnya tidaklah diambil pengertian, bahawa pintu da'wah itu hanya satu saja, iaitu menyakinkan orang yang diseru tentang ajaran Islam. Bahawa da'wah harus dimulai dan 'aqidah, menetapkan adanya Allah Subhanahu Wata'ala dan di akhiri dengan menetapkan agama Islam sebagai peraturan hidup dan bahawa memulai kehidupan menurut Islam dan menegakkan hukum Islam adalah wajib hukumnya bagi tiap-tiap orang Islam...!

Sebenarnya tidak demikian halnya. Dalam fasal ini akan diterangkan Jalan Da'wah, yang maksudnya kebijaksanaan Da'ie mencari pintu yang memungkinkan ia dapat memasuki jiwa mad'unya, sehingga ia berhasil meyakinkan mad'unya tentang kebenaran ajaran yang dikemukakannya itu dan dapat menarik mad'unya untuk turut bergerak. Dalam masalah ini, seharusnya kita bertolak dari hukum-hukum Syara' yang kita jadikan sebagai landasan gerakan dan tindakan kita. Dengan demikian, gerakan Islam itu tidak hanya merupakan usaha mendadak yang dilakukan tanpa perhitungan dan banyak dipengaruhi oleh perasaan, kemahuan dan pendapat seseorang. Usaha yang demikian, malahan mungkin akan menyimpang dan ketentuan yang asal, dan peraturan yang ditetapkan oleh agama. Dan ajaran agama itu seharusnya terpelihara dari penyelewengan dan penyimpangan!

Mudah difahami bahawa masyarakat manusia pada masa sekarang ini memerlukan usaha yang akan menarik perhatian mereka kepada agama Islam. Mereka perlu diinsafkan tentang kewujudan Islam sebagai Peraturan Hidup. Islam seharusnya dijadikan Pimpinan. Ikutan dan Imam yang akan memberi petunjuk yang jelas di tengah-tengah arus dan kekuatan alam yang saling bertentangan. Dan mudah juga difahami, bahawa usaha menarik perhatian ini merupakan langkah pertama, pengantar yang dikerjakan lebih dahulu, sebelum dimulai usaha meyakinkan mad'u tentang kebenaran ajaran Islam. Malahan, usaha menanik perhatian ini merupakan rangsangan pertama yang dimaksudkan untuk mempersiapkan akal dan jiwa mad'u, untuk kemudian terangsang dan bersedia menerima ajaran Islam itu.

Tuntunan Islam untuk melaksanakan usaha menarik perhatian ini dapat dilihat dengan jelas, jika kita mengikuti cara-cara Al-Qur'an dan Sunnah RasuluLlah SaLlaLlahu 'alaihi Wasallam dalam mengetengahkan da'wah di kalangan masyarakat. Sebagai contoh misalnya, Al-Qur'an berulangkali menarik perhatian orang-orang musyrik untuk mendengarkan Ayat-ayat Al-Qur'an itu. Beberapa Surah dimulai dengan huruf-huruf Hija'iyyah (الحروف الهجائية) seperti (الم)dan sebagainya. Huruf-huruf yang

terputus-putus ini mempunyai pengaruh yang besar dalam menggugah perhatian kaum Musyrikin, mendorong mereka untuk diam, tenang dan mendengarkan lanjutannya baik-baik; walaupun sebenarnya kaum Musyrikin itu sering menutup telinganya dengan hujung jarinya, jika mereka mendengar Ayat-ayat Al-Qur'an sedang dibacakan!
Dan method yang diterapkan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam berda'wah, tidak lain ialah penafsiran secara 'amali tentang pengarahan dan Allah Subhanahu Wata 'ala dalam firman-Nya:

ادْعُ إِلِى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِين

"Ajaklah ummat manusia ke jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan dengan nasihat yang baik..."
(Surah Al-Nahl: Ayat 125)

يُؤتِي الْحِكْمَةَ مَن يَشَاء وَمَن يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلاَّ أُوْلُواْ الأَلْبَاب

"Barang siapa yang diberi nikmat kebijaksanaan, maka sesungguhnya ia telah diberi kebaikan yang banyak"
(Surah Al-Baqarah: Ayat 269)

Kebijaksanaan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam ialah berusaha menggerakkan jiwa orang yang diserunya secara tidak langsung. Misalnya pernah ada seorang pemuda minta izin kepada beliau supaya diperbolehkan berzina. Maka Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam berganti tanya dengan pemuda itu apakah ia senang, kalau orang berzina dengan ibunya... dengan saudaranya yang perempuan... dengan anak puterinya... sehingga akhirnya orang itu insaf. Demikian juga, kebijaksanaan baginda dapat dilihat dalam cara baginda menarik perhatian orang kepada Islam, dan membimbing orang itu ke jalan yang benar, pada waktu seorang lelaki datang lalu mengatakan ia mahu masuk Islam, tetapi merasa berat untuk mengamalkan ajaran-ajarannya yang banyak. Maka Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

هل تعا هدنى على ترك الكذب

"Maukah engkau berjanji dengan saya untuk meninggalkan berdusta?"

Orang itu mengira, tentu ringan sekali, ia diperintahkan meninggalkan satu dosa saja, iaitu berdusta. Orang itu bersedia dan lalu masuk Islam. Tetapi kemudian setiap ia teringat akan mengerjakan sesuatu perbuatan yang tidak

baik, ia selalu teringat akan janjinya. Ia merasa, bahawa besok atau lusa, kalau bertemu dengan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam maka ia mesti mengakui perbuatannya di hadapan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam dan tidak boleh berdusta. Ia merasa segan dan malu, lalu tidak jadi mengerjakan pekerjaan yang tidak baik itu...! Demikian, akhirnya ia betul-betul menjadi orang baik...!

Demikianlah seterusnya, kebijaksanaan yang baginda tunjukkan dalam menyampaikan ajaran Islam kepada mad'unya sesuai dengan kemampuan daya fikir mereka dan dengan nada yang dapat memberi kesan ke atas mereka. Dan pernah juga baginda menggerakkan suatu pohon besar, sebagai tanda benarya keNabian beliau, di hadapan seorang Badui yang datang menanyakan mukjizat beliau. Oleh sebab itu, maka termasuk kebijaksanaan dalam berda'wah, menarik perhatian masyarakat kepada Islam, berbicara dengan mereka dalam bidang yang dapat mereka fahami dan dengan nada yang menyebabkan mereka terangsang! Perlu diingatkan bahawa manusia itu berlain-lainan dalam segala-galanya, dalam kecerdasan dan ilmu pengetahuan, dalam tabi'at dan perasaannya! Dan juga berbeza-beza pula jalan fikiran dan daya fahamannya, serta kemahuan dan bakatnya. Kesemuanya ini mengharuskan Da'ie memilih pintu masuknya yang sesuai, untuk mempengaruhi jiwa mad'unya dan memilih cara yang sesuai dengan taraf kecerdasan orang-orang yang diserunya itu!
Memang banyak kunci yang dapat dimanfaatkan untuk membuka pintu hati seseorang. Banyak bahan yang dapat dijadikan sebagai pengantar untuk meyakinkan mereka. Di antaranya:

1. Da'ie mengemukakan suatu jalan keluar terhadap sesuatu masalah hidup yang sedang dihadapi oleh mad'unya. Atau Da'ie menawarkan jasa untuk menyelesaikan kesibukan mad'unya itu.

2. Da'ie mengetengahkan suatu jalan penyelesaian terhadap sesuatu persoalan politik yang sedang hangat dan menyibukkan fikiran masyarakat.

3. Da'ie mengadakan suatu kunjungan persahabatan (ziarah) yang mesra kepada seseorang, atau berbicara dengan mesra dalam sesuatu pertemuan menunggu acara dimulai atau pada waktu sama-sama berangkat ke masjid atau sama-sama pulang dari masjid.

4. Da'ie menulis sesuatu rencana (artikel) dalam Majalah atau Harian.

Demikianlah beberapa contoh cara menarik perhatian mad'unya. Dan Da'i tentu saja dapat memikirkan contoh yang lain-lain yang dapat menggerakkan fikiran dan perasaan mereka dan menyebabkan mereka lalu terangsang.

Gerakan Islam dapat menarik perhatian orang kepada Islam, melalui celah-celah persoalan hidup yang mereka hadapi, baik yang kecil ataupun

yang besar. Apalagi kalau misalnya Da'ie turut mengambil bahagian dalam menyelesaikan sesuatu persoalan yang penting dengan cara yang baik, terutama persoalan politik. Kalau Da'ie pandai memberi jalan keluar yang sesuai dengan ajaran Islam dan di bawah sinar Islam, maka penyelesaiannya itu mungkin akan menampakkan kepada masyarakat, bagaimana kekeliruan politik yang sedang diterapkan. Apa yang perlu Da'ie harus bersabar, kerana mungkin untuk timbulnya kesedaran itu memerlukan waktu. Namun selanjutnya, peristiwa itu akan mengarahkan pandangan masyarakat kepada Islam. Tingkah-laku dan perjalanan Da'ie akan menjadi contoh yang mendorong mereka untuk mempelajari lebih banyak lagi, fikrah-fikrah serta pengertian dan pandangan Islam.

Dengan demikian jelaslah, bahawa Da'wah dalam bentuk Harakah Islamiyyah akan dapat memanfa'atkan setiap persoalan yang timbul di kalangan masyarakat untuk menarik perhatian masyarakat, sehingga mereka bertindak melenyapkan tradisi- tradisi Jahiliyyah yang masih ada. Secara tidak langsung, akan menyebabkan perhatian mereka tertarik kepada Islam, mula-mula dengan dorongan ingin tahu bagaimana Islam itu selengkapnya. Lalu Da'i berusaha supaya mereka mempelajari cara berfikir dan buah fikiran berdasarkan ajaran Islam dan bagaimana ni'mamya berpegang serta beriltizam dengan prinsip-prinsip Islam. Mereka akan merasakan keagungan Islam, lalu turut menikmatinya dan berjihad menegakkan ajaran-ajarannya.

C. HUBUNGAN LANGSUNG DENGAN INDIVIDU (Hisalu'l-Fardiyyah)

Pengalaman sudah cukup banyak telah dilalui oleh gerakan-gerakan Islam di bidang Da'wah, dalam usaha menyebarkan ajaran Islam di kalangan masyarakat. Sebagai hasilnya diperoleh kesimpulan yang meyakinkan bahawa hubungan individu (fardi) secara langsung, itulah yang banyak membawa kejayaan dalam menarik perhatian orang kepada Islam, dan menambah kegiatan bergerak di kalangan kaum Muslimin itu sendiri. Untuk mengadakan hubungan dalam bentuk fardi itu perlu diingat hal-hal yang berikut:

1. Pengertian hubungan individu secara langsung

Hubungan yang dimaksudkan di sini ialah bahawa tiap-tiap individu dan angkatan Da'ie yang telah bergabung dalam suatu jamaah masing-masing berusaha untuk mendapati teman baru. Mula-mula mereka mesti berusaha menarik orang luar kepada (memahami) fikrah Islamiyyah kemudian untuk turut menikmati ajaran-ajaran itu, dan akhir sekali membawa mereka ikut serta
dalam Harakah Islamiyyah.

Individu! Setiap individu mestilah hidup secara wajar, dalam suatu masyarakat yang menghubungkan dia dengan anggota masyarakat yang lain, dengan pertalian yang bermacam-macam.

Pertalian itu mungkin kerana hubungan kekeluargaan atau hubungan persahabatan, mungkin hanya teman yang pernah bertemu di jalan, atau secara kebetulan bersama-sama mengurus suatu keperluan bersama... dan sebagainya....!

Di sinilah Da'ie memanfaatkan segala macam hubungan dan suasana sebagai satu kesempatan untuk menyebarkan FIKRAH-FIKRAHNYA ke tengah-tengah gelanggang dan berusaha meyakinkan orang lain terhadap kebenaran buah FIKRAHNYA itu. Dan setelah adanya hubungan yang secara kebetulan itu, maka Da'ie harus berusaha mengalihkan hubungan itu menjadi suatu usaha yang diarahkan kepada penghayatan ajaran-ajaran Islam. Para Da'ie harus berusaha membukakan pintu Islam seluas-luasnya di hadapan teman barunya itu. Dan untuk itu, tentu saja para Da'ie harus berusaha pula, agar cara hidupnya, dan dari segala sudut sehingga ia merupakan gambar yang hidup, yang dapat menunjukkan contoh penghayatan ajaran-ajaran Islam, di mana saja
ada kesempatan.

Para Da'ie perlu mengingat, bahawa sebenamya, setiap individu itu hidup dan meninggalkan kesan sebagai jasanya sendiri. Jasanya itulah yang menunjukkan bagaimana nilai wujudnya. Sedang wujud yang sia-sia tanpa jasa itu, adalah wujud yang sama tarafnya dengan makhluk lain, termasuk haiwan-haiwan dan benda-benda mati. Oleh itu nilai seorang Muslim itu tidaklah terletak pada wujudnya saja, tetapi terletak pada jasa yang pernah ditinggalkannya kepada alam raya ini, berupa karya dan jasa. Maka sewajarnyalah para pendokong risalah Islam yang kini membawa tugas keRasulan itu hidup untuk tugasnya dan demi tugasnya itu, dan bahawa tugasnya itulah lingkaran tempat beredar segala pemikiran dan kegiatannya. Dan dengan demikian dapatlah ikrarnya yang diajarkan dalam Ayat yang mulia:

قُلْ إِنَّ صَلاَتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (162) لاَ شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ

"Katakanlah, sesungguhnya solatku dan 'ibadahku, serta hidupku dan matiku, bagi Allah Tuhan semesta alam. Tidak ada sekutu bagi-Nya, dan demikian itulah yang diperintahkan kepadaku…….
(Surah Al-An'am: Ayat 162, 163)

2. Hubungan individu merupakan tugas keagamaan:

Al-Akh Muslim perlu mengingati bahawa kepentingan berda'wah, menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh ummat manusia, itu hukumnya wajib, menurut agama. Berusaha melenyapkan kemungkaran dan meratakan kemakmuran adalah tugas dari tiap-tiap individu. Tugas ini tidaklah gugur kerana seseorang menjadi anggota dan suatu harakah dan turut aktif dalam segala kegiatannya. Kewajiban ber'amal menurut Islam dibebankan kepada setiap Muslim, baik di daerahnya ada jama'ah ataupun tidak. Jadi, membentuk jama'ah dalam Islam, maksudnya ialah untuk mengatur kegiatan-kegiatan individu, supaya dapat disusun menjadi suatu gerakan. Kemudian, gerakan itu dapat diarahkan sesuai dengan kemajuan zaman dan dapat disalurkan sehingga menjadi suatu tenaga raksasa yang dapat menyelesaikan persoalan-persoalan besar. Dan sudah jelas, bahawa persoalan-persoalan yang besar itu tidak dapat diselesaikan oleh individu-individu yang terpisah-pisah, walau bagaimanapun
banyak jumlahnya...!

Sebenarnya kalau kita meneliti Ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadith-hadith Rasulullah, maka akan nampak jelas, bahawa perintah berda'wah itu ditujukan kepada individu, kepada tiap-tiap orang. Sebagai contoh Allah menyatakan:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

"Dan tidak ada orang yang lebih baik kata-katanya dair seorang yang berda'wah mengajak ummat kepada agama Allah, dan ber'amal salih, dan berkata: Sesungguhnya saya termasuk golongan kaum Muslimin."
(Surah Fusilat: Ayat 33)

فَلِذَلِكَ فَادْعُ وَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءهُمْ

"Oleh sebab itu berda'wahlah dan beristiqamahlah sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau mengikuti kemahuan mereka..."

(Surah Al-Syura: Ayat 15)

"Ajaklah ummat manusia ke jalan Tuhan-mu dengan kebijaksanaan dan dengan nasihat yang baik..."
(Surah Al-Nahl: Ayat 125)

وَادْعُ إِلَى رَبِّكَ إِنَّكَ لَعَلَى هُدًى مُّسْتَقِيمٍ

"Dan ajaklah ummat ke jalan Tuhan-mu; sesungguhnya engkau benar-benar berada di atas petunjuk yang lurus."
(Surah Al-Hajj: Ayat 67)

"Barangsiapa di antara kamu melihat sesuatu kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya; kalau tidak sanggup, maka hendaklah ia merubahnya dengan lidahnya; kalau tidak sanggup, maka hendaklah ia merubahnya dengan hatinya, dan yang demikian selemah-lemah Iman."
(H.R. Muslim)

"Semuanya kamu adalah penggembala (pemimpin) dan Semuanya kamu akan diminta bertanggungjawab terhadap apa yang digembalakannya."
(H.R. Bukhari dan Muslim)

Perlu diperhatikan, bahawa kadang-kadang di kalangan para rohaniawan keliru dengan menafsirkan Ayat-ayat dan Hadith-hadith ini! Mereka mengira, bahawa tugas Da'wah itu hukumnya fardu kifayah dan dibebankan hanya kepada para spesialis, iaitu mereka yang memiliki keahlian, bakat dan ilmu pengetahuan untuk melaksanakan tugas itu. Untuk menjadi Da'i, seseorang itu harus mempelajari AL-Qur'an secara mendalam, diikuti dengan Tafsir dan 'Ulumul Qur'annya dan juga harus mempelajari Hadith-hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam serta Musthalahnya, serta ilmu Pengetahuan Agama Islam serta Fiqih dan Ushul Fiqihnya, ditambah dengan ilmu Pengetahuan Umum yang mencakup ilmu-ilmu Sosial, Politik dan Ekonomi, dilengkapi dengan ilmu Da'wah dan publisiti...! Bagi mempelajari ilmu-ilmu yang sebanyak itu hanyalah dapat dijangkau oleh sebahagian kecil dari kaum Muslimin yang beruntung mendapat kemampuan dan kesempatan untuk belajar sedemikian luas...!

Dalam hal ini penulis, berpendapat, bahawa sebenarnya persoalannya jauh lebih sederhana dari itu! Golongan ruhaniyyah, kalau sudah mengerti betul-betul tentang sesuatu ajaran Islam, sudah dapat mengamalkannya dan pandai pula menyampaikannya dengan jelas dan sederhana, maka sudah cukuplah itu sebagai perbekalannya untuk mulai menginjakkan kakinya, terjun ke bidang da'wah. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam sudah berpesan:

"Kamu sekalian, sampaikanlah daripadaku, walaupun hanya satu Ayat saja."
(Hadith riwayat Imam Bukhari)

Jadi, dalam suasana seperti itu, Dai harus memulakan kerjanya dengan hati-hati. Ia melaksanakan tugasnya sambil mengingat hal-hal yang berikut:

a. Insaf tentang kadar pengetahuannya dalam memahami ajaran-ajaran Islam, dan berusaha untuk selalu ber'amal sesuai dengan taraf pengetahuannya itu.

b. Mengamalkan secara berterusan ajaran-ajaran yang telah diketahuinya itu, mengamalkan ilmunya walaupun sedikit, dalam segala tingkah laku dan tindak-tanduknya.

c. Berusaha secara berterusan untuk menambah pengetahuannya tentang Islam, dan berusaha untuk mengikuti kemajuan zaman yang baik, bersikap terbuka mempunyai daya fikir dan membina.

Jadi, yang penting ialah supaya setiap individu dan kaum Muslimin menjadikan dirinya sebagai seorang Da'i. Sudah itu ia mestilah memulakan tugas sebagai da'i. Sebagai seorang da'i ia hendaknya ingat bahawa pekerjaan awal da'wahnya akan mengharungi banyak suka dan duka sama seperti memulakan satu kerja yang baru. Kadang-kadang menghadapi halangan malahan ada kalanya mengalami kegagalan, sama seperti memulakan sesuatu usaha baru yang lain. Namun demikian setelah para pendokong dan perintis melalui titik "memulai" itu, maka jalan yang terbuka lebar mulai nampak, terbentang di hadapannya. Halangan-halangan yang memagarinya satu demi satu akan tersingkir ke pinggir, hari demi hari akan berguguran seperti daun yang telah tua...! Dan akhirnya sang perintis akan mulai menanjak, setapak demi setapak. Ajaran-ajaran Islam akan dapat diratakan di bumi ini sedikit demi sedikit, hari demi hari... Insya' Allah...!

3. Halangan-Halangan

Bencana "menyendiri, dengan fikiran yang beku dan tidak berkembang" itu sering menimpa para Da'i. Nampaknya sebabnya hanya satu, iaitu: "takut kepada sesama manusia, takut menghadapi masyarakat"!

Mungkin para Da'i kurang percaya pada dirinya sendiri; jadi, sebelum berda'wah, perlulah ia meningkatkan kepercayaan ini!

Atau mungkin takut kalau-kalau sumber rezekinya terancam, sehingga Da'i selalu menenggang rasa kalau berbicara! Jika hal ini yang terjadi, maka para Da'i ertinya bersifat "pengecut". Maka seharusnya ia merawat jiwanya sendiri lebih dahulu, sebelum berusaha menghadapi orang lain. Atau mungkin para Da'i tersebut memillki perusahaan yang rasanya perlu difikirkan, walaupun kepentingannya berhadapan dengan kepentingan Islam!

Perasaan takut menghadapi manusia dan sebagainya, itu, tidaklah sewajarya menjadi sifat orang yang beriman; kerana Iman itu sendiri menyebabkan orangnya bersifat pemberani. Ia berani menegakkan kebenaran, dan berani membelanya. Dan inilah yang dimaksudkan dalam Firman Allah
Subhanahu Wata'ala.

الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُواْ لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَاناً وَقَالُواْ
حَسْبُنَا اللّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (173)

فَانقَلَبُواْ بِنِعْمَةٍ مِّنَ اللّهِ وَفَضْلٍ لَّمْ يَمْسَسْهُمْ سُوءٌ وَاتَّبَعُواْ رِضْوَانَ اللّهِ وَاللّهُ ذُو فَضْلٍ عَظِيم

"Orang-orang yang (beriman) apabila orang mengatakan kepada mereka; "Hati-hatilah kamu, sesungguhnya orang banyak sudah berkumpul untuk menyerang kamu. Takutlah kamu kepada mereka!" (Mendengar ancaman yang seperti itu) orang-orang yang beriman itu akan bertambah kuat Imannya, dan mereka akan berkata: "Cukuplah Allah tempat kami menyerahkan diri. Dialah tempat berserah yang sebaik-baiknya. Maka mereka kembali dengan ni'mat dan kurnia yang besar dari Allah, mereka tidak terkena bencana apa-apa
(Surah Ali-'Imran: Ayat 173-174)

Dan pengertian inilah yang tersirat dalam Hadith Rasulullah Sallahuahu 'alaihi Wasallam:

"Saya diperintahkan supaya mengatakan yang benar, walaupun pahit."

Dan dalam Hadith yang lain beliau bersabda:

"Saya diperintahkan supaya mengataan yang benar, dan supaya saya tidak takut kepada celaan orang dalam menegakkan agama Allah."

Tindakan lari, menyendiri dan menghindar, menjauhkan diri dan pertempuran, adalah sifat orang-orang yang ragu-ragu, yang maju-mundur, kerana lupa terhadap Firman Allah Subhana Wata'ala:

قُل لَّن يُصِيبَنَا إِلاَّ مَا كَتَبَ اللّهُ لَنَا هُوَ مَوْلاَنَا وَعَلَى اللّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُون

"Katakanlah, sekali-kali tidak akan menimpa kami, melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kami. Dialah Pelindung kami, dan hendaklah hanya kepada-Nya orang-orang yang beriman menyerahkan diri."
(Surah Al-Taubah: Ayat 51)

Mungkin mereka itu menyangka bahawa mereka akan dapat berlindung ke dalani bentengnya, agar tidak terkena ketentuan Takdir ilahi. Mungkin mereka lupa terhadap Firman Allah Subhanahu Wata 'ala

أَيْنَمَا تَكُونُواْ يُدْرِككُّمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ

"Di mana saja kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu, walaupun kamu berada di dalam benteng yang tinggi lagi kukuh...."
(Surah Al-Nisa': Ayat 78)

Kepada mereka itu dan rakan-rakanya Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

الَّذِينَ قَالُواْ لِإِخْوَانِهِمْ وَقَعَدُواْ لَوْ أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا قُلْ فَادْرَؤُوا عَنْ أَنفُسِكُمُ الْمَوْتَ إِن كُنتُمْ صَادِقِين

"Mereka itulah orang-orang yang mengatakan kepada saudara-saudaranya sedang mereka tidak turut pergi berperang: "Sekiranya mereka mengikuti kami, tentulah mereka tidak terbunuh." Katakanlah: "Kamu sekalian tolaklah kematian itu dari dirimu, jika kamu orang-orang yang benar."
(Surah Ali 'Imran: Ayat 168)

Dan dalam Ayat lain, Allah Subhanahu Wata 'ala berfirman:

قُلْ إِنَّ الْمَوْتَ الَّذِي تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُ مُلَاقِيكُمْ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَى عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُون

"Katakanlah: Sesungguhnya, kematian yang kamu lari daripadanya, maka sebenarnya kematian itu akan menemui kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah, Yang mengetahui apa-apa yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia akan memberitakan kepada kamu, apa-apa yang dahulu selalu kamu kerjakan."
(Surah Al-Jum'ah: Ayat 8)

Di samping itu, ada pula yang segan ber'amal untuk Islam, kerana merasa khuatir terhadap kesejahteraan mereka, serta rezeki dan sumber penghasilannya. Mereka memperhitungkan hal itu dengan teliti. Dan mereka ini hanyalah mungkin untuk menjadi hamba dan bumi dan segala kesenangannya yang murahan. Memang orang-orang yang seperti ini seharusnya berhati-hati terhadap segala apa yang memperlambat keberangkatan mereka dan menghalang gerakannya itu!

Wahai para Da'i, memang kita ditugaskan supaya bekerja dan berusaha, dan jangan melupakan bahagiannya di dunia ini. Dalam Al-Qur'an diperintahkan:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِن كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْك

"Dan carilah dalam apa yang diberikan oleh Allah kepadamu, kesenangan hidup di kampung Akhirat; dan janganlah engkau melupakan bahagianmu di dunia ini. Dan

berbuat baiklah, sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu...."
(Surah Al-Qasas: Ayat 77)

Para Da'i seharusnya menempatkan Ayat ini dalam saku bajunya, dan tidak disimpannya dalam hatinya. Dan supaya Ia memanfa'atkan Ayat ini untuk perkerjaan yang baik, dan bukanlah supaya ia dipekerjakan oleh perintah ini kepada yang tidak baik. Da'i mengarahkan perhatiannya kepada Ayat ini, tetapi bukan dengan cara membelakangkan perintah-perintah yang lain-lain, terutama perintah Jihad, perintah berjuang untuk menegakkan agama Allah….!

4. Kebaikan hubungan fardiyyah (individu):

Hubungan fardi (individu) secara langsung, itu banyak kebaikannya, sukar untuk menghitungnya satu per satu. Cukuplah kita utarakan di sini, bahawa hubungan individu itu memberi kesempatan kepada rakan-rakan Da'i untuk mengenal dari dekat, unsur-unsur yang akan ditariknya dengan Da'wahnya, dan dapat pula ia menyampaikan ajaran Islam itu secara berdekatan. Da'i juga dapat menyelami keadaan mereka dan kesulitan yang mereka hadapi. Jadi, untuk selanjutnya mudahlah Da'i menetapkan langkah dan pengarahan serta penanggulangan kesulitan mad'unya. Sedang hubungan secara jama'ah, itu tidak dapat menjangkau hasil-hasil 'amali (praktikal) yang langsung menemukan penyakit dan merencanakan ubatnya.

Termasuk juga kebaikan hubungan secara fardi itu, ialah Da'i dapat menempatkan rakan-rakanya tanpa kecuali di hadapan tanggung-jawab dan kewajipan mereka. Dengan demikian, maka usaha Da'wah itu tidak lagi terbatas di kalangan segelintir orang-orang yang bertugas di lapangan itu yang berkepentingan untuk mengarahkan dan menuntun. Sesungguhnya diwajibkan kepada setiap al-akh untuk mengerjakan pekerjaan yang mendatangkan hasil dalam bahagiannya, dalam batas-batas yang dimungkinkan oleh kemungkinan, kesanggupan dan kemampuannya….!

Oleh sebab itu, sewajibnya ia menempatkan jama'ahnya sebagai suatu medan atau arena tempat ia bekerja. Semuanya bekerja di dalamnya dan semuanya berperanan sehingga tidak ada kesempatan untuk menganggur dan bermalas-malasan……

Di antara kebaikan hubungan secara fardiyyah juga ialah bahawa cara bekerja ini menghindarkan anggota-anggotanya dari terlalu banyak bergerak di luar keperluan yang kadang-kadang didorong oleh suasana politik. Demikian juga cara ini menolong Da'i untuk menghadapi persoalan yang dihadapkan kepadanya dengan cara berdiskusi tentang masalah itu dengan menguraikannya secara panjang lebar dan terperinci. Hal ini tidak dapat dijangkau dengan hubungan jama'i, seperti dalam pertemuan-pertemuan, perayaan-perayaan atau ceramah-ceramah.

Dengan demikian jelaslah bahawa hubungan individu itu adalah cara yang produktif dan berhasil, dapat mengemukakan hasilnya tanpa ramai dan sibuk. Dan dengan gerakan itu Da'i dapat sampai ke maksud yang dituju dengan usaha yang semudah-mudahnya, dan dalam waktu yang sesingkat-singkatnya

Akhirnya perlu diingat, bahawa rakan-rakan para Da'i perlu menempatkan di hadapan kedua mata mereka, dan supaya selalu mengiang-ngiang di telinga mereka, sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Sesungguhnya, Allah menunjuki dengan berkat usahamu, satu orang, itu lebih baik bagimu daripada dunia ini dan segala isinya."
(H.R. Thabrani).

D. FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBAWA KEJAYAAN:

Para Da'i perlu menyediakan tanah yang subur dan boleh mendatangkan hasil sebagai menabur bibit Da'wahnya. Seharusnya Ia sanggup menjelajah dan mengarahkan jalan fikiran masyarakat yang dihadapinya. Ia harus sanggup mengarahkan da'wahnya di hadapan segala macam lapisan masyarakat dan di segala penjuru. Untuk itu Da'i perlu memperhatikan beberapa faktor, di antaranya:

1. Gaya bahasa yang baik

Bahasa yang baik itu merupakan faktor utama yang akan menjimatkan waktu dan tenaga Da'i. Dengan gaya bahasa yang baik, Da'i dapat sampai kepada ajuannya dengan mudah. Dalam segala kesempatannya untuk berda'wah, Da'i tetap memerlukan bahasa yang baik itu, baik untuk menulis, ataupun untuk berkhutbah, apalagi untuk bercakap-cakap atau mengadakan tanya-jawab. Bahasa yang baik, sama perlunya untuk Da'wah di peringkat tempatan, nasional atau internasional, baik di bidang politik, ataupun di bidang pendidikan dan kemahasiswaan!

Untuk dapat mengetengahkan bahasa yang baik, Da'i harus mengenal betul-betul taraf kecerdasan masyarakat yang menjadi sasarannya ini merupakan faktor utama, perbekalan Da'i dalam melaksanakan tugasnya. Da'i harus mempelajari permasalahan serta kemahuan dan jalan fikiran mad'unya. Sama seperti Doktor, menyelidiki sumber-sumber penyakit serta perkembangan dan tahap-tahap peningkatannya. Kemudian, Doktor merumuskan punca-punca yang menyebabkan timbulnya penyakit itu, berdasarkan pengetahuannya yang pasti tentang ciri-ciri sesuatu penyakit dan cara-cara penyembuhannya!.

Da'i yang berpengalaman, sama seperti Doktor yang berjaya. Ia mengetahui dari mana ia harus mulai dan bagaimana cara memulainya. Dan semestinya ia tidak memulai tugasnya sebelum lengkap berada di tangannya alat-alat yang memungkinkan pemeriksaan serta perumusan penyakit dan penentuan

ubat. Dan dengan demikian, maka rentetan pekerjaannya tidak hanya merupakan percubaan-percubaan yang gagal dan tindakan-tindakan mendadak...!

Masyarakat sekarang ini bergolak, menerima banyak pemikiran dan pengarahan. Kesemuanya menarik perhatian orang dengan propaganda dan daya tariknya yang diutarakan dengan gaya bahasa yang menarik. Propagandis mendekati masyarakat dan pintu masuk, sehingga mereka benar-benar mendengarkan dan memperhatikan propagandanya itu, mendatangi mereka dan sudut di mana mereka merasa dan menyedani Propagandis menyapu luka mereka dan memicit anggota mereka yang sakit dan menunjukkan jalan keluar bagi kesulitan yang mereka hadapi...!

Di pihak lain para Da'i seharusnya tidak lebih sedikit pemerliharaan dan penelitiannya tentang gaya bahasa yang dipakainya. Jangan sampai para Da'i berbicara dengan para pekerja yang setiap harinya letih bekerja, dengan mengemukakan "Bahasa yang kaku." Jangan sampai mereka mengadakan soaljawab dengan sasaran yang menyanggah da'wahnya itu dengan mengemukakan hujjah yang beremosi. Mereka harus mempersiapkan untuk tiap-tiap jenis sasarannya suatu gaya bahasa yang sesuai dengan mereka. Dan untuk itu Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam berpesan:

"Berbicaralah kamu dengan manusia menurut taraf kecerdasan mereka."

Agama Islam sekarang ini memerlukan para Da'i yang mampu mengetengahkan ajaran-ajaran Islam dengan bahasa yang menarik; mendekatkan dan bukan menjauhkan orang; memberi penjelasan dan bukan membingungkan; berbuat baik dan bukan berbuat tidak baik. Dan berapa banyak Da'i yang memburukkan agama Islam kerana Da'wahnya yang tidak baik. Mereka merosakkan Islam, pada hal mereka merasa berbuat baik kepada Islam.

Dengan demikian nyatalah bahawa tugas para Da'i itu penting dan tanggung-jawab mereka besar. Oleh sebab itu seharusnyalah dilengkapi unsur-unsur kenyataan yang positif dan seimbang dalam gaya bahasa para Da'i.

2. Antara keras dan lemah-lembut

Jiwa manusia mempunyai tabi'at sayang kepada orang yang berbuat baik kepadanya. Sebaliknya tindakan yang keras dan kasar menyebabkan jiwa manusia kadang-kadang terdorong untuk takabbur bertahan dalam kesalahannya dan menghindari orang yang menegurnya, akhimya ia menonjolkan kebanggaannya dalam mengerjakan dosa itu. Sedang lemah lembut yang kita kemukakan di atas, bukanlah maksudnya menutupi kesalahan, ria' dan munaflq. Lemah-lembut maksudnya mengemukakan nasihat demi kesejahteraan orang yang diseru menganjurkan kebaikan dan

jasa dengan gaya bahasa yang memberi dan menimbulkan kesan, dapat membuka pintu hati dan melapangkan dada. Terutama kalau Da'wah itu ditujukan kepada Kaum Muslimin sendiri, tidaklah wajar Da'i secara kasar membentak-bentak mereka dengan kata-kata yang kasar dan suara yang keras, terhadap sesuatu kesalahan yang mereka perbuat...!

Marilah kita renungkan tuntunan Al-Qur'an dan suruhan Ilahi, yang ditujukan kepada "Musa dan Harun." Allah Subhanahu Wa Ta'ala menasihati mereka berdua, supaya mereka memulai pembicaraannya dengan lemah-lembut dan baik pada waktu mereka ditugaskan menghadap Fir'aun yang begitu sombong. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

اذْهَبْ أَنتَ وَأَخُوكَ بِآيَاتِي وَلَا تَنِيَا فِي ذِكْرِي (42) اذْهَبَا إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَى

"Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun; sesunguhnya ia sombong, melewati batas. Kamu berdua berbicaralah dengan dia, dengan kata-kata yang lemah-lembut, agar dia sedar dan takut kepadaAllah..."
(Surah Taha: Ayat 43,44)

Malahan lebih dari itu, banyak sekali petunjuk-petunjuk dalam Al-Qur'an dan tuntunan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam, dalam mempraktikkan sikap lemah lembut dan menghindari sikap keras dan kata-kata yang kasar. Kesemuanya itu menguatkan keyakinan, bagaimana besarnya pengaruh sikap lemah-lembut ini dan bagaimana nilainya dalam pengarahan Dakwah.
Pada akhir Surah Al-Nahi, Allah Subhanahu 'Wata'ala berfirman, memerintahkan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam agar baginda berda'wah dengan menggunakan kebijaksanaan dan memberi nasihat ataupun berdebat dengan baik. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

ادْعُ إِلِى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُم بِالَّتِي هِيَ
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

"Ajaklah manusia ke jalan Tuhanmu dengan kebijaksanaan, dan dengan nasihat yang baik; dan berdebatlah dengan mereka, dengan cara yang paling baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia-lah yang lebih mengetahui, siapa yang sesat dan jalan-Nya, dan Dialah yang lebih mengetahui, siapa yang mengikuti petunjuk"
(Surah An-Nahl: ayat 125)

Ibnu Katsir menafsirkan Ayat ini dengan katanya: 'Maksudnya, siapa yang perlu mengadakan perbincangan dan perdebatan, maka hendaklah ia lakukannya dengan cara yang baik, lemah lembut dan mengucapkan kata-kata yang halus. Dalam Surah Ali 'Imran, Al-Qur'an menunjukkan manfa'at

dari sikap lemah lembut itu, dalam usaha untuk menarik minat masyarakat yang
diserunya Allah Subhanahu Wata 'ala berfirman:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللّهِ لِنتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لاَنفَضُّواْ مِنْ حَوْلِكَ

"Maka sesungguhnya hanya dengan rahmat Allah, engkau dapat bersikap lemah lembut kepada mereka. Dan kalau sekiranya engkau bersikap kasar dan berhati keras tentulah mereka akan lari dari sekelilingmu...."
(Surah Ali 'Imran: ayat 159)

Sehubungan dengan tafsir ayat ini, 'Abdullah Ibn 'Umar berkata: "Sesungguhnya saya melihat sifat Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam ini dalam Kitab-kitab terdahulu. Di sana termaktub: "Dia bukanlah orang yang kasar kata-katanya dan juga tidak keras hatinya dan tidak mau ribut di pasar-pasar. Dan Ia tidak mahu membalas kejahatan dengan kejahatan, tetapi ia suka memaafkan dan melupakan kesalahan orang."

Dalam riwayat hidup Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam kita dapati contoh-contoh peristiwa yang merupakan cara yang jelas, bagaimana Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam melaksanakan da'wah dengan lemah lembut. Abu Umamah menceritakan: Pada suatu hari, ada seorang anak muda datang mengadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam sambil berkata:

"Wahai Rasulullah, apakah Rasulullah mengizinkan saya berzina?"

Mendengar pertanyaannya itu, orang ramai lalu marah kepadanya. Tetapi, Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Kamu sekalian, dekatkanlah dia! Marilah, dekatlah engkau ke mari!''

Anak muda itu mendekat, sehingga ia duduk di hadapan dengan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam, lalu Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bertanya kepadanya:

Apakah engkau suka, kalau orang berzina dengan ibumu..."

Anak muda itu menjawab:

"Tidak semoga Allah menjadikan aku penebus Rasulullah."

Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bertanya lagi:

"Demikian juga orang lain tidak senang kalau orang berzina dengan ibumu. Lalu, apa engkau suka, kalau orang berzina dengan anak perempuan mu?"

Anak muda itu menjawab:

"Tidak semoga Allah menjadikan aku penebus Rasulullah."

Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda lagi:

"Demikian juga, orang lain tidak suka kalau orang berzina anak perempuannya. Lalu, apakah engkau suka, kalau orang berzina dengan saudara perempuanmu?"

Selanjutnya, Ibnu 'Auf menjelaskan, bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam menyebutkan lagi satu per satu, saudara perempuan dari Ayah, saudara perempuan dari ibu... sedang anak muda itu menjawab tiap-tiap pertanyaan Rasulullah dengan:

"Tidak! Semoga Allah menjadikan aku penebus Rasulullah."

Akhirnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam meletakkan tangan baginda ke dada anak muda itu, dan baginda berdoa:

"Ya Allah, bersihkanlah hatinya dan ampunilah dosanya, dan peliharalah kehormatannya."

Semenjak peristiwa itu tidak ada sesuatu yang dibenci oleh anak muda itu selain dan zina. (Hadith Riwayat Ahmad).

Gaya bahasa dalam berda'wah itu seharusnya selalu meningkat dan diperbaharui, sesuai dengan suasana, dan dalam batas-batas yang diizinkan dalam Islam. Mudahnya ajaran Islam itu mengharuskan Da'i supaya ber'amal sesuai dengan tuntutan zaman, dan dengan bermacam-macam pendekatan yang diperbolehkan. Da'i harus memanfa'atkan segala macam cara untuk menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat, sebagai suatu peraturan hidup (NIZAMU'L-HAYAT), pedoman yang sebaik-baiknya dalam menempuh kehidupan ini. Da'i harus menyampaikannya dengan cara yang paling bijaksana, dan mencari cara dengan pengertian yang mudah inilah yang dimaksudkan dalam sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

Kebijaksanaan itu adalah sesuatu benda yang hilang dari seorang yang beriman. Di mana saja ia menemukannya, maka dialah orang yang paling berhak untuk memungutnya."

Dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda pula:

"Kamu sekalian, ambillah hikmah itu, dari mana-mana bekas yang mengeluarkannya."

3. Mahu ke mana kita?

Da'i harus menyampaikan Da'wahnya dengan bahasa yang baik. Untuk itu, dia perlu memiliki bekal yang cukup. Bekal yang paling utama ialah pengertian yang jelas tentang tujuan Da'wah yang akan dicapainya. Sebelum memulakan tugasnya, Da'i harus menetapkan gambaran dan rumusan yang jelas tentang maksud dan tujuan Da'wahnya. Pengertian itu akan membantu dan menentukan bagaimana gaya bahasa yang sesuai untuk mad'unya itu dan kaedah yang mana yang akan dikemukakannya dan bagaimana caranya.

Di pihak lain, pengetahuan Da'i terhadap tujuan Da'wahnya tentu saja akan menjimatkan waktu dan tenaganya. Ia dapat menetapkan titik tolak dalam persediaannya untuk berda'wah. Ia memulakan tugasnya di atas landasan pengertian yang jelas. Jadi, ia tidak melangkah dengan meraba-raba dan juga tidak memasuki rumah tanpa melalui pintunya. Ia tidak memulai tugasnya tanpa memperhitungkan akibat dan hasil yang akan diraihnya.

Sikap yang demikian itulah yang dimaksudkan dalam tuntunan Illahi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا (70) يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَن يُطِعْ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

"Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah, dan ucapkanlah perkataan yang tepat; nescaya Allah akan memperbaiki bagimu amalan-amalan mu, dan mengampuni dosa-dosamu. Dan barangsiapa yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar."
(Surah al-Ahzab: Ayat 70-71)

Memang benar berda'wah itu mudah dan sukar. Mudah, jika batas-batas dan jarak yang akan ditempuh sudah diketahui oleh Da'i dengan jelas. Selanjutnya ia akan tetap berjalan di atas landasannya dan akan tetap mengingati dasar dan peraturannya. Tetapi da'wah itu sukar, jika Da'i bingung memilih jalan yang akan ditempuhnya dan kebetulan pula Taufiq ilahi tidak bersamanya. Memang benar kata Sya'ir:

"Jika seorang pemuda tidak mendapat pertolongan Allah..., maka musuhnya yang paling kejam... Tidak lain ialah buah fikirannya sendiri..."

Justeru itu Da'i harus menginsafi, apakah yang menjadi tujuannya dalam setiap langkah yang ditempuhinya dalam berda'wah..., baik di waktu ia berkhutbah ataupun menulis, jika ia mengadakan soal jawab atau wawancara, dalam suasana ia berteman atau bermusuh, di sa'at ia memuji atau mencela...!

Benarlah apa yang dikatakan oleh Hasan Basri:

"Orang yang bekerja tanpa (ilmu) sama seperti orang yang berjalan meraba-raba di luar jalan raya yang terbentang. Dan orang yang bekerja tanpa tujuan, lebih banyak merosak daripada membangun."

Dan kata Hukama':

"Barangsiapa menempuh sesuatu jalan tanpa petunjuk, maka ia akan sesat. Dan barangsiapa berpegang pada sesuatu yang bukan pokok, tentu ia akan kecewa."

3

MAUDUK DA'WAH (BAHAN DA'WAH)

A. PANDANGAN TERHADAP APA YANG SEDANG BERLAKU

Dai akan mula berda'wah. Pada detik-detik pertama, dalam pertemuannya dengan orang yang akan menerima Da'wahnya, para Da'i sebaiknya berbincang mengemukakan pandangan yang halus terhadap apa yang kurang baik yang sedang mungkin Da'i mengemukakan ulasan yang ringkas dan berusaha meyakinkan mad'unya untuk menerima pandangannya itu. Da'i haruslah ingat, bahawa sejauh mana ia dapat mengemukakan pandangan yang masuk akal, sejauh itulah dalamnya kesan pertama dan Da'wahnya yang akan tertanam di dalam hati mad'unya.

Dalam hal ini penulis berpendapat, bahawa hal-hal berikut ini berhak/wajar untuk dijadikan bahan renungan pada detik-detik pertemuan pertama itu:

1) Kerosakan'Aqidah

Sebaiknya Da'i mengemukakan, bahawa bencana pertama, yang menimpa masyarakat dewasa ini ialah rosaknya 'Aqidah mereka, kerana masuknya unsur-unsur materialisme, yang menubuhkan keraguan dan Atheisme dalam jiwa masyarakat. Waktu berlalu, tanpa disedari unsur-unsur Materialisme itu telah bertindak menyebarkan pendapat—pendapat dan pengertian yang menyimpang dan agama. Akibatnya jiwa keagamaan menjadi goncang, dan dikhuatirkan akan tumbang, demi melapangkan jalan untuk tumbuhnya fikiran-fikiran Atheisme di mana-mana.

Materialisme melancarkan serangan terhadap agama, dengan menyebarkan berita-berita yang mengejutkan, dan kadang-kadang mengemukakan ancaman kemiskinan yang menakutkan; dan kadang-kadang menyebarkan pendapatpendapat yang menunjukkan keharusan lenyapnya ugama dan ummat berugama dan permukaan bumi ini...!

2) Kerosakan budi pekerti (Akhlak)

Akibat langsung dan kerosakan 'Aqidah itu ialah rosaknya budi pekerti (akhlak) masyarakat. Hal ini langsung melanda anggota-anggota masyarakat secara menyeluruh. Perbuatan-perbuatan yang keji dan munkar, kini tersebar luas. Fakta-fakta sejarah sudah cukup menjadi bukti yang meyakinkan, bahawa sebab-sebab kejatuhan dan kemunduran sesuatu bangsa, tidak lain ialah kerana tenggelamnya bangsa itu di dalam kancah kejahatan mereka menurut hawa nafsu, sedang fikirannya terarah kepada kesenangan hidup dan kemewahan! Tidak syak lagi hal ini berlaku secara umum di kalangan bangsa di dunia,
sebagai suatu bencana umum.

"Bila kejahatan telah meluas di kalangan sesuatu bangsa, maka Allah akan menimpakan bencana yang meluas kepada mereka...!"

***3)* Percubaan-percubaan**

Di celah-celah kerosakan 'Aqidah dan akhlak itu, selama seperempat abad belakangan ini, bangsa-bangsa di seluruh dunia ini sudah menyaksikan suatu silsilah yang sambung-menyambung dan eksperimen-eksperimen yang gagal
dalam segala bidang kehidupan manusia. Di antaranya:

A). DI BIDANG POLITIK (SIASIYYAH): Kita menyaksikan kegagalan demi kegagalan dan teori Nasionalisme dalam menegakkan sesuatu bentuk yang bernama "KESATUAN"! Sampai dengan kesatuan antara dua daerah, yang penduduknya terdiri dari satu bangsa, keturunan dan satu nenek-moyang...!

B). DI BIDANG EKONOMI (IQTISADIYYAH): Kita melihat kegagalan dan teori-teori Kapitalisme dan Sosialisme, dalam usahanya membentuk masyarakat yang 'adil dan makmur...! Malahan teori Kapitalisme kini nampaknya mendatangkan bencana kepada ekonomi nasional, sehingga menjurus kepada kehancuran
perdagangan dan kewangan di beberapa negara...!

c). DI BIDANG PERTAHANAN: Kita melihat pula, kekalahan demi kekalahan yang menimpa bangsa-bangsa yang sedang berjuang. Hal ini menguatkan fakta yang tidak dapat disangkal lagi, yang membuktikan lemahnya peraturan yang sedang berlaku di bidang pentahanan kita. Pendidikan Angkatan Bersenjata yang kini berlaku, ternyata tidak mampu membentuk anggota tentera yang kuat jiwa dan raganya! Hasilnya, mereka tidak mampu menghadapi penjajahan kaum imperialis baru; mereka tidak mampu menyelami perjuangan untuk menegakkan kemerdekaan yang sebenarnya...!

D). SUASANA KELEMAHAN YANG MELANDA MASYARAKAT: Manusia yang dikatakan maju, kini nampaknya berada dalam suasana lemah rohaninya... sangat dha'if! Kebiasaan yang kini luas di kalangan mereka, nampak berada dalam suasana yang menyimpang dan tidak stabil! Dan bencana ini hampir menimpa kemanusiaan di segala penjuru...!

Kalau kita renungkan, maka akan terasa, bahawa masyarakat manusia ini tidaklah sampai kepada keadaannya yang sekarang ini secara kebetulan saja! Suasana terlantar ini adalah 'akibat tindakan manusia, yang cuba menyisihkan agama, menyeleweng dari Peraturan ilahi (Nizamu'l-llahi). Inilah 'akibat keberanian manusia, mengingkari kedudukan agama sebagai pedoman hidup. Akhirnya, manusia, yang dikatakan maju itu, sekarang nampaknya tergelincir kembali ke 'alam Jahiliyyah. ("Jahiliyyah Moden!")

4). Jika sebab sudah diketemukan, maka kekeliruan pun hilang

Sebenarnya, suasana kedaifan, yang melanda umat manusia sekarang ini adalah 'akibat dan isu-isu yang berkeliaran mengerumuni "Agama". Isu itu merupakan kapak yang dikerahkan untuk menebang pokok agama dan segala sudut.

Gerakan menyisihkan agama itu dimulai dari Rasialisme, pembedaan kulit putih dan kulit berwarna: kemudian menuju Materialisme dengan segala cabang-cabangnya, lalu merambat ke Zionisme..., diiringi dengan penyebaran faham-faham yang aneh, yang meluas di segala penjuru...! Dan isu yang bermaksud menyebarkan faham Materialisme itu bekerja dengan giat, mempergunakan segala macam media-massa! 'Akibatnya umat manusia menderita serangan dari dua arah; kerosakan 'Aqidah dan kemerosotan Akhlaq...!

Kita dapat menyaksikan bukti yang nyata dari keadaan ini dalam segala bidang hidup. Kehidupan masyarakat nampak menjurus ke arah yang tidak baik, kerana banyaknya kejahatan dan peingkaran di sana-sini! Ekonomi menjadi tandus, kerana gagalnya teori-teori ciptaan manusia, yang sedang disebarkan tetapi nampak tidak sanggup membawa ke'adilan dan kema'muran. Hal ini jelas kelihatan dalam kelemahan dan perpecahan yang selalu terjadi di kalangan masyarakat. Mereka terpecah menjadi beberapa gulungan. Kemudian antara mereka saling bersaing, yang mengakibatkan semuanya menjadi lemah. Dalam keadaan yang demikian, semuanya lalu kalah dalam menghadapi perlawanan yang susul-menyusul, dalam menghadapi kaum imperialis lama dan moden! Banyak tokoh-tokoh yang kemudian menyingkir dari gelanggang hilang dari peredaran, menyendiri dengan kefanatikannya...!

5) Jalan keselamatan

Setelah teori Materialisme itu gagal dan diikuti dengan kegagalan teori-teori yang lain, maka jelaslah bahawa tidak ada lagi jalan menuju keselamatan selain Islam! Hanya Islam sajalah yang dapat diharapkan untuk melepaskan ummat manusia dari segala keda'ifan dan penderitaan. Islam adalah satu-satunya pedoman yang lengkap, yang dapat dijadikan perisai, untuk menangkis limpahan kebudayaan Materialisme dengan segala rentetannya itu! Islam mengandungi pedoman yang lengkap Untuk memimpin dan mendorong manusia untuk maju, menuju keadilan dan kemakmuran yang sejati...!

Materialisme yang melanda masyarakat, sudah menginjak-injak segala norma dan nilai, lalu menanamkan perasaan gelisah dan bingung, dalam menyaksikan penyelewengan dalam segala segi kehidupan! Sungguh, tidak ada kekuatan yang dapat membetulkan keadaan ini, kecuali suara hati nurani, ucapan fitrah, dan pembawaan naluri yang murni! Tidak ada yang sanggup mencabut Materialisme itu sampai ke akar-akarnya, dan melemparkannya ke tempat sampah, kecuali bisikan sukma manusia yang murni...! Hanya itulah yang lebih kuat dari Materialisme itu, dan lebih mampu untuk membahagiakan manusia dan menyempurnakan ketenangan hidupnya...!

Ummat manusia sudah sekian lama mengorbankan waktu dan tenaganya dalam melakukan eksperimen-eksperimennya yang gagal melulu! Kini ummat manusia sudah sampai kepada kekecewaan dan kemiskinan, yang melanda masyarakatnya, sebagai 'akibat dan penyelewengannya meninggalkan suara hati nuraninya sendini! Kini ummat manusia sudah terpanggil untuk kembali memperbaharui dan menampakkan keperibadiannya yang murni! Kini mereka terpanggil untuk meninjau dunia ini dengan membawa missi penyelamatan dan bahaya...! Kini, ummat manusia sudah terpanggil, untuk melaksanakan "Ajaran-ajaran Islam," dalam pertarungannya untuk mewujudkan kemakmuran yang sebenarnya...!

(Demikianlah "renungan" yang dikemukakan oleh Da'i, pada detik-detik perkenalan pertama dengan mad'u. Seterusnya renungan itu dilanjutkan dengan pembicaraan yang lebih serius dan lebih mendalam mengenai teori-teori ciptaan manusia, di antaranya:)

1. Kritikan terhadap Kapitalisme.

Kapitalisme, adalah teori yang dilaksanakan secara meluas di dunia Barat. Semenjak dunia Islam dilanda oleh serangan penjajahan kebudayaan, politik, serta ekonomi Barat, pada Abad ke-20 Masehi ini, maka sebahagian besar dari negara-negara Islam telah mempraktikkan teori ini di negerinya masing-masing! Namun perlu difahami, bahawa Kapitalisme itu berlainan dengan Islam dalam
beberapa segi ajarannya di antaranya:

1). Pada dasarnya, Islam menolak Kapitalisme, dengan alasan bahawa Kapitalisme itu adalah teori ciptaan manusia. Memang pada prinsipnya, Islam menolak segala peraturan ciptaan manusia! Islam menilai, bahawa dasar kedudukan "MANUSIA" sebagai pencipta teori Kapitalisme itu, justeru itulah teori ini menemui kegagalannya. Islam menilai, bahawa segala teori buatan manusia adalah bermaksud menentang (Nizam), Syari'ah serta Ciptaan Allah
Subhanahu Wata'ala.

Kita hanya mengakui, bahawa satu-satunya peraturan yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada ummat manusia masa kini ialah **"ISLAM"** Islam telah ditetapkan sebagai penutup dari Kerasulan dan Kenabian serta agama, dan sudah ditentukan sebagai peraturan yang sesuai untuk masyarakat manusia seluruh zaman!

إِنَّ الدِّينَ عِندَ اللّهِ الإِسْلاَمُ

"Sesungguhnya agama yang benar di si.si Allah hanyalah Islam."
(Surah Ali 'Imran: ayat 19)

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ الإِسْلاَمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

"Barangsiapa yang mengharapkan agama selain Islam, maka tidak akan diterima daripadanya; dan kelak di akhirat, ia akan termasuk orang-orang yang rugi."
(Surah Ali 'Imran: ayat 85)

2). Kapitalisme membentuk jurang perbezaan dalam masyarakat, lalu mengutamakan beredamya harta dan penghasilan di kalangan kelas itu saja. Kapitalisma mengutamakan kekuatan dan kedaulatan kelas, yang mrut mempunyai modal dan saham. Cara yang seperti ini tidak dibenarkan dalam Islam.

Islam menetapkan perlunya mengatur hak milik individu, dan menghapuskan perbuatan mengumpul kekayaan, Islam menetapkan peraturan-peraturan yang menjamin penghapusan pengumpulan harta-harta itu, dan memerintahkan supaya harta itu dibahagikan di kalangan masyarakat, dengan cara yang sebaik-baiknya. Allah Subhanahu Wata'ala memberi tuntunan dalam Al-Qur'an:

مَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى
وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنكُمْ

"Harta yang diperoleh dari orang kafir tanpa perang (Fai'), yang diberikan oleh Allah kepada Rasul-Nya, yang berasal dari penduduk kota-kota yang belum masuk Islam, itu adalah untuk Allah, untuk Rasulullah, dan untuk kaum kerabatnya, dan untuk anak-anak yatim dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang sedang berada dalam perjalanan; supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang yang kaya di antara mereka."
(Surah Al-Hasyr: ayat 7)

Dan tuntutan itu disertai ancaman:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلاَ يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللّهِ فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak, dan tidak menafkahkannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka, bahawa mereka akan mendapat siksa yang pedih."
(Surah At-Taubah: ayat 34)

3). Kapitalisme mengamalkan kebebasan individu, dan membolehkan pengumpulan. Ajaran ini bererti memuaskan jiwa kerakusan dan segelintir individu-individu yang kaya dan merugikan golongan masyarakat yang tidak kaya. Tentulah ini bertentangan dengan Islam, kerana semenjak dari langkah pertamanya, Islam sudah mengutamakan kesejahteraan masyarakat seluruhnya, dan mengharamkan berbuat sesuatu yang membahayakan kepentingan umum. Dalam hal ini Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam telah berpesan:

"Tidak boleh berbuat sesuatu yang membahayakan diri sendiri, dan tidak boleh berbuat sesuatu yang membahayakan orang lain."
(Hadith Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah dan Ibnu Abbas).

Oleh sebab ini, Islam mengharamkan pengumpulan harta benda, merampas hak orang lain, atau memakan harta mereka dengan cara yang salah. Di samping itu, Islam memberikan kemerdekaan kepada manusia

seluruhnya. Dengan demikian Islam menjaga keseimbangan antara kesejahteraan individu dan kesejahteraan masyarakat.

4). Kapitalisme memperbolehkan orang-orang kaya mengamalkan "Riba!" Hal ini jelas bertentangan dengan Islam. Islam mengharamkan riba dalam segala bentuknya. Kenyataan membuktikan, bahawa riba itulah biang keladi yang menyebabkan dunia menderita oleh kegoncangan dan pergolakan. Mereka, merasa riba itu sebagai tulang belakangnya; sedang dalam Al-Qur'an diterangkan:

Dan dalam Ayat lain diterangkan pula:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لاَ يَقُومُونَ إِلاَّ كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ
ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُواْ إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

"Orang-orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan lantaran tekanan penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu adalah disebabkan mereka berkata, bahawa sesungguhnya bejual-beli itu sama dengan riba. Dan Allah menghalalkan jual-beli dan mengharamkan riba..."
(Surah Al-Baqarah: ayat 275)

يَمْحَقُ اللّهُ الْرِّبَا وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ

"Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah..."
(Surah Al-Baqarah: ayat 276)

Dan selanjutnya diberi peringatan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ اتَّقُواْ اللّهَ وَذَرُواْ مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَاإِن كُنتُم مُّؤْمِنِين (278) فَإِن
لَّمْ تَفْعَلُواْ فَأْذَنُواْ بِحَرْبٍ مِّنَ اللّهِ وَرَسُولِهِ

"Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kamu kepada Allah, dan tinggalkanlah sisa riba yang belum dipungut, jika kamu benar-benar orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak bertindak meninggalkan riba itu, maka ketahuilah bahawa Allah dan Rasul-Nya akan memerangi kamu."
(Surah Al-Baqarah: ayat 278-279)

5). Akhirnya, Kapitalisme itu bertentangan dengan Islam, kerana Kapitalisme itu menilai manusia hanya sebagai benda saja, tidak memiliki jiwa dan fikiran

serta budi pekerti dan tujuan-tujuan kerohanian. Kapitalisme itu tidak pernah menghiraukan, bagaimana seharusnya usaha yang dilakukan, supaya masyarakat dapat ditingkatkan rohaninya dan ditinggikan jiwanya. Kapitalisme, bersama-sama dengan aliran-aliran materialisme yang lain-lain, semuanya ditolak oleh Islam.

2. Kritikan terhadap Komunisme

Islam menilai bahawa Komunisme adalah faham yang paling berbahaya, mengancam 'Aqidah ummat manusia dengan kehancuran. Inilah fahaman yang paling jauh menyeleweng dan naluri manusia yang ash, dan faham yang paling kejam memusnahkan kemanusiaan dan kemuliaannya.

a. Komunisme tidak mengakui adanya Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

Komunisme menyebarkan faham Atheisme, dan memandang hidup ini hanya materi saja. Faham ini bertentangan dengan Islam kerana Islam menegakkan 'Aqidahnya di atas dasar Keimanan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala sebagai Maha Pencipta, yang telah menciptakan alam raya ini. 'Aqidah tentang Maha Pencipta itu selanjutnya dilengkapi dengan keimanan kepada Nabi-nabi dan Rasul-rasul, dan adanya Hari Qiamat. Dan banyak lagi perkara-perkara yang keseluruhannya menggambarkan 'Aqidah Islamiyyah terhadap alam raya serta manusia dan kehidupan ini...!

Untuk bahan renungan dan perbincangan, Da'i perlu memperhatikan ajaran-ajaran Komunisme itu; di antaranya:

1). Marx berkata: "Tidak ada Tuhan, Hidup ini adalah kebendaan".

2). Lenin berkata: "Tidak benar bahawa Tuhan itulah yang mengatur alam raya ini. Yang benar ialah, bahawa Tuhan itu hanya khayalan, ciptaan fikiran manusia saja, yang diusahakannya, demi untuk memberi kepuasan kepadanya dalam menghadapi kenyataan tentang kelemahannya. jadi, setiap orang yang mempertahankan adanya pemikiran Tuhan, itu hanyalah orang-orang yang
lemah dan bodoh.

3). John Louis dalam bukunya "Marxisme" menerangkan: "Kepercayaan yang ditegakkan di atas dasar pengakuan tentang adanya Tuhan yang bukan benda, itu menyebabkan timbulnya bermacam-macam faham yang merugikan. Kepercayaan itu mendorong manusia untuk menghabiskan waktunya dalam menyembah sesuatu yang mereka ciptakan sendiri menurut khayalannya...!"

4). Dalam Pidato Lenin pada Kongres Komunis di Rusia pada tahun 1920, ia berkata: "Pendidikan generasi muda seharusnya memuat penanaman budi pekerti komunisme di kalangan mereka. Dan budi pekerti itu tidaklah

diambil dari ajaran-ajaran Tuhan, kerana kita tidak percaya tentang adanya Tuhan."

5). Dalam Undang-undang Dasar Negara Soviet Rusia mengenai agama ditetapkan: Kebebasan ber'ibadat menurut agamanya masing-masing, itu dijamin bagi setiap warga negara. Demikian juga kebebasan propaganda memberantas ugama. Dan agama yang rasmi bagi negara ialah "Atheisme."

b. Komunisme membasmi akhlak yang mulia:

Komunisme membasmi nilai-nilai kemanusiaan, dan menerapkan serta mendorong cara menipu, berdusta dan mengaburi mata orang, demi untuk mencapai tujuannya. Ajaran ini bertentangan dengan tujuan dasar yang dibawa
oleh Islam, iaitu akhlak yang mulia.

Marilah sejenak kita renungkan ajaran Komunisme itu; di antaranya:

1). Pada tahun 1920. Lenin berkata: "Pejuang Komunis yang sebenarnya ialah seorang yang mengorbankan segala usaha untuk mencapai tujuan Komunisme, walaupun dalam usahanya itu ia harus mengorbankan kemuliaan, budi pekerti serta suara hati nuraninya. Jadi, tujuan utama yang sebenarnya ialah melaksanakan pembentukan masyarakat komunisme dan meratakannya di
kalangan rakyat."

2). Pada tahun 1941, Stalin berkata: "Akhlak yang mulia menurut penilaian kami ialah segala tindakan yang dapat mem basmi tradisi lama dan meratakan komunisme. Akhlak yang tidak demikian tidak dapat disebut akhlak yang baik."

3). Lenin berkata: "Seorang pejuang Komunis harus mengamalkan bermacam-macam penipuan, pemalsuan dan usaha menyesatkan orang. Perjuangan untuk kepentingan Komunisme membenarkan segala tindakan yang dilakukan dengan maksud memantapkan Komunisme itu. Pejuang harus mengerti betul-betul, bahawa Komunisme adalah Tujuan yang utama. Untuk mencapai tujuan yang utama itu memang kadang-kadang diperlukan menempuh jalan yang tidak mulia. Oleh sebab itu, Komunisme membenarkan segala macam cara yang bertentangan dengan budi pekerti dan kemanusiaan, asalkan tindakan itu dilaksanakan untuk menyokong dan meratakan tujuan Komunisme kita."

c. Komunisme mempropagandakan bahawa wanita adalah milik bersama:

Komunisme menghapuskan perkahwinan, dan bertindak menghancurkan rumahtangga. ini bertentangan dengan Islam, kerana Islam menetapkan perkahwinan sebagai dasar pembangunan keluarga; dan

keluarga itulah yang merupakan anggota-anggota masyarakat. Islam menetapkan perkahwinan sebagai satu-satunya saluran yang wajar bagi naluri jenis manusia, dan ikatan yang suci antara pria dan wanita. Sebaliknya, Komunisme mengajarkan penghapusan peraturan perkahwinan itu, di antaranya dengan katanya:

1). Dalam buku "Komunisme" diterangkan: "Perkahwinan dalam Komunisme sebenarnya maksudnya ialah mengkomuniskan kaum wanita yang telah menikah. jelasnya, Komunisme menetapkan bahawa kaum wanita yang dahulu sembunyi-sembunyi dijadikan milik bersama, kini ditegaskan secara rasmi, bahawa mereka itu adalah milik bersama."

2). Frederik berkata: "Peraturan pembentukan rumah.-tangga kelak akan berubah menjadi suatu usaha bersama. Pemeliharaan anak-anak dan pendidikan mereka, dipindahkan menjadi beban negara, dan dianggap sebagai tugas masyarakat. Negara akan mengurus kepentingan anak-anak itu, tanpa membeda-bedakan, apakah mereka itu anak-anak yang sah atau yang tidak sah. Jadi, segala kebimbangan dalam mengadakan hubungan jenis, itu harus dilenyapkan. Lantaran kebimbangan itu selalu menjadi penghalang bagi seorang gadis menyerahkan dirinya kepada seseorang yang dicintainya."

d. Komunisme menafsirkan Sejarah menurut Materialisme:

Sejarah ditafsirkan secara materialisme. Ajaran ini menjatuhkan nilai manusia itu dan martabat kemanusiaannya, jatuh ke tingkat haiwan, dan memisahkan manusia itu dari segala nilai-nilai kemuliaan dan keistimewaannya sebagai manusia. Tidak kita ragukan lagi, bahawa faham seperti ini pasti ditolak oleh Islam, kerana Islam memuliakan manusia, lebih dan makhluk yang lain-lain.

Dalam Al-Quran diterangkan:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-cucu Adam...."
(Surah Al-Isra': ayat 70)

Allah Subhanahu Wata 'ala memuliakan manusia. Maksudnya bahawa Allah Subhanahu Wata 'ala menjadikan manusia itu dalam kehidupannya berada di atas panggung Sejarah, tempat mereka berlumba-lumba mengerjakan kebaikan, menegakkan kebenaran dan meratakannya di kalangan masyarakat. Dalam Al-Qur'an diperintahkan:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah kamu dan sujudlah kamu; dan sembahlah Tuhan-Mu serta perbuatlah kebajikan, agar supaya kamu mendapat kejayaan."
(Surah al-Hajj: ayat 77)

Sebaliknya dan ajaran Islam, dalam komunisme diterangkan, di antaranya dalam buku "Dialektika": "Keistimewaan Materilisme Marxisme ialah adanya dasar-dasarnya yang khas. Di antaranya, bahawa Marxisme berlainan dengan idealisme, kerana idealisme itu dinilai oleh dunia sebagai penjelmaan fikiran yang murni dan 'akal yang menyeluruh serta perasaan yang wajar. Sedang Marxisme bertolak dari dasar: bahawa alam raya ini seluruhnya adalah benda. Segala apa yang terjadi di alam raya ini, semuanya adalah perwujudan dari kebendaan itu, dalam bentuk yang bermacam-macam dan benda-benda yang bergerak. Alam raya ini berkembang mengikuti undang-undang gerak benda, proses kebendaan dan semuanya itu tidak memerlukan pemikiran apa pun...!"

e. Komunisme menafikan hak milik individu:

Komunisme bermaksud melenyapkan sistem kelas-kelas di kalangan masyarakat. Semua anggota masyarakat harus sama darjatnya. Tetapi untuk tujuan itu komunisme menghapuskan hak milik individu. Pelaksanaannya dilakukan dengan cara merampas hak individu itu, dan menyerahkan haknya itu kepada himpunan golongan yang memerintah. Maka sudah jelas bahawa tindakan seperti itu bertentangan dengan Islam; kerana Islam memelihara hak milik individu. Islam menilai hak individu itu sebagai hak yang suci, yang tidak boleh diganggu gugat. Dan Islam menetapkan peraturan-peraturan yang menjamin hak individu, dan menjaga hak itu agar jangan sampai dipermainkan
oleh tangan-tangan liar.

f. Komunisme menghapuskan perbezaan kelas:

Komunisme menuntut supaya perbezaan kelas yang ada di kalangan masyarakat itu dihapuskan. Tetapi dalam perlaksanaannya tindakan itu boleh menimbulkan perasaan saling dengki dan ini-hati di kalangan masyarakat. Penghapusan kelas yang dipaksakan, boleh menyuburkan perasaan itu. Penganiayaan meningkat, bukan berkurang. Sudah pasti ini semuanya bertentangan dengan Islam, baik keseluruhannya atau pun perinciannya.
Islam mengajarkan pemerataan kasih sayang di antara sesama anggota-anggota masyarakat. Islam tidak menghapuskan kelas-kelas tetapi berusaha mendekatkan kelas yang satu dengan kelas yang lain, dengan menghubungkan kasih sayang dan tolong-menolong di antara mereka. Misalnya antara majikan dan buruh, Islam menetapkan peraturan keadilan yang dilaksanakan berdasarkan kasih sayang dan tolong-menolong antara mereka; Islam memelihara hak buruh tanpa mengurangi hak majikan…!

Dalam hal ini Marx berkata kepada kaum buruh: "Kamu sekalian harus melewati waktu, lima belas, atau dua puluh, atau lima puluh tahun, yang penuh dengan peperangan-peperangan antara kelas-kelas dalam masyarakat. Sesudah itu barulah kamu sekalian dapat berkuasa di bidang politik

g. Islam menolak komunisme secara keseluruhan:

Akhirnya Islam menolak komunisme ini secara keseluruhan, kerana komunisme merupakan tindakan manusia untuk merebut hak Allah Subhanahu Wata'ala sebagai Pembuat Undang-undang…!!! Manusia sebagai manusia, tentu saja ia tidak sanggup membuat undang-undang yang akan diterapkan kepada dirinya sendiri....!

Bagaimanapun juga manusia itu merasa unggul, pintar dan serba tahu, dan serba menguasai segala-sesuatu yang ada di alam raya ini, namun kemampuannya tetap tidak sampai menjangkau kesanggupan untuk memperbedakan mana yang bermanfa'at dan mana yang berbahaya, mana yang betul-betul akan membawa kebahagiaan baginya dan mana yang akan mengakibatkan kekecewaan. Manusia perlu tahu diri; dan Allah Subahanahu Wa Ta' ala memberi perumpamaan dalam AL-Qur'an:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَاسْتَمِعُوا لَهُ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ لَن يَخْلُقُوا
ذُبَابًا وَلَوِ اجْتَمَعُوا لَهُ وَإِن يَسْلُبْهُمُ الذُّبَابُ شَيْئًا لَّا يَسْتَنقِذُوهُ مِنْهُ ضَعُفَ الطَّالِبُ
وَالْمَطْلُوبُ (73)
مَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ

"Wahai manusia, telah dibuat suatu perumpamaan, maka dengarkanlah perumpamaan itu. Sesungguhnya segala apa yang kamu sembah selain Allah, sekali-kali tidak dapat menciptakan seekor lalat pun; walaupun mereka itu bekerja sama untuk menciptakan lalat itu. Dan jika lalat itu merampas sesuatu dari mereka, maka mereka tidak dapat merebut sesuatu itu kembali dari lalat itu. Sungguh, amat lemahlah yang menuntut dari yang dituntut. Mereka tidak mengenal Allah sebenarbenamya. Sesungguhnya Allah betul-betul Maha Kuat Maha Perkasa."
(Surah Al-Hajj: ayat 73-74)

B. ISLAM SEBAGAI 'PEDOMAN HIDUP"(NIZAM AL-HAYAH)

Dalam waktu ini tibalah sa'atnya, para Da'i berusaha meyakinkan mad'u tentang fungsi agama Islam sebagai pedoman hidup bagi manusia masa kini. Da'i harus menghilangkan anggapan salah di kalangan masyarakat luar Islam, bahawa Islam hanyalah agama untuk 'ibadah, yang tidak ada hubungannya dengan keperluan hidup dan segala persoalannya, baik sosial

ataupun ekonomi dan politik. Dan dalam usahanya untuk menyakinkan masyarakat tersebut Da'i dapat mengambil langkah-langkah yang berikut:

1) Munculnya kepercayaan yang salah itu

Da'i perlu menjelaskan bahawa masyarakat sebenarnya terpengaruh dengan kebudayaan Barat. Memang benar di Barat agama dipisahkan dari urusan negara. Eropah, dan dunia Barat pada umumnya, sudah tegak melawan agama, mengasingkan gereja dalam urusan politik. Negara diserahkan kepada Pemerintahan, dan gereja diserahkan kepada Padri. Jelas kelihatan agama dipisahkan dari urusan negara.

Kemudian, dunia Timur kita ini terpengaruh, dan berpendapat bahawa perpisahan negara dan agama itu adalah peraturan umum, yang berlaku untuk segala agama, termasuk Islam...! Sebenarnya masyarakat Eropah itu berada di pihak yang benar, dalam perlawanan yang dahulu mereka lancarkan terhadap gereja di sana. Rakyat berada di pihak yang benar, dalam tuntutannya supaya para rohaniawan gereja dijauhkan dari gelanggang politik; kerana rakyat itu sudah terlalu "kenyang," menderita tekanan dari dua kekuasaan, negara dan gereja....! Sejarah tidak lupa mencatat, bagaimana gereja mengadakan penganiayaan, pembunuhan, pencekikan leher, pembakaran dan pembuangan, sebagai cara-cara yang telah di'amalkan untuk menanamkan kekuasaannya, dan memusnahkan faham yang berada di luarnya, terutama di sa'at pecahnya gereja menjadi Katholik dan Protestan!. Masyarakat Eropah berada di pihak yang benar, dalam penilaiannya, bahawa dalam melakukan penganiayaan itu, gereja sudah menyeleweng dari tugasnya. Malahan, gereja sudah keluar dari ruang lingkup lingkaran ajaran dan prinsip kerohanian, serta budi pekerti yang mulia, yang diajarkan oleh Nabi Isa 'alaihis Salam. Gereja terjun memasuki kancah politik. (Sepanyol yang Katholik menghentam rakannya, Belanda yang Protestan!) Gereja menyalah gunakan kekuasaannya di bidang kerohanian dan turut campur tangan dalam soal-soal percaturan kehidupan masyarakat umum. Gereja meninggalkan tanggungjawabnya dan memasuki soal-soal yang bukan urusannya. Sedang dalam Bibel, tidak ada ajaran-ajaran politik, seperti yang di 'amalkannya itu!. Maka adalah hak masyarakat untuk memberontak mendadak pada waktu itu!. Masyarakat membetulkan kekeliruan gereja. Masyarakat bertindak menempatkan gereja kembali kepada peranannya yang wajar. Tetapi, tidaklah demikian keadaan Islam!

2) Masyarakat Masa Kini kurang memahami ajaran Islam:

Masyarakat Masa Kini kadang-kadang kurang memahami ajaran Islam! Masalah politik, kini telah pindah dari tangan kaum Muslimin ke tangan orang lain. Negara Islam sudah runtuh pada masa pemerintahan Khilafah 'Usmaniyyah Turki! Dan sebelum runtuhnya, bermacam-macam ketidakwajaran berlaku di sana. Ketidak-wajaran itu lalu dikenal orang sebagai ciri khas dan apa yang disebut "Islam". Dan hal itu lalu menyebabkan

dunia ini banyak yang menafsirkan Islam dalam keadaan yang sudah salah itu! Tetapi penafsiran mereka itu tentu saja tidak sesuai dengan unsur Islam yang sebenarnya....!

***3)* Islam memasuki Sejarah**

Islam adalah pedoman hidup. Islam adalah perombakan yang menyeluruh! Dan seharusnya demikianlah Islam itu ditafsirkan atau dua bidang kehidupan saja, tetapi mencakup segala bidang. Perombakan ini tidak dapat diwujudkan hanya, dengan mengucapkan satu kata saja sebagai selogan! Tetapi, Islam merupakan perubahan keadaan masyarakat secara menyeluruh (syumul)! Perubahan itu sampai ke akar-akarnya, dalam segala lapangan hidup!

Kalau kita renungi "Sejarah Islam," maka akan nampak, bahawa di sana tidak pemah ada suatu garis pemisah antara sesuatu yang disebut "Agama" dan sesuatu yang disebut "Negara." Dalam Islam tidak ada perbedaan antara seorang Negarawan dan seorang 'Ulama'! Suasana ini nampak jelas, di celah-celah jendela kehidupan kaum Muslimin dalam berbagai peringkat. Pemimpin kaum Muslimin adalah Imam di Mihrab, dan panglima di medan perang! Pemimpin mereka menjadi Imam di Mihrab, memimpin kaum Muslimin dalam mengerjakan solatnya di masjid-masjid; dan juga pemimpin mereka itu menjadi Panglima, memimpin mereka di Medan Perang!

Kita perlu ingat, bahawa Sejarah Islam berlainan dengan Sejarah agama-agama yang lain-lain!. Tetapi orang yang keliru menafsirkan, lalu baranggapan sejarah itu seluruhnya, sebagai Sejarah Agama! Mereka menjatuhkan hukum kepada Islam, berdasarkan kesalahan yang diperbuat oleh agama lain! Negara diserahkan kepada Negarawan, dan gereja diserahkan kepada Rohaniawan! Ketentuan ini diterapkan kepada Islam, kerana salah penafsiran! Penafsiran yang salah ini timbul, kerana banyaknya orang yang tidak memahami Islam sebagai Manhaj Hidup, yang diwahyukan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Mereka menerima saja, tuduhan-tuduhan yang diarahkan kepada Islam. Pada hal tuduhan-tuduhan itu tadinya ditujukan kepada agama lain!

Malahan lebih menyedihkan tuduhan semacam itu dilancarkan pula dengan maksud untuk memberi gambaran yang buruk terhadap apa yang disebut "Agama!" dan tuduhan ini memang sengaja clisiarkan dengan perantaraan penyiaran modem, alat-alat komunikasi serta Badan-badan Kebudayaan! Masyarakat banyak yang menerima indoktrinasi ini sebagai suatu dasar pemikiran. Pada hal semuanya hanya dibuat-buat dengan sengaja, dengan maksud untuk menjauhkan Islam dari fungsinya yang asli, sebagai pedoman hidup bagi ummat manusia?

Kita perlu ingat, bahawa kekeliruan terhadap Islam dan fungsinya yang asli, itulah yang merupakan sokongan yang akan menumpang tegaknya ajaran-ajaran asing itu, baik meterialisme, ataupun Kapitalisme dan Komunisme! Dan memang hanya di situlah letaknya kekuatan ajaran-ajaran itu!

4) Islam sebagai pedoman hidup:

Islam adalah pedoman hidup! Islam merupakan 'Aqidah, yang menjelaskan pengertian yang benar terhadap alam raya in serta manusia dan kehidupannya! 'Aqidah ini menegaskan kepada manusia, bagaimana keujudan dirinya, bagaimana rahsia kejadiannya, dan untuk apa dia diciptakan! Dengan demikian, Islam berhasil membuka dan merentang suatu simpul, yang berbelit-belit dalam hati manusia. Dan simpul itulah yang paling menarik perhatian manusia, dalam kehidupannya sebagai 'INSAN'!

Dengan 'Aqidah ini sebagai landasan, Islam tegak sebagai Syari'ah dan Undang-undang. Islam muncul dalam bentuk Syari'ah yang lengkap, dan Undang-undang yang terperinci, yang mengatur kehidupan manusia dalam segala bidang....?

Jika kita renungi ajaran-ajaran Islam, jelas pada kita bahawa Islam adalah pedoman hidup yang paling lengkap dalam tinjauan yang menyeluruh. Islam berisikan Undang-undang, yang mengatur bagaimana hubungan individu dengan jiwanya sendiri, bagaimana hubungannya dengan keluarganya, dan bagaimana pula hubungannya dengan masyarakat. Islam mengandungi ajaran yang lengkap, tentang teori dan 'amal, tentang dasar dan prinsip. Dan di atas dasar dan prinsip itu ditegakkan peraturanperaturan yang lengkap, yang menetapkan bagaimana pedoman hidup bagi masyarakat dan bagi ummat manusia seluruhnya!

Islam menghimpunkan pengarahan yang halus dan peraturan yang teliti. Demikian juga, Islam mengumpulkan 'Aqidah yang muhia dan 'Ibadah yang indah! Islam mengumpulkan tugas Imam di Mihrab dan tugas Panghima di Medan Perang! Demikian juga Islam merupakan pedoman hidup bagi manusia, dalam ertikata yang sebenar.

C. SUMBER-SUMBER AJARAN ISLAM

Dalam periode ini, Da'i berusaha menyakinkan mad'unya tentang sumber-sumber yang utama dan ajaran-ajaran Islam, terutama Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Usaha ini merupakan faktor yang paling kuat untuk mengukuhkan keyakinan mad'unya tentang kebenaran ajaran-ajaran Islam, supaya ia tidak terumbang-ambing kerana penafsiran-penafsiran yang salah, atau pendapat-pendapat yang menyimpang dari ajaran Islam yang murni. Da'i harus insaf, bahawa kesalahan-kesalahan dan aliran-aliran yang direka-reka, ialah kerana aliran

itu tunduk kepada penafsiran-penafsiran yang bermacam-macam, yang mengabaikan sumber asli.

Sumber-sumber Ajaran Islam yang perlu diterangkan secara terperinci iaitu:

1. AL QUR'AN YANG MULIA

a) Pembukaan AL-Qur'an:

Al-Qur'an yang mulia adalah dasar agama Islam. Inilah sumber utama dari Syari'ah Islam. Al-Qur'an adalah Kitab Suci, yang diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam secara beransur-ansur, selama lebih dari 22 tahun. Ayat-ayatnya dicatat, segera setelah diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Catatan itu disimpan di rumah RasuluLlah Sallallahu 'alaihi Wasallam keperluan pencatatan itu, ada beberapa orang penulis wahyu yang terkenal pada masa hidupnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Menurut berita, mereka berjumlah 42 orang.

Kemudian semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan 'Umar, Al-Qur'an itu disalin keseluruhannya. Usaha ini mengambil masa kira-kira dua tahun. Usaha ini mempunyai ciri khas, bahawa Al-Qur'an keseluruhannya dikumpulkan dengan dahulu ahli jawatankuasa melakukan penelitian yang cermat, dengan mengumpulkan bukti-bukti 'ilmiyah yang menyakinkan ayat-ayat yang di kumpulkan hanyalah Ayat-ayat yang tidak dinasakhkan bacaanya, dan himpunan AL-Qur'an ini kemudiannya diakui oleh ummat Islam, para Sahabat seluruhnya. Apa-apa yang tercantum itu, semuanya sudah popular di kalangan mereka (Mutawatir).

Dan pada masa pemerintahan Khalifah Usman, himpunan Al-Qur'an itu disalin lagi menjadi beberapa salinan dengan ketentuan:

1) Yang dibukukan hanyalah bacannya yang mutawatir (popular) bacaan Ahad (tidak popular) tidak dimasukkan.

2) Ayat-ayat yang sudah dinasakhkan bacaannya tidak dimasukkan.

3) Ayat-ayat dan Surah-surah disusun berdasarkan hafalan, sehingga diperoleh Naskahnya seperti yang kita kenal sekarang ini.

4) Cara penulisannya diatur, sehingga mencakup beberapa macam bacaan (Qira'ah) dan huruf, sebagaimana keadaannya pada waktu diturunkan.

5) Sesuatu yang bukan AL-Qur'an tidak dimuat; misalnya catatan-catatan peribadi para sahabat dalam Naskah-Naskah kepunyaan mereka sendiri. Catatan-catatan mereka itu tadinya merupakan penafsiran atau penjelasan,

tentang maksud dan sesuatu Ayat, atau keterangan tentang Nasikh dan Mansukhnya.

b) AL-Qur'an langsung dar Allah Subhanahu Wa Ta'ala

Penting bagi Da'i berusaha meyakinkan mad'unya bahawa AlQur'an adalah Wahyu ilahi. Da'i perlu menyingkirkan dugaan-dugaan palsu yang mengatakan bahawa Al-Qur'an itu adalah ciptaan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Da'i perlu menerangkan bahawa AL-Qur'an adalah Wahyu ilahi yang diturunkan oleh ALlah Subhanahu Wata'ala kepada Rasul-Nya, sebagai kenyataan dan Firman ALlah:

وَمَا يَنطِقُ عَنِ الْهَوَى (3) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى

"Dan tidakkah ia berkata menurut hawa nafsunya itu tidak lain hanyalah wahyu, yang diwahyukan kepadanya."
(Surah An-Najm: ayat 3-4)

Untuk meyakinkan mad'unya, sebaliknya Da'i mengemukan fakta-fakta yang berikut sebagai alasan:

1) *Gaya Bahasa Al-Qur'an bukanlah ciptaan manusia:*

Al Qur'an yang mulia, memiliki gaya yang istimewa dalam bahasanya, dalam kesusasteraannya dan susunan kata-katanya serta kaedahnya. Kesemuanya merupakan bukti yang meyakinkan, bahawa Al-Qur'an itu bukan kata-kata manusia.

Bangsa 'Arab yang terkenal dengan kesusasteraannya, tidak mampu untuk meniru walau satu Ayat saja dan AI-Qur'an. Hal itu jelas nenunjukkan kelemahan mereka menghadapi tentangan AL-Qur'an dalam Ayat:

وَإِن كُنتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَى عَبْدِنَا فَأْتُواْ بِسُورَةٍ مِّن مِّثْلِهِ وَادْعُواْ شُهَدَاءكُم مِّن دُونِ اللّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ (23) فَإِن لَّمْ تَفْعَلُواْ وَلَن تَفْعَلُواْ فَاتَّقُواْ النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ

"Dan jika kamu berada dalam keraguan tentang apa yang Kami turunkan kepada hamba Kami, maka kamu datangkanlah satu Surah yang sama dengan dia; dan kamu panggillah sekutu-sekutu kamu dari selain Allah, jika kamu orang-orang yang benar. Maka jika kamu sudah tidak meperbuatya, dan kamu tidak akan memperbuatnya, maka takutlah kamu kepada neraka, yang kayu bakarnya manusia dan batu (patung-

patung), yang disediakan untuk orang-orang yang kafir."
(Surah Al-Baqarah; ayat 23-24)

Kemudian, sebagai contoh gaya bahasa yang kaku, nampak pada kata-kata yang digubah oleh Musailamat'ul Kadzzab, yang diciptakannya dengan maksud untuk meniru AL-Qur'an

"Oh katak! Berbunyi, berbunyilah engkau! Tidak ada orang minum yang dapat engkau cegah. Dan tidak ada air yang dapat engkau keruhkan. Untuk kami separuh bumi. Dan untuk Quraisy separuh bumi. Tetapi Quraisy adalah golongan yang melanggar."

2) Gaya bahasa Al-Qur'an berlainan dengan gaya bahasa Hadith:

Segi kedua, yang menguatkan bahawa Al-Qur'an adalah Wahyu Allah, dan mematahkan tuduhan palsu yang mengatakan bahawa Al-Qur'an itu ciptaan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam gaya bahasa Al-Qur'an jauh berbeza dengan gaya bahasa Al-Hadith. Ini dapat dibuktikan sendiri oleh seseorang, dengan cara membaca sesuatu Surah dari Al-Qur'an kemudian membaca suatu Hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Pembaca akan merasakan perbedaannya, bahawa gaya bahasa Al-Qur'an itu mengandungi kekuatan dan daya cipta yang merangsang pembaca dengan tenaga yang kuat.

3) Ayat Al-Qur'an ada yang menegur Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

Termasuk bukti yang menguatkan bahawa Al-Qur'an adalah Wahyu Ilahi, bukan ciptaan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bahawa ada beberapa Ayat yang mengandungi teguran yang keras terhadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam dalam beberapa tindakan baginda. Maka dengan mudah dapat difahami, bahawa kalau sekiranya Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam sendiri yang menggubah Al-Qur'an itu, tentulah beliau tidak menempatkan dirinya dalam suasana yang demikian sulit. Sebagai contoh, teguran terhadap masalah tawanan dalam perang Badar.

مَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَن يَكُونَ لَهُ أَسْرَى حَتَّى يُثْخِنَ فِي الأَرْضِ تُرِيدُونَ عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللّهُ يُرِيدُ الآخِرَةَ وَاللّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

"Tidaklah wajar seorang Nabi mempunyai tawanan, sehingga ia mempunyai kedaulatan di bumi ini. Apakah kamu menginginkan harta dunia? Sedang Allah menghendaki harta akhirat. Dan Allah Maha Perkasa Maha Bijaksana."
(Surah Al-Anfal: ayat 67)

Juga teguran terhadap masalah orang buta (cacat) 'Abdullah ibn Ummi Maktum, dalam Ayat:

عَبَسَ وَتَوَلَّى (1) أَن جَاءهُ الْأَعْمَى (2) وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُ يَزَّكَّى (3) أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ الذِّكْرَى (4) أَمَّا مَنِ اسْتَغْنَى (5) فَأَنتَ لَهُ تَصَدَّى (6) وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَّكَّى (7) وَأَمَّا مَن جَاءكَ يَسْعَى (8) وَهُوَ يَخْشَى (9) فَأَنتَ عَنْهُ تَلَهَّى (10)

"Ia bermasam muka dan berpaling kerana didatangi oleh seorang buta. Dan tahukah engkau, mungkin orang yang buta itu minta diajari Ayat-ayat yang akan membersihkan jiwanya; atau ia akan minta diberi peringatan, dan peringatan itu akan bermanfa'at baginya. Adapun orang yang kaya, maka engkau berhadap kepadanya. Dan engkau tidak keberatan, bahawa ia tidak membersihkan jiwanya. Dan adapun orang yang datang kepadamu dengan bersungguh-sungguh, dan ia takut kepada Allah, maka engkau berlaku lengah daripadanya."
(Surah 'Abasa: ayat 1-10)

4) Al-Qur'an menentang Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

Demikian juga, dalam beberapa Ayat didapati bukti yang menguatkan bahawa Al-Qur'an adalah Wahyu ilahi, iaitu tentangan yang nampak dalam hubungan menolak tuduhan kaum Musyrikin; di antaranya:

بَلْ قَالُواْ أَضْغَاثُ أَحْلاَمٍ بَلِ افْتَرَاهُ بَلْ هُوَ شَاعِرٌ فَلْيَأْتِنَا بِآيَةٍ كَمَا أُرْسِلَ الأَوَّلُونَ

"Malahan kaum Musyirikin mengatakan, bahawa Al-Qur'an itu adalah kata-kata yang dibuat-buat dalam mimpi. Malahan (Mereka mengatakan bahawa) dia (Muhammad) adalah penya'ir; maka hendaklah ia mendatangkan ayat, tanda bukti sebagaimana yang didatangkan oleh Rasul-rasul yang terdahulu."
(Surah Al-Anbiya': ayat 5)

Dalam ayat ini diterangkan, bahawa kaum Musyrikin menuduh, Al-Qur'an itu adalah kata-kata yang diucapkan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam dalam keadaan beliau bermimpi atau tidak sedar. Mereka meminta supaya Rasulullah mendatangkan bukti yang lain. Kata-kata mereka itu kemudian ditolak dengan Ayat :

وَمَا كُنتَ تَتْلُو مِن قَبْلِهِ مِن كِتَابٍ وَلَا تَخُطُّهُ بِيَمِينِكَ إِذًا لَّارْتَابَ الْمُبْطِلُونَ (48) بَلْ هُوَ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ فِي صُدُورِ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ وَمَا يَجْحَدُ بِآيَاتِنَا إِلَّا الظَّالِمُونَ

"Dan engkau tidak pernah membaca Kitab Suci sebelum menerima AL-Qur'an, dan juga tidak menulisnya dengan tangan kananmu jika demikian tentulah orang-orang

yang membantahnya akan merasa ragu-ragu. Tetapi AL-Qur'an itu adalah Ayat-ayat yang jelas, yang dihafalkan di dalam dada orang-orang yang dianugerahi ilmu pengetahuan. Dan tidaklah ada orang yang membantah Ayat-ayat Kami, kecuali mereka yang zalim, yang menganiaya dirinya."
(Surah Al-'Ankabut: ayat 48-49)

Dan dalam Ayat lain diterangkan pula:

وَلَوْ تَقَوَّلَ عَلَيْنَا بَعْضَ الْأَقَاوِيلِ (44) لَأَخَذْنَا مِنْهُ بِالْيَمِينِ (45) ثُمَّ لَقَطَعْنَا مِنْهُ الْوَتِينَ (46) فَمَا مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ عَنْهُ حَاجِزِينَ

"Kalau sekiranya dia (Muhammad) mengada-adakan berita terhadap Kami, tentu Kami mengambil tindakan yang keras kepadanya. Kemudian akan Kami potong urat lehernya. Maka tidak ada seorang pun di antara kamu, yang akan dapat membelanya."
(Surah AL-Haaqah: ayat 44-47)

5) Al-Qur'an mengandungi perkara-perkara ghaib:

Termasuk juga bukti, yang menunjukkan bahawa Al-Qur'an adalah Wahyu ilahi ialah Al-Qur'an itu mengandungi perkara-perkara ghaib, yang kemudian betul-betul terjadi; di antaranya:

a) Turunnya Surah Al-Fath, sebelum Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam dapat memasuki kota Mekah. Di dalamnya diterangkan:

لَقَدْ صَدَقَ اللَّهُ رَسُولَهُ الرُّؤْيَا بِالْحَقِّ لَتَدْخُلُنَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِن شَاءَ اللَّهُ آمِنِينَ مُحَلِّقِينَ رُؤُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ فَعَلِمَ مَا لَمْ تَعْلَمُوا فَجَعَلَ مِن دُونِ ذَلِكَ فَتْحًا قَرِيبًا

"Sungguhnya, Allah menjadikan mimpi Rasul-Nya betul-betul terjadi, Sungguh, kamu akan memasuki Masjidi'l Haram Insya' Allah dalam keadaan aman. Kamu akan mencukur kepalamu, dan memendekkan rambutmu dalam keadaan tidak takut. Allah mengetahui apa yang tidak kamu ketahui, dan menjadikan di samping itu ada kemenangan yang dekat."
(Surah Al-Fath: Ayat 27)

b) Keterangan-keterangan yang menguatkan bahawa kaum Muslimin pasti akan menang dalam menghadapi musuh-musuh mereka. Hal ini kemudian benar-benar terjadi. Kaum Muslimin sudah menang dalam menghadapi

kerajaan-kerajaan Rom dan Parsi. Cahaya Islam sudah bersinar menerangi segala penjuru. Bendera Islam sudah berkibar di segala pelosok bumi ini

6) Al-Qur'an mengandungi berita-berita Sejarah:

Termasuk bukti juga, bahawa AL-Qur'an adalah Wahyu ilahi, ternyata dalam Al-Qur'an ada berita-berita tentang ummat manusia, yang hidup pada zaman dahulu, seperti Nabi-nabi, Rasul-Rasul, raja-raja dan pemimpin-pemimpin, serta bangsa-bangsa yang telah berlalu... pada hal, Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam ibn Abdullah, adalah seorang yang ummi, yang tidak pandai membaca dan menulis.

Dalam Al-Qur'an diterangkan tentang Kerajaan Romawi, Iskandar, Thalut dan Jalut. Juga ada berita tentang Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Isa dan Nabi Musa A.S; dan juga tentang Qarun, Fir'aun, Haman, dan tentang mereka yang dijatuhkan ke dalam lubang yang berisikan api (Ashabu'l Ukhdud). Demikian juga, ada berita tentang Ya'juj dan Ma'juj, serta Qabil dan Habil, putera-putera Nabi Adam A.S. dan demikianlah seterusnya

7) AL-Qur'an mengandungi keterangan yang pasti tentang ciptaan 'alam:

Demikian juga, termasuk bukti bahawa Al-Qur'an adalah Wahyu Ilahi, dan bukan gubahan manusia, ialah dalam Al-Qur'an ada penjelasan yang terperinci tentang peraturan dan daya kekuatan yang ada di dunia ini. Pada hal, bangsa Arab pada waktu itu belum memiliki ilmu pengetahuan tentang masalah alam ini; di antaranya;

a) bahawa dunia ini dahulu merupakan satu kesatuan:

أَوَلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ (30)

"Apakah orang kafir itu tidak mengetahui, bahawa langit dan bumi tadinya bersatu, lalu Kami pisahkan. Dan Kami menciptakan dari air, segala sesuatu yang hidup. Apakah mereka tidak beriman?"
(Surah Al-Anbiya': ayat 30)

b) Keterangan tentang peredaran matahari dan gerakan bumi dalam Surah Yasin:

وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَّهَا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ (38) وَالْقَمَرَ قَدَّرْنَاهُ مَنَازِلَ حَتَّى عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ (39) لَا الشَّمْسُ يَنبَغِي لَهَا أَن تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

Dan matahari beredar di tempat tetapnya; itulah ketentuan dari Tuhan Maha Perkasa dan Maha Mengetahui. Dan bukan Kami tetapkan tempat-tempat yang tertentu baginya, sehingga setelah ia sampai ke tempat yang terakhir, kembalilah ia seperti bentuk tandan yang tua, Tidaklah mungkin bagi matahari untuk mendapatkan bulan dan malam pun tidak dapat mendahului siang, Dan masing-masing beredar pada garis edarannya."
(Surah Yasin: ayat 38-40)

c) Keterangan tentang adanya kehidupan di alam raya ini: keterangan ini terdapat dalam beberapa Ayat; misalnya:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَثَّ فِيهِمَا مِن دَابَّةٍ وَهُوَ عَلَى جَمْعِهِمْ إِذَا يَشَاء قَدِيرٌ (29)

"Dan sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah terciptanya langit dan bumi; dan makhluk hidup yang ditebarkan-Nya di langit dan bumi itu. Dan Dia Maha Kuasa untuk mengumpulkan mereka makhluk-makhluk hidup itu,jika Dia menghendakinya."
(Surah As-Syura: ayat 29)

d) Keterangan bahawa gas oksigen berkurang kadarnya jika manusia naik semakin tinggi dan demikian juga sebaliknya; seperti yang diterangkan dalam Surah Al-An'aam:

فَمَن يُرِدِ اللّهُ أَن يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلإِسْلاَمِ وَمَن يُرِدْ أَن يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِي السَّمَاء كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لاَ يُؤْمِنُونَ

"Dan barangsiapa yang Allah menghendaki akan memberikan petunjuk kepadanya, nescaya Dia melapangkan dadanya untuk memasuki agama Islam. Dan barang siapa yang Allah menghendaki akan sesatnya, nescaya Allah menjadikan dadanya sesak lagi sempit, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit. Demikianlah Allah menimpakan siksa kepada orang-orang yang tidak beriman."
(Surah Al-An 'am; ayat 125)

e) Keterangan tentang peringkat-peringkat perkembangan janin di dalam rahim, yang disebutkan dalam Surah Al-Mu'minun:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ مِن سُلَالَةٍ مِّن طِينٍ (12) ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ (13)
ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ
لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ

"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari benih, yang berasal dari tanah. Kemudian Kami jadikan benih itu menjadi sperma yang disimpan dalam tempat yang kukuh. Kemudian sperma itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging. Dan daging itu Kami jadikan tulang-belulang; lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang berbentuk lain. Maka Maha Sucilah Allah, Maha Pencipta Yang Paling Baik."
(Surah Al-Mu'minun: ayat 12-14)

c. Hukum-hukum yang ada dalam AL-Qur'an:

Al-Qur'an yang mulia, mengandungi bermacam-macam hukum, yang merupakan perintah dan larangan. Hukum-hukum itu dapat diperinci dalam tiga bahagian, iaitu:

1) Dasar-dasar 'Aqidah:

Dasar-dasar 'Aqidah ini meliputi gambaran Islam tentang alam, serta manusia dan kehidupan ini; terutama sekali Rukun-rukun Iman yang enam. (Akan dijelaskan dalam Bab yang berikut).

2) Hukum-hukum Taklif yang merupakan 'Ibadah:

Bahagian ini meliputi peraturan tentang hubungan manusia dengan Tuhannya, terutama sekali Rukun-rukun Islam yang lima. (Akan dijelaskan dalam Bab yang berikut).

3) Hukum-hukum Syara':

Bahagian ini meliputi peraturan tentang hubungan antara manusia sebagai individu dengan manusia lain sesamanya, hubungan individu dengan masyarakat, hubungan individu dengan negara, hubungan antara masyarakat dengan negara, dan hubungan antara satu negara dengan negara-negara yang lain-lain.

2. SUNNAH YANG SUCI

Sunnah Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam yang suci, merupakan sumber kedua dan ajaran-ajaran Islam. Sunnah maksudnya himpunan dan segala apa yang berasal dari Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam baik berupa perkataan, atau perbuatan, atau ketetapan. Para sahabat menerima Sunnah dan Rasulullah kadang-kadang bersama-sama, kadang-kadang terpisah-pisah sendiri-sendiri. Dan mengenai Sunnah ini perlu diperhatikan beberapa perkara, di antaranya:

1) Pembukuan Sunnah: Sunnah tidak dibukukan secara resmi pada masa hidupnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam; pembukuannya tidak seperti pembukuan Al-Qur'an. Para sahabat berpegang pada hafalan mereka saja. Dalam peringkat ini mereka hanya sibuk membukukan Al-Qur'an. Kalau direnungkan, maka akan terasa bahawa membukukan hal-hal yang teliti tentang kehidupan seorang manusia, seperti Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam itu adalah suatu pekerjaan yang sangat sulit. Segala perkataan dan perbuatan beliau, serta cara-cara pergaulannya yang umum dan yang khusus, dan segala tandak-tanduknya, selama lebih kurang 23 tahun, semuanya harus dikumpulkan. Pekerjaan itu tentu saja memerlukan tenaga yang besar dan jumlah petugas yang banyak. Tetapi bukanlah suatu hal yang mustahil, bahawa pada masa hidupnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam sudah ada sahabat yang mencatat serba sedikit tentang Sunnah itu. Inilah yang sudah dilaksanakan oleh beberapa orang di antara para sahabat. Mereka mencatat Sunnah Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam untuk keperluan mereka sendiri.

Kemudian, sekitar Abad pertama dan Abad kedua Hijrah, mulai dilaksanakan beberapa usaha untuk membukukan Sunnah; tetapi belum sempurna. Pada Abad ketiga Hijrah, golongan 'Ulama'-'ulama' besar mengkhususkan dirinya dalam usaha pengumpulan dan pembukuan Sunnah, serta memisahkan mana yang Sahih dan mana yang tidak Sahih. Pelopornya dua Imam besar, Imam Bukhari dan Muslim.

Demikianlah seterusnya, Sunnah merupakan himpunan yang Sahih, yang telah diteliti. Yang tertua di antaranya ialah Kitab yang Enam(الكتب الستة)Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Jami' Tirmidzi, Sunan An Nasaa'i dan Sunan Ibnu Majah; dilengkapi dengan yang ke tujuh Muwattha' Imam Malik.

2) 'Ulumu'l Hadith: Sebagai hasil sampingan dan tenaga yang dikerahkan untuk menerima dan mengamalkan Hadith di antaranya:

a) 'Ilmu Musthalah Hadith: Ilmu ini membahas Qa'idah qa'idah pokok untuk menerima, mengamal dan mengajarkan Hadith. Dengan dasar ini, Hadith dibahagikan menurut nilainya menjadi Sahih, Hasan dan Da'if dan masing-masing dibagi-bagi lagi menurut nilainya yang lebih terperinci.

b) 'Ilmu Jarah dan Ta'dil: Ilmu ini merupakan penelitian terhadap para perawi Hadith, membahas hal ehwal mereka, bagaimana kejujuran dan keadilan mereka, dan apakah mereka dapat dipercayai dalam merawikan Hadith itu... dan sebagainya.

3) Pembukuan Fiqh:

Masyarakat Islam kemudian berkembang, dan wilayah Islam meluas. Kehidupan kaum Muslimin menjadi semakin banyak cabangnya. 'Ulama-'ulama mulai membukukan Fiqh: Sebagai penaja yang mendapat ilham Ilahi untuk menangani masalah ini. Empat Imam Besar yang terkenal Abu Hanifah, Malik, Syafi'e dan Ahmad ibn Hanbal. Mereka masing-masing telah meninggalkan buah fikiran dan karyanya, yang merupakan kekayaan llmiyah dan warisan Fiqih, yang tak ternilai berapa harganya

3. SUMBER-SUMBER SYARI'AH YANG LAIN

Di samping dua sumber utama yang tersebut di atas, ada lagi sumber-sumber Syari'ah yang lain, yang akan kami kemukakan sepintas lalu, iaitu:

1) **Ijma'**: Jima' maksudnya permuafakatan ahli-ahli Ijtihad di kalangan kaum Muslimin, untuk menetapkan sesuatu Hukum Syara', yang diperoleh dengan melakukan Ijtihad.

2) **Qiyas**: Qiyas ialah mempersamakan hukum sesuatu perkara, yang tidak ada di dalam AL-Qur'an dan Hadith dengan hukum sesuatu perkara, yang sudah ada dalam Al-Qur'an dan Hadith dengan hukum sesuatu perkara, yang sudah ada dalam Al-Qur'an atau Hadith; hukumnya dipersamakan kerana ada persamaan latar belakang penetapan hukum itu.

Di samping Ijma' dan Qiyas itu masih ada sumber-sumber lain, yang secara khusus dipergunakan oleh beberapa 'Ulama; di antaranya Istihsan (melaksanakan mana yang lebih baik,) Istishlah (mengutamakan kesejahteraan ummat) dan Istidlal (mencari alasan berdasarkan pemikiran 'Ulama' yang bersangkutan).

D. KEISTIMEWAAN FIKRAH ISLAM

Dalam peringkat ini, para Da'i mulai berusaha menjelaskan kepada sasarannya, tentang keistimewaan fikrah Islam, yang berlainan dengan ajaran-ajaran ciptaan manusia. Perbedaan ini merupakan garis pemisah, yang mendalam sampai ke akar-akarnya, dan merupakan perbedaan prinsip antara Islam dan ajaran-ajaran lain. Di antaranya ada lima sifat, iaitu:

1. ISLAM BERSIFAT AJARAN ILAHI (RABBANIYYAH)

Ajaran Islam merupakan Ajaran Ilahi. Ajaran ini tidak memberi tempat untuk berkecimpungnya 'aqal manusia, seperti ajaran-ajaran ciptaan manusia. Sifat ini menyebabkan ajaran Islam itu dapat hidup 'abadi dan mampu mengatasi masalah-masalah kehidupan yang terus menerus berkembang. Persoalan-persoalan baru, selamanya mengalir mengikuti arus kekuatan yang berada dalam ajaran itu. Penciptanya ialah Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang pengetahuan-Nya meliputi segala sesuatu; oleh sebab itu, ajaran itu mencakupi segala persoalan hidup.

أَفَمَن يَخْلُقُ كَمَن لاَّ يَخْلُقُ أَفَلا تَذَكَّرُونَ

"Apakah Tuhan Yang menciptakan itu, sama dengan tuhan-tuhan yang tidak menciptakan? Apakah kamu tidak mengambil pelajaran daripadanya?"
(Surah An-Nahl: ayat 17)

Sebaliknya, di pihak lain, sifat "ciptaan manusia", yang ada dalam ajaran-ajaran lain, itu merupakan kuman yang berjangkit dan menyebabkan kemusnahannya; itulah titik tolak tempat munculnya segala kekurangan dan kepincangannya.

2. ISLAM BERSIFAT SEMPURNA (SYUMULIYYAH)

Faktor kedua yang merupakan keistimewaan ajaran Islam, bahawa Islam itu sempurna, mencakup segala peraturan yang menetapkan bagaimana hubungan individu (fardi) dengan jiwanya sendiri, lalu bagaimana hubungannya dengan keluarganya, dengan Tuhannya, dengan masyarakatnya, dengan negaranya.... dan seterusnya! Ada dasar-dasar dan ada prinsip, yang mengatur bagaimana seharusnya perjalanan masyarakat bersama-sama dengan anggota-anggotanya, sesuai dengan fitrah manusia yang murni, menurut pandangan Islam terhadap alam serta manusia dan kehidupan ini,...!

Keagungan ajaran Islam, merangkumi segala perkara dan mencakup seluruh bidang hidup. Ajaran Islam sejalan dengan landasan 'Aqidah yang merupakan tapak tempatnya memancar.

Memang benar, dalam zaman moden ini kadang-kadang terdapat sesuatu ajaran atau peraturan ciptaan manusia, yang nampaknya sempurna dalam sesuatu bidang kehidupan; tetapi kalau diteliti, ternyata ajaran itu tidak sempuma dalam segala perinciannya. Ternyata bahagian-bahagiannya tidak seimbang dan tidak bersesuaian. Hal ini terjadi kerana ajaran manusia itu merupakan campuran dari beberapa teori ini yang kesemuanya dihimpun dan dihubung-hubungkan satu sama lain. Peraturan ini tidak merupakan suatu kesatuan yang utuh, yang memancar dari satu sumber yang wajar, dan suatu 'Aqidah yang meyakinkan...

Keagungan ajaran Islam juga nampak dalam teratur licinnya sebagai peraturan umum, yang mencakup segala perinciannya, dan bercabang-cabang dengan ukuran yang seimbang, antara bermacam-macam keperluan dan tuntutan anggota, jasmani dan rohani. Keseimbangan ini mengakibatkan ajaran Islam tidak terlalu memberatkan suatu aspek dengan mengurangi keperluan aspek yang lain. Jadi, ajaran Islam merupakan pembahagian kepentingan secara wajar, dan dengan demikian dapat menjadi ketenangan dalam kehidupan manusia....!

3. ISLAM BERSIFAT MEROMBAK DAN MEMBANGUN (INQILABIYYAH)

Termasuk keistimewaan Islam juga, bahawa Islam mengandungi peraturan-peraturan yang bertujuan mengubah masyarakat Jahilayyah secara keseluruhan, kemudian membangun masyarakat Islam dengan struktur yang baru. Islam tidak menerima kaedah penampungan, penerapan atau perbaikan dalam beberapa aspek kehidupan manusia saja. Islam tidak membenarkan adanya perbaikan hanya terhadap sebahagian dari tradisi Jahiliyyah saja.

Islam tidak membenarkan ummatnya hidup secara Jahiliyyah. Demikian juga, Islam tidak puas dengan hanya menjadi salah satu sumber dalam Perundangan-perundangan sesuatu Negara; tetapi Islam menuntut supaya ia dijadikan satu-satunya sumber Perundangan-perundangan dalam negara itu. Demikian juga, Islam tidak puas kalau yang dihayati hanya sebahagian dari ajaran-ajarannya. Islam baru puas, jika seluruh ajaran-ajarannya dihayati. Islam juga tidak menerima untuk ditetapkan sebagai Agama Negara, dengan pengertian bahawa rakyat di negara itu melakukan 'ibadahnya hanya menurut Islam; Islam masih menuntut supaya dijadikan sebagai agama Negara, tidak hanya dalam soal 'ibadah, tetapi merupakan satu-satunya sumber peraturan dan pandangan hidup dalam negara itu.

Jadi, Islam tidak mau dipisah-pisahkan, dan tidak puas sebelum keseluruhari ajarannya dihayati, baik berupa perintah atau pun larangan, baik berupa 'ibadah ataupun lainnya. Dalam Al-Qur'an diterangkan;

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَن يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنكُمْ إِلاَّ خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَى أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

"Apakah kamu beriman kepada sebahagian Kitab Suci, dan kafir kepada sebahagiannya yang lain? Tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian selain kehinaan dalam kehidupan dunia ini. Dan pada Hari Kiamat kelak mereka akan dikembalikan kepada siksa yang berat. Allah tidak lengah daripada yang kamu

perbuat."
(Surah Al-Baqarah: ayat 85)

4. ISLAM BERSIFAT ABADI (ISTIMRARIYYAH)

Keistimewaan yang keempat ialah ajaran Islam itu dapat dan mampu menyelesaikan segala persoalan hidup, memimpin dan mengarahkan kehidupan manusia dalam segala peringkat. Dalam hal ini banyak peraturan yang digubah untuk menghadapi sesuatu masalah dalam keadaan tertentu, dan dapat diatasi dalam peringkat yang tertentu; tetapi kemudian tidak sesuai lagi, sudah ketinggalan zaman, dan nampak kekurangan dan kejanggalannya. Sedang Islam mempunyai landasan peraturan, yang bersifat abadi.

5. ISLAM BERSIFAT SEJAGAT ('ALAMIYYAH)

Keistimewaan kelima, ajaran Islam itu berlaku untuk seluruh dunia. Maksudnya, syari'ah dan peraturan-peraturan Islam sanggup menyerap segala persoalan hidup manusia, yang terus menerus berkembang dan meningkat di segala tempat, di seluruh pelusuk dunia ini. Islam sanggup mengatur, kehidupan manusia di daerah yang mana saja, di seluruh permukaan bumi ini.

Ajaran Islam bukanlah penghasilan dari sesuatu lingkungan hidup yang tertentu, dan bukan pula reaksi terhadap sesuatu tradisi yang kurang baik di sesuatu daerah; kerana penghasilan yang demikian itu adalah sifat dan ajaran dan peraturan buatan manusia. Sedang Islam adalah peraturan ilahi yang dimaksudkan untuk menjadi pedoman hidup bagi ummat manusia seluruhnya, dalam berbagai macam daerah dan kebudayaannya. Sifatnya yang bersumber dari Wahyu Ilahi, mewarnai peraturan dan Undang-undangnya. Oleh sebab itu, Islam dapat menguasai wilayah yang luas, mampu untuk membentuk kehidupan yang makmur dan penuh kreasi dalam segala bidang

Dengan keistimewaan ini, Islam berlainan dengan segala peraturan ciptaan manusia; kerana ciptaan itu diketengahkan untuk mengatasi sesuatu persoalan yang sedang dihadapi oleh masyarakat. Islam menyelamatkan masyarakat manusia dari suasana bertentangan antara suatu konsep dengan konsep yang lain. Dan Islam menyelamatkan manusia dari suasana menurun, yang mungkin menimpa kebudayaannya. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

"Al-Qur'an bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi Al-Qur'an membenarkan Kitab-kitab Suci yang sebelumnya, dan menjelaskan segala sesuatu dan menjadi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman."
(Surah Yusuf: ayat 111)

E. GARIS-GARIS BESAR AJARAN ISLAM
1. DI BIDANG 'AQIDAH

Keimanan kepada Allah Subhanahu WaTa'ala:

Masalah pertama yang perlu diselesaikan oleh para Da'i dalam melaksanakan tugasnya ialah soal keimanan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala selama masalah pokok ini belum selesai dengan alasan-alasan yang memuaskan, maka segala usaha Dawah yang lain akan hilang tanpa kesan! Para Da'i haruslah ingat, adalah suatu kekeliruan, jika ada orang menganggap, bahawa orang yang tidak mengakui adanya ALlah itu akan mahu menerima agama Islam sebagai pedoman hidup. Keliru, jika ada yang menyangka, bahawa kehidupan menurut Islam akan dapat dimulai dengan titik tolak yang lain; misalnya dengan lebih dahulu berbincang-bincang tentang Keadilan Sosial menurut Islam, tentang persamaan hak antara sesama manusia menurut Islam dan sebagainya. Titik-tolaknya keliru, walaupun ajaran-ajaran ini memang benar bersumber dari Islam.

Kekafiran, dan tidak adanya keimanan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala itu adalah kenyataan yang begitu jelas. Tugas utama dari para Rasul, tidak lain ialah menyelesaikan masalah ini, dan mengemukakan jalan keluar, yang merupakan 'Aqidah yang jelas dan benar, tentang Allah Subhanahu Wa Ta'ala tentang alam serta manusia dan kehidupan ini....!

Untuk pertama kalinya, para Rasul berbicara, mengajak ummatnya untuk beriman kepada Allah Maha Pencipta. Inilah pembicaraan dasar dan kaedah pertama, yang dikemukakan oleh para Rasul seluruhnya. Buktinya dapat kita lihat, dalam tiap-tiap Surah dalam AL-Qur'an, yang mengandungi berita tentang Rasul atau Nabi. Sebagai contoh:

مِّنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ

"Sungguh, Kami telah mengutus Nuh kepada kaumnya, lalu ia berkata: "Wahai kaumku, sembahlah Allah. Sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain Dia. Sesungguhnya, kalau kamu tidak menyembah Allah, aku takut, bahawa kamu akan ditimpa oleh siksa pada hari yang besar."

(Surah Al-A'raf: ayat 59)

وَإِلَى عَادٍ أَخَاهُمْ هُوداً قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُواْ اللّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ أَفَلاَ تَتَّقُونَ

"Dan Kami telah mengutus kepada kaum 'Aad, saudara mereka, Huud. Ia berkata: "Wahai kaumku, sembahlah Allah; sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain Dia. Kenapa kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?"
(Surah Al-A'raf: ayat 65)

وَإِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُواْ اللّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

"Dan kami mengutus kepada kaum Tsamud, saudara mereka, Saleh. Ia berkata: "Wahai kaumku, sembahlah Allah. Sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain Dia…"
(Surah Al-A'raf: ayat 73)

وَإِلَى مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُواْ اللّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ قَدْ جَاءتْكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ

"Dan Kami mengutus kepada penduduk Madyan, saudara mereka, Syu'ib. Ia berkata: "Wahai kaumku, sembahlah Allah; sekali-kali tidak ada Tuhan bagimu selain Dia. Sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti yang nyata dari Tuhan-mu...."
(Surah Al-A'raf: ayat 85)

وَإِبْرَاهِيمَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاتَّقُوهُ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ

'Dan ingatlah Ibrahim, ketika Ia berkata kepada kaumnya: "Kamu sekalian, sembahlah Allah, dan bertaqwalah kamu kepada-Nya. Yang demikian itu adalah lebih baik bagimu, jika kamu mengetahuinya"
(Surah Al-'Ankabut: ayat 16)

Nah! Sekarang ini, alam keseluruhannya mempersaksikan terjadinya suasana "MURTAD", terhadap Keimanan kepada Allah, Maha Pencipta. Terjadi kekufuran yang menyeluruh, yang belum pernah ada bandingannya dalam Sejarah! Perlu kita ingat, bahawa "Murtad besar-besaran" ini terjadi, kerana munculnya faktor-faktor pendorong yang banyak di antaranya:

1) Tidak ada kewujudan yang sebenarnya dari Islam yang betul, walau hanya di suatu daerah yang kecil saja! Tidak ada sesuatu tempat, di mana hukum-hukum Islam dihayati dan di atasnya berkibar bendera Tauhid. لااله الا الله (Tidak ada Tuhan selain Allah). Tidak ada lagi daerah yang dapat dijadikan sebagai "Teladan", (uswah) sebagai ikutan yang 'amali tentang penghayatan fikrah Islam yang ditegakkan

di atas landasan Keimanan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Jadi tidak ada lagi kenyataan yang mungkin memiliki tenaga dan media, llmiyah dan 'Amaliyah serta Kesenian, yang dapat tegak bertahan, melawan arus ideologi dan pendapat-pendapat yang bersumber dan Materialisme dan Atheisme. Dan belum ada tenaga yang berusaha untuk menghancurkannya!

2) Kebudayaan Atheisme ditegakkan di seluruh dunia. Malahan lebih dari itu, Atheisme dijadikan titik pusat, tempat bertemunya puluhan negara-negara, yang kesemuanya tegak di atas landasan falsafah Materialisme. Semuanya berfikir dari titik tolak materi, dan melupakan wujudnya Allah Maha Pencipta! Falsafah safat ini sudah menjalar dan meresap ke seluruh dunia, termasuk negara-negara Islam! Beberapa negara sudah menetapkan Materialisme sebagai landasan tempat tegaknya. Seperti kata pepatah: "Menebarkan abu dapur ke dalam mata." Beberapa negara membangunkan sistem ekonominya di atas landasan Materialisme, tanpa berfikir terlebih dahulu. Kalau kita mahu mengaku dengan jujur, maka kita akan menilai, bahawa teori ekonomi yang secara meluas diterapkan dalam sebahagian besar negara-negara di dunia ini, adalah berdasarkan teori Materialisme yang menafikan wujudnya Allah Maha Pencipta! Teori ini hanya mengakui adanya benda dan meteri!

Oleh itu dengan mudah dapat difahami bahawa sesuatu yang sudah rosak pohonnya tentu saja rosak cabangnya! Kalau kita mengaku dengan jujur, maka akan ternyata bahawa suasana Materialisme ini sudah mengakibatkan negara kita sendiri dilanda ombak Atheisme, yang menghembus pandangan hidup dan jalan fikiran kita, dan hampir memadamkan cahaya "Keimanan" di kalangan generasi muda kita!

Justeru itu menjadi tugas utama para Da'i untuk memulakan da'wahnya dengan mengemukakan masalah Keimanan tentang wujudnya Allah Maha Pencipta. Inilah langkah pertama, jalan yang wajar untuk menanamkan Keimanan dan keislaman di kalangan masyarakat. Sesudah landasan ini kukuh, barulah Da'i mula menyampaikan ajaran-ajaran yang terperinci, berupa Hukum-hukum taklif, berikut kewajiban untuk berjuang, menegakkan agama Allah. Perlu diperhatikan, bahawa pembicaraan dalam masalah ini harus sistematis dan jelas, serta mudah difahami. Kami berpendapat, bahawa sebaiknya Da'i menyampaikan langkah-langkah berikut:

1) Alam raya ini pasti ada Penciptanya:

Kita telah menerima kenyataan, bahawa alam ini wujud. Lalu, bagaimanakah kita menafsirkan wujudnya alam ini, dan perkembangannya? Ada tiga kemungkinan untuk menjawab pertanyaan itu, iaitu:

a) Wujudnya alam raya ini hanya merupakan khayal saja: Kemungkinan ini tertolak dengan mudah, kerana ternyata kita melihat, merasa dan meni'mati apa yang ada di alam ini; terutama diri kita sendiri adalah sebahagian dari alam ini. Jadi, adanya alam ini tidak mungkin dikatakan khayal.

b) Alam raya ini ada, muncul dengan kekuatannya sendiri, setelah dahulu tidak ada: Inilah pendapat aliran Komunisme, yang diutarakan sebagai "Dialektika Materialisme" dan Sejarah Materialisme.

c) Jadi, tinggallah satu kemungkinan, iaitu yang ketiga, bahawa alam raya ini ada kerana ada penyebab adanya, ada yang menciptakannya. Dan Maha Pencipta itu mestinya abadi. Dia menciptakan alam ini tanpa contoh. Dan inilah jawapan yang tepat, diterima 'aqal, tanpa menghadapi tentangan.

2) Kemampuan kita terbatas;

Kita tidak mampu untuk menguasai segala sesuatu yang ada di alam ini Dalam hal ini, sebaiknya para Da'i menerangkan kepada orang yang diserunya bahawa di samping adanya Allah Maha Pencipta, juga ada hal-hal yang ghaib, yang mana manusia tidak mampu untuk memikirkannya.

Manusia dapat mengetahui apa-apa yang ada di alam raya ini dengan melalui pancaindera yang ada padanya. Ia melihat dengan matanya, mencium dengan hidungnya, mendengar dengan telinganya.... dan demikianlah seterusnya! Namun suatu kenyataan menunjukkan, bahawa pancaindera itu terbatas dan lemah. Banyak sekali benda-benda yang tidak dapat dilihat oleh mata. Dan untuk melihatnya, mata terpaksa menggunakan mikroskop. Demikian juga, banyak suara yang tidak dapat didengar oleh telinga, dengan peralatannya yang begitu halus Dan demikian juga keadaannya susunan tubuh kita yang lain-lain. Banyak kekuatan dan perasannya yang kurang. Kalau sekiranya yang kurang itu dapat disempurnakan, tentulah kemampuan kita akan terbuka luas. Misalnya alat peraba kita memiliki perasaan tentang adanya logam di dalam tompokan tanah, tentulah kita akan sanggup merasakan ada atau tidaknya logam itu, tanpa mengadakan penyelidikan yang teliti; seperti daya tarik yang ada pada magnet, kalau sekiranya ada pada kulit tangan kita, tentulah tangan kita akan sanggup menarik bijih besi yang ada di dalam tanah itu.

Dengan memperhatikan kenyataan-kenyataan itu, jelaslah bahawa di alam ini banyak benda-benda yang tidak dapat Indra manusia itu dicapai melalui pancaindera, terbatas dan lemah, tidak dapat mencapai segala sesuatu yang ada di alam ini. Inilah yang dimaksudkan dalam Ayat:

وَمَا أُوتِيتُم مِّن الْعِلْمِ إِلاَّ قَلِيلاً

"Dan tidaklah kamu diberi ilmu pengetalutan, kecuali hanya sedikit."
(Surah Al-Isra': ayat 85)

خُلِقَ الإِنسَانُ ضَعِيفًا

"Manusia itu diciptakan dalam keadaan bersifat lemah."
(Surah An-Nisa': ayat 28)

Sehubungan dengan itu, Imam Syafi'e berkata:

"Aqal mempunyai batas tempatnya berhenti, sama seperti penglihatan mempunyai batas tempatnya berhenti."

3) 'Aqal kita terbatas dan memerlukan wahyu:

Da'i telah meyakinkan mad'unya tentang kelemahan manusia; untuk menguasai segala sesuatu yang ada di alam ini. Manusia lemah dan terbatas kekuatannya. Sesudah itu, Da'i perlu meyakinkan mad'unya, bahawa manusia yang lemah ini memerlukan pengetahuan yang berada di luar jangkauan 'aqal fikirannya. Manusia perlu mengetahui hal-hal yang ghaib. Pengetahuan yang demikian itu tidak dapat diperolehi kecuali dengan jalan Wahyu Ilahi dan Kenabian (NUBUWWAH).

Sehubungan dengan itu, para Da'i berusaha meyakinkan mad'unya, bahawa manusia memerlukan kedatangan Nabi-nabi dan Rasul-rasul. Rasul-rasul itu perlu menerangkan hal-hal yang tidak dapat dijangkau oleh akal fikiran manusia. Demikianlah mereka menyampaikan tugas Risalah yang mereka terima dari Tuhannya.

رُّسُلاً مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لِئَلاَّ يَكُونَ لِلنَّاسِ عَلَى اللّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ الرُّسُلِ وَكَانَ اللّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا

"Rasul-rasul, yang memberi khabar gembira dan memberi peringatan, agar supaya tidak ada alasan bagi manusia untuk membantah kepada Allah, sesudah diutusnya Rasul-rasul itu. Dan Allah adakah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana."
(Surah An-Nisa': ayat 165)

4) Tujuan Da'i dalam meyakinkan tentang adanya Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

Titik terakhir yang juga perlu diperhatikan oleh Da'i, untuk dijadikannya sebagai kesimpulan pembahasannya dan hasil soal jawab dengan mad'unya menjelaskan bahawa tujuan Keimanan tentang adanya Allah Maha Pencipta itu, dapat dikemukakan dengan perincian yang berikut:

1) Menolak pendapat Materialisme, dan seterusnya menolak segala pendapat dan jalan fikiran yang dicetuskan berdasarkan teori Materialisme itu.

2) Menetapkan bahawa Keimanan tentang adanya Allah Maha Pencipta, membawa akibat timbulnya keta'atan kepada-Nya, menjunjung perintah-Nya dan meyakinkan adanya keperluan terhadap petunjuk, tuntunan dan pembetulan-Nya.

3) Keta'atan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala, dan keyakinan tentang adanya keperluan kepada tuntunan-Nya, itu mengakibatkan Keimanan kepada Nabi-nabi dan Rasul-rasul-Nya, dan mengaku kebenaran tentang adanya Syurga dan Neraka-Nya.

4) Keimanan kepada Allah dan Rasul-Nya mengakibatkan timbulnya keyakinan bahawa Islam adalah Risalah yang terakhir, tuntunan hidup yang dianugerahkan oleh Allah kepada makhlukNya. Keimanan kepada Allah dan RasulNya mencetuskan Keimanan tentang fungsi Islam sebagai Pedoman Hidup. Dan Keimanan ini menimbulkan keinsafan untuk mengamalkan Islam dalam segala lapangan hidup, berusaha menyebarkan ajaran Islam di kalangan masyarakat, dan berjuang untuk menegakkan Islam di muka bumi ini.

b) Keimanan kepada Hari Akhirat:

Kini tibalah sa'atnya, para Da'i menjelaskan kepada mad'unya, tentang bagaimanakah tujuan hidup ini menurut Islam?

Jawabnya ialah, bahawa kehidupan di dunia ini adalah jalan yang kita tempuh dalam pengembaraan kita menuju Kampung Akhirat. Allah menciptakan kita manusia tidaklah percuma, dan juga tidak tanpa tujuan, seperti yang dikatakan oleh golongan Atheisme dan Materialisme. Allah menciptakan kita adalah untuk menguji kita, siapa di antara kita yang lebih baik, dalam memanfa'atkan segala ni'mat yang diberikan-Nya kepada kita. Kita manusia semuanya tergadai dengan 'amal perbuatannya, baik yang saleh ataupun yang jahat. Dan Akhirat, itulah Kampung yang Abadi, mungkin rumah kita di Syurga, mungkin juga di Neraka.

Pengertian serta pengakuan ini, dan keimanan terhadap Hari Akhirat, itu merupakan pusat pengendalian nafsu manusia. Dan dengan selalu terbiasa mengingat Hari Akhirat itu, manusia akan dapat mengendalikan hawa nafsunya, dan menahannya dari penyelewengan dan kegelinciran. Keimanan kepada Hari Akhirat itu dapat dihayati dengan merenungkan perincian sebagai berikut:

1) *Nilai Keimanan terhadap Hari Akhirat:* Keimanan kepada Hari Akhirat, itu termasuk salah satu Rukun Iman, dan merupakan hasil dari Keimanan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Keimanan ini

merupakan Garis Pemisah, antara 'Aqidah Islamiyyah dan 'Aqidah Materialisme dan cabang-cabangnya.

Islam menetapkan, bahawa Allah Subhanahu Wa Taala adalah Maha Pencipta. Yang telah menciptakan alam ini, dan tiada kepada ada. Alam ini tidak terjadi dengan sendirinya sebagaimana yang dida'wa oleh kaum Materialisme. Pengakuan ini membawa manusia menempuh langkah pertama, yang merupakan dasar untuk mengerti tentang apa sebenarnya alam raya ini.

Dari titik tolak ini muncullah pengertian dan pengakuan yang lain. Pengakuan yang benar itu akan menerbitkan budi pekerti dan tindak tanduk seseorang. Kalau manusia sudah beriman tentang wujudnya Allah Subhanahu Wa Ta'ala tentulah ia mengerti tentang keagungan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan juga tentang sifat-sifat-Nya yang lain-lain. Allah Subhanahu Wa Ta'ala tidak menciptakan manusia ini dengan sia-sia. Manusia diciptakan adalah untuk diberikan tugas membangun dan memakmurkan bumi ini; dan bukan untuk merosak dan menghancurkannya:

تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (1) الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ

"Maha Suci Allah, yang dalam kekuasaan-Nya tergenggam segala kerajaan. Dan Dia Maha Kuasa terhadap segala sesuatu Dia yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun."
(Surah Al-Mulk: ayat 1-2)

Manusia, di akhir pengembaraan kehidupannya akan menghadapi tempat menetap, yang sudah dibangunnya untuk dirinya sendiri, dengan memanfa'atkan apa-apa yang ada padanya dan kebebasannya dalam berusaha.

فَأَمَّا مَن طَغَى (37) وَآثَرَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا (38) فَإِنَّ الْجَحِيمَ هِيَ الْمَأْوَى (39) وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى (40) فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى (41)

"Adapun orang yang melampaui batas, dan lebih mengutamakan kehidupan dunia, maka sesungguhnya neraka itulah tempat tinggalnya. Dan adapun orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya, dan menahan diri dan keinginan hawa nafsunya, maka sesungguhnya syurga itulah tempat tinggalnya."
(Surah An-Nazi'at: ayat 37-41)

'Aqidah ini mendorong manusia untuk terus-menerus maju, meningkat dalam hidupnya. Ia tidak menilai dunia ini sebagai satu-satunya negeri. 'Amal perbuatannya diaturnya sebagai kenderaan dalam perjalanan menuju Kampung Akhirat. Ia insaf, bahawa rumahnya kelak di kampung akhirat, tidak lain ialah rumahnya yang dibangunnya selama hidup di dunia ini....!

مَّن كَانَ يُرِيدُ الْعَاجِلَةَ عَجَّلْنَا لَهُ فِيهَا مَا نَشَاءُ لِمَن نُّرِيدُ ثُمَّ جَعَلْنَا لَهُ جَهَنَّمَ يَصْلاهَا مَذْمُومًا مَّدْحُورًا (18) وَمَنْ أَرَادَ الآخِرَةَ وَسَعَى لَهَا سَعْيَهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ كَانَ سَعْيُهُم مَّشْكُورًا

"Barangsiapa yang selalu menghendaki kehidupan duniawi sekarang ini, maka Kami segerakan baginya di dunia ini, apa yang Kami kehendaki bagi orang yang Kami tentukan, dan Kami tetapkan baginya neraka Jahannam, ia akan memasukinya dalam keadaan tercela dan terusir dari rahmat Allah. Dan barangsiapa yang selalu menghendaki kehidupan akhirat dan berusaha ke arah itu dengan bersungguh-sungguh, dan dia beriman, maka mereka itu adalah orang-orang yang usahanya akan dibalas dengan baik."
(Surah Al-Isra': ayat 18-19)

Perasaan yang memancar ini menyebabkan orangnya memainkan peranan yang penting dalam mengarahkan kehidupannya sebagai manusia, dan memelihara kehidupannya itu dan segala apa yang mungkin menggangu dan merosakkannya.

Sebaliknya, orang yang tidak mengakui adanya Allah Subhanahu Wa Ta'ala tentu saja tidak mengakui adanya Hari Kiamat itu. Mereka tidak percaya tentang adanya Kampung Akhirat. Dan tidak percayanya itu menyebabkan mereka, dalam segala tindak-tanduknya selalu memperhitungkan kegiatannya itu berdasarkan nilai-nilai materi saja. Hal itu menyebabkan dunia ini merupakan titik tolak dan juga garis penamat dan segala kegiatan yang mereka laksanakan. Tidak syak lagi, bahawa cara berfikir yang demikiari merupakan titik perbedaan yang asas antara aliran-aliran Materialisme dan Islam.

2) Nilai dunia ini dibandingkan dengan Akhirat:

Para Daie sebaiknya menjelaskan kepada mad'u, bagaimana sebenamya nilai dunia ini, dan bagaimana nilainya di samping Akhirat. Keni'matan dunia ini akan tidak mempunyai nilai, jika dibanclingkan dengan keni'matan yang ada di Akhirat. Keni'matan hidup di Akhirat itulah yang merupakan keni'matan yang sebenar-benarnya.

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَهْوٌ وَلَعِبٌ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

"Dan tiadalah kehidupan dunia ini melainkan hanya senda gurau dan main-main belaka. Dan sesungguhnya kampung akhirat itulah kehidupan yang sebenar-benarnya, kalau sekiranya mereka mengetahuinya."
(Surah Al-'Ankabut: Ayat 64)

Keterangan itu dikuatkan lagi dengan Hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Di Hari Kiamat kelak akan didatangkan orang yang paling senang hidupnya di dunia ini, tetapi di akhirat ia menjadi penghuni neraka. Ia dimasukkan sebentar ke dalam neraka, lalu dikeluarkan kembali, dan ditanyakan kepadanya: "Wahai anak Adam, sudah pernahkah engkau melihat kebaikan selama ini? Sudah pernahkah engkau merasakan keni'matan?

"Orang itu akan menjawab: "Tidak, ya Tuhan-ku! Sungguh, demi Allah, aku belum pernah merasakan keni'matan apapun." "Kemudian didatangkan pula orang yang paling miskin di dunia ini, yang kelak di akhirat ia menjadi penghuni syurga. la dimasukkan sebentar ke syurga, lalu dikeluarkan kembali, kemudian ditanyakan kepadanya: "Wahai anak Adam, pernahkah engkau merasakan kemiskinan selama ini? Pernahkah engkau menderita? "Orang itu menjawab: "Tidak, ya Tuhanku, aku tidak merasakan kemiskinan. Aku tidak pernah menderita."
(Hadith Riwayat Muslim)

Gambaran yang seperti ini terhadap dunia, menyebabkan manusia yang mempercayainya lalu tidak mahu menumpukan perhatiannya kepada dunia ini. Ia tidak mahu habis-habisan mengejar dunia. Dengan demikian, ia akan menjadikan kepentingannya di dunia ini hanyalah sekadar mencari keredaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Ia selalu menyediakan bekal di dunia ini untuk dibawa ke Akhirat kelak, sambil menjunjung tinggi sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Hendaklah engkau berada di dunia ini sebagai orang yang sedang berada di perantauan, atau orang yang sedang menyeberang jambatan..."
(Hadith Riwayat lbnu 'Umar)

Jika dengan keinsafan ini, manusia sudah dapat membangunkan jiwanya dari tidurnya yang lelap, tentulah selanjutnya ia akan dapat mendorong jiwanya itu supaya terus-menerus maju, meningkat, menuju kesempurnaannya sebagai manusia. Dan dengan demikian dapatlah diwujudkan buah yang lazat, hasil kerjasama 'Aqidah dan Jiwa, lahirlah budi pekerti yang mulia, Al-Akhlakul Karimah

c. Keimanan kepada Qada' dan Qadar

Dalam peningkat ini tibalah sa'atnya Da'i menjelaskan kepada sasarannya, bagaimana 'Aqidah Islam tentang Qada' dan Qadar, dengan huraian yang luas dan jelas. Da'i perlulah ingat, bahawa pengertian yang salah terhadap Qada' dan Qadar itu akan sering menimbulkan pengaruh yang buruk dalam kehidupan manusia. Jadi, adalah tugas Da'i untuk menumpukan perhatiannya yang mendalam terhadap masalah ini, dan menjadikan 'Aqidah ini sebagai bahan perbincangan antara sesama Da'i. Berikut ini akan dikemukakan beberapa masalah Qada' dan Qadar yang merupakan perincian dan 'Aqidah Islam, iaitu:

1) Pengertian yang salah:

Pengertian yang salah terhadap Qada' dan Qadar ialah mengakui bahawa Allah Subhanahu Wa Ta 'ala telah menetapkan untuk manusia, segala tindak-tanduk dan gerak-gerinya. Jadi, manusia di alam ini tidak mempunyai kebebasan, kemahuan, dan pemikiran. Kapal Taqdir belayar membawa manusia, melalui lautan yang dalam dan luas, dan ia sama sekali tidak mampu untuk melakukan sesuatu yang berguna ataupun yang berbahaya bagi dirinya sendiri....!

Jadi, segala kesesatannya, (kalau ia sesat) kesemuanya itu sudah tertulis, ditetapkan untuk dirinya sejak azali. Demikian juga segala kebaikannya, (kalau ia baik) dan mengikuti petunjuk, segala disiplinnya, (kalau ia berdisiplin) dan penyelewengannya, (kalau ia menyeleweng)...kesemuanya itu sudah tertulis…! Manusia tidak dapat menolak, dan tidak mampu untuk mencegahnya…!

'Aqidah seperti ini disebut (JABARIYYAH), "Jabar", yang bermaksud manusia itu terpaksa. Dengan 'Aqidah seperti ini, maka para penganutnya sudah menganut faham yang berlainan dengan beliau-beliau yang baik-baik, yang telah mendahului kita. Para Penganut 'Aqidah ini suka mengerjakan dosa, baik dosa besar ataupun dosa kecil; kemudian mereka membela dirinya dengan mengemukakan alasan "Memang sudah taqdirnya."

2. Cara membetulkan pengertian yang salah ini:

Pengertian ini jelas berlawanan dengan ketentuan Keadilan Ilahi, dalam pengertian yang paling sederhana; kerana kalau sekiranya pengertian itu benar, maka tidaklah ada gunanya manusia diberi akal dan kesanggupan untuk berfikir, dan juga tidak ada gunanya Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengutus Nabi-nabi dan Rasul-rasul. Demikian juga, tidak ada gunanya Allah Subhanahu Wa Ta'ala menetapkan Syari'ah dan Undang-undang. Manusia hanya terpaksa mengerjakan apa yang dikerjakannya. Ia hanya seperti bulu yang berada di cawangan yang digerakkan dan diterbangkan oeh angin, menurut kemahuan angin itu sendiri....!

'Ali ibn Abi Thalib Radiyallahu'anhu sudah pernah mengemukakan alasan yang tepat, untuk membasmi pengertian yang seperti ini. Pernah seorang laki-laki yang bersalah, berusaha membela dirinya di hadapan Sayaidina Ali, dengan alasan, bahawa kesalahannya itu memang sudah suratan Taqdir untuk dirinya, dan ia sama sekali tidak dapat mengelakkannya. Lalu, Ini membentak orang itu dengan katanya:

"Mungkin anda mengira, bahawa Taqdir itu merupakan sesuatu yang pasti berlaku dan ketentuan yang mesti terjadi? Andai kata demikian tentulah tidak ada lagi pahala dan dosa, tidak ada janji baik, tidak ada ancaman, tidak ada perintah dan tidak ada larangan! Tentulah Allah tidak mencela orang yang berdosa, dan juga tidak memuji orang yang baik. Orang yang baik tidaklah lebih berhak untuk dipuji daripada orang yang jahat. Demikian juga, orang yang bersalah tidaklah lebih pantas dari orang yang baik, dalam menerima teguran." "Kata-katamu itu adalah ucapan para penyembah berhala, tentera syaitan dan saksi-saksi palsu. Mereka itu buta matanya untuk melihat kebenaran. Mereka itulah golongan Qadariyah dalam ummat Islam ini, dan mereka itulah golongan Majusinya."

3) Masalah kehendak (IRADAH) Allah dan kehendak manusia:

Allah menciptakan sesuatu dan tiap-tiap sesuatu ciptaan itu mempunyai keistimewaan yang tertentu. Misalnya, Allah menciptakan api dalam keadaan memiliki keistimewaan "Membakar". Demikian juga air memiliki keistimewaan "Menghidupkan". Dan pisau memiliki keistimewaan "memotong" Dan minuman keras, mempunyai keistimewaan "memabukkan".... dan demikianlah seterusnya....!

Manusia diberi pengetahuan tentang keistimewaan-keistimewaan itu. Maka jika ada orang yang mempergunakan api untuk membakar, dan lalu menimbulkan bahaya kebakaran, maka tentu saja orang itu mempergunakan api itu menurut kemahuan dan kehendaknya sendiri. Sedang adanya keistimewaan "membakar" pada api, itu terjadi dengan kehendak Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Jadi kehendak Allah Subhanahu Wa Ta'ala terjadi dalam memberikan keistimewaan membakar kepada api, dan kehendak manusia terjadi... dalam mempergunakan keistimewaan membakar itu sehingga menimbulkan bahaya kebakaran. Demikianlah seterusnya, kehendak Allah terjadi dalam memberikan keistimewaan yang tertentu kepada tiap-tiap makhluk yang ada di alam ini. Dan kehendak manusia terletak dalam mempergunakan keistimewaan yang ada pada makhluk-makhluk itu. Dalam kemampuan manusia mempergunakan keistimewaan inilah terletak hukum-hukum **Taklif**.

Misalnya, Allah Subhanahu Wa Ta'ala menciptakan keistimewaan dalam hubungan jenis manusia, iaitu terjadinya pembuahan dan lahirnya keturunan. Kalau manusia melaksanakan hubungan itu dalam lingkungan "Nikah", maka ia akan diberi pahala; sebaliknya, kalau manusia melakukan hubungan dan berketurunan di luar Nikah, maka ia akan diberi dosa.

Dengan demikian jelaslah, bahawa ada keistimewan yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam tiap-tiap sesuatu. Dan keistimewaan itu dapat dipergunakan oleh manusia, untuk kebaikan atau untuk kejahatan. Allah menciptakan keistimewaan untuk tiap-tiap makhluk, tidaklah dalam keadaan yang memaksa manusia supaya mempergunakan keistimewaan itu untuk hal-hal yang tidak baik. Manusia diberi akal, yang semata-mata bebas memilih dan memperbandingkan antara sesuatu penggunaan yang baik dan yang tidak baik.

"Tidak ada paksaan dalam agama. Sesunguhnya telah jelas jalan yang benar dan jalan yang salah...."
(Surah Al-Baqarah: ayat 256)

4) Antara terpaksa (Jabariyyah) dan bebas memilih (Ikhtiariyyah)

Dari keterangan yang tersebut di atas dapatlah diambil kesimpulan, bahawa: Perintah-perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang tersebut dalam Al-Qur'an ada dua macam iaitu:

a) Perintah dalam bentuk mencipta: misalnya Allah Subhanahu Wa Ta'ala memerintahkan kepada makhluk-makhluk yang tidak ber'aqal, misalnya perintah Allah kepada api:

يَا نَارُ كُونِي بَرْدًا وَسَلَامًا عَلَى إِبْرَاهِيمَ

"Wahai api, menjadi dinginlah engkau, dan menjadi keselamatanlah engkau bagi Ibrahim."
(Surah Al-Anbiya': ayat 69)

يَا أَيَّتُهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ (27) ارْجِعِي إِلَى رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً

"Wahai jiwa yang tenang. Kembalilah engkau kepada Tuhanmu... dalam keadaan puas dan diredhai oleh Tuhan-mu."
(Surah Al-Fajr: ayat 27-28)

Perintah-perintah yang seperti ini menghendaki kepatuhan yang segera. Manusia tidak diminta bertanggungjawab dalam wilayah perintah-perintah in Manusia sama sekali tidak diberi balasan terhadap perintah-perintah in Jadi, misalnya dalam masalah umur manusia, bentuk tubuhnya, panjang atau pendek, dan warna kulitnya, putih atau hitam; demikian juga kekuatan alam yang dimanfa'atkan dalam kehidupan manusia; demikian juga peraturan alam yang berlaku di alam ini. Kesemuanya itu adalah perintah Allah dalam bentuk mencipta. Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan Qada'-Nya sudah menetapkan keadaannya demikian, semenjak 'azali. Dan

Allah Subhanahu Wa Ta'ala menciptakan demikian, menurut Taqdir-Nya. Manusia sama sekali tidak turut campur-tangan di dalamnya.

Oleh itu, manusia tidaklah dipersalahkan, apakah tubuhnya pendek atau panjang, apakah wajahnya cantik atau buruk. Demikian juga, manusia tidak dipersalahkan, apakah bumi ini bulat atau datar.....!

b) Perintah dalam bentuk penugasan: maksudnya perintah-perintah yang ditujukan kepada orang Mukallaf dan dijanjikan, bahawa ia akan diberi balasan terhadap pelaksanaan perintah ini, samada balasan baik buruk. Misalnya perintah Allah Subhanahu Wa Ta'ala supaya menahan penglihatan.

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ

"Katakanlah kepada orang-orang yang beriman, supaya mereka menahan penglihatannya dan memelihara kehormatan dirinya..."
(Surah An-Nur: ayat 30)

Dan larangan makan riba:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ لاَ تَأْكُلُواْ الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda...."
(Surah Ali 'Imran: ayat 130)

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاء فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ

"Wahai Nabi, apabila kamu menceraikan isteri-isterimu, maka hendaklah kamu menceraikan mereka dalam waktu suci, agar supaya mereka menghadapi 'iddahnya yang wajar "
(Surah AT-Talaq: Ayat 1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا

"Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka..."
(Surah At-Tahrim: ayat 6)

Manusia dalam ruang lingkup perintah-perintah yang merupakan penugasan seperti ini, mempunyai hak dan kewajiban serta kemampuan untuk memperbandingkan antara mengerjakan dan meninggalkan perintah itu. Ia dapat memilih dengan bebas, apakah ia akan melaksanakan atau tidak akan melaksanakan perintah itu. Dalam keadaan yang demikian itulah

manusia itu diminta bertanggungjawab terhadap pekerjaan-pekerjaannya, dan akan diperhitungkan pahala dan dosanya, kerana mengerjakan atau kerana meninggalkan perintah-perintah dan larangan-larangan itu.

فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ (7) وَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ (8)

"Maka barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat atom, nescaya ia akan melihat balasannya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan seberat atom, nesaya ia akan melihat balasannya."
(Surah Az-Zalzalah: ayat 7-8)

2. DI BIDANG SYARI'AH

a. DiBidang 'Ibadah

'Ibadah maksudnya 'amal perbuatan, yang dilaksanakan menurut pedoman ilahi, dan mengatur hubungan antara seorang hamba dengan Tuhan-nya. Masalah ini mencakup segala 'amal perbuatan, yang mendekatkan hamba kepada Tuhan-nya, dan juga berkesan membersihkan jiwa seorang hamba dan persoalan keduniaan, dan mendorong jiwanya untuk meningkat ke arah kesempurnaan menurut tuntunan ilahi. 'Ibadah menjaga keseimbangan naluri, antara kepentingan-kepentingan jiwa dan keperluan-keperluan jasmaniyah dalam kehidupan manusia. 'Ibadah meliputi Rukun Islam yang lima, sebagai unsur pokok yang diperolehi dari Hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Islam ditegakkan di atas lima dasar, iaitu: Syahadat, kesaksian bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, dan bahawa Muhammad utusan Allah, menegakkan solat dan membayar zakat, dan puasa pada Bulan Ramadhan, dan naik haji ke Baitullah, bagi siapa yang sanggup berjalan kepadanya."(Hadith Riwayat Ahmad, Bukhari, Muslim, Tirmidzi dan Nasaa'i).

Syahadah (kesaksian bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, dan bahawa Muhammad utusan Allah) ini merupakan cetusan dari Keimanan, yang telah dijelaskan dalam masalah 'Aqidah (yang tersebut di atas). Selanjutnya, Rukun Islam yang empat lagi, akan diterangkan perinciannya satu persatu sebagai berikut:

1) Solat (Sembahyang)

a) Hukumnya: Solat adalah tiang agama, dan salah satu Rukun Islam, Solat diwajibkan kepada setiap orang yang sudah Mukallaf. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

حَافِظُواْ عَلَى الصَّلَوَاتِ والصَّلاَةِ الْوُسْطَى وَقُومُواْ لِلّهِ قَانِتِينَ (238)

"Peliharalah semua solatmu; dan terutama peliharalah solat yang di tengah-tengah, yang paling utama, dan tegaklah kamu untuk menyembah Allah dalam solat-mu dengan khusyu"
(Surah Al-Baqarah: 238)

b) Hikmahnya: Solat merupakan Ini'raj bagi orang yang beriman kepada Allah, kesempatan melapangkan rohnya dan menerangi hatinya, dan membersihkan jiwanya, sesuai dengan Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاء وَالْمُنكَرِ

"Sesungguhnya solat itu mencegah orangnya dari mengerjakan perbuatan yang keji dan munkar...."
(Surah Al-'Ankabut: ayat 45)

Dan Rasulullah Sallallahu 'alai Wasallam.

"Bagaimana pendapat kamu sekalian, andaikata ada sungai, yang mengalir di pintu rumah salah seorang di antara kamu, lalu Ia mandi di sana lima kali setiap hari? Apakah masih ada kotoran yang melekat pada tubuhnya?"
"Para sahabat menjawab: "Mestinya tidak ada lagi kotoran yang masih tertinggal melekat pada tubuhnya."
"Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Demikian jugalah solat yang lima waktu itu. Dengan solat itulah Allah s.w.t. menghapuskan kesalahan-kesalahan seseorang."
(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

c) Hukum orang yang meninggalkannya: Dalam Islam ditetapkan bahawa orang yang meninggalkan solat dengan sengaja, ia dihukumkan kafir, menurut pendapat kebanyakan Imam. Ia Wajib dihukum mati. Di samping itu, ada beberapa 'Ulama' yang berpendapat, bahawa ia dihukumkan "Fasiq", jika ia meninggalkan solat itu dengan sengaja dan tetap mengakui bahawa solat itu hukumnya wajib. Orang fasiq itu wajib diasingkan, atau dipenjarakan, sampai ia insaf dan mengerjakan solat kembali. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Kebiasaan yang berbeda antara kita dan mereka yang tidak beragama Islam ialah solat, maka barangsiapa meninggalkan solat, maka sesungguhnya ia telah kafir,"
(Hadith Riwayat Tirmidzi)

d) Syarat-syarat Solat: Syarat-syarat solat ialah: Suci tubuh, pakaian dan tempat; Masuk waktu solat; menghadap Qiblat, dalam keadaan sudah mengambil wudu'.

e) Rukun-Rukun Solat: Rukun-rukun solat ada 13 iaitu: Niat -Takbiratu'l Ihram- Tegak bagi yang sanggup - membaca Al-Fatihah dalam tiap-tiap raka'at - ruku' dengan berhenti sebentar (Thama'ninah) - bangkit dan ruku' (I'tidal) dengan thama'ninah sujud dengan thama'ninah - duduk antara dua sujud dengan thama'ninah - membaca Tahiyat Akhir - membaca selawat kepada Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam-memberi salam

f) Yang membatalkan Solat: Yang membatalkan solat ada empat, iaitu: keluar sesuatu dari dubur atau qubul - cakap dengan sengaja - banyak bergerak meninggalkan salah satu rukun atau syaratnya.

g) Waktunya: Solat yang wajib ada lima waktu, iaitu: Subuh - Zohor - 'Asar - Maghrib - Isya'.

h) Azan dan Iqamah: Azan sunat dikumandangkan setelah tibanya waktu solat, untuk setiap solat fardu. Iqamah sunat dikumandangkan menjelang kita melaksanakan solat fardu.

i) Solat Jum'at: Solat Jum'at hukumnya fardhu 'Ain, diwajibkan kepada setiap laki-laki yang mukallaf, dan yang bermuqim. Solat Jum'at hanya dua raka'at dan sebelum memulai solat lebih dahulu dibaca dua Khutbah.

j) Solat orang Musafir: Orang yang sedang musafir, boleh mengqasarkan solat yang empat raka'at, menjadi dua raka'at. Dan boleh juga menjama'kan solat Zohor dan 'Asar, demikian juga Maghrib dan 'Isya'. Tetapi, kalau ia sudah berniat akan menetap di sesuatu kota selama empat hari maka dalam empat hari itu ia tidak boleh mengqasarkan solat. Sebaliknya, kalau ia berada di sesuatu tempat dalam suasana menunggu kenderaan, maka ia boleh menggasarkan solat, walaupun misalnya sampai 18 hari. Ukuran jauhnya jarak untuk boleh mengqasarkan solat ialah lebih kurang 48 batu (72 km).

k) Solat Jenazah: Solat Jenazah dilaksanakan dalam keadaan berdiri. Rukunnya membaca Takbir empat kali, dengan diselang-seli, sesudah Takbir pertama dibaca Surah Al-Fatihah; sesudah Takbir kedua dibaca Selawat ke atas Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam sesudah Takbir ketiga dibaca Do'a untuk jenazah itu. Dan sesudah Takbir keempat dibaca Do'a dan Salam.

l) Solat Hari Raya: Dilaksanakan pada Hari Raya 'Idul Fitri dan 'Idul Adlha. Solat 'Ied dilaksanakan dua raka'at. Sesudah Takbiratu'l Ihram dibaca Takbir tujuh kali. Kemudian dibaca Al-Fatihah dan seterusnya disempurnakan raka'at pertama seperti solat yang biasa. Kemudian sesudah membaca Takbir waktu tegak kembali untuk memulai raka'at yang kedua, dibaca lagi Takbir lima kali, kemudian dibaca Al-Fatihah, dan seterusnya disempurnakan raka'at kedua. Dan sesudah selesai solat, dibaca dua Khutbah, seperti Khutbah dalam solat Juma'at.

m) Wuduk: Sebelum mengerjakan solat, kita lebih dahulu mengambil wudu'. Mengenai wudu' ini perlu diperhatikan tiga masalah, iaitu:

(1) Rukun Wudu' ada enam iaitu: niat - membasuh muka - membasuh dua tangan sampai ke siku - menyapu sebahagian kepala - membasuh kaki sampai ke tumit - mengerjakan rukun-rukun itu secara tertib.

(2) Sunat wudu' ada 10, iaitu: membaca Bismillah - membasuh dua telapak tangan - berkumur-kukur - memasukkan air ke hidung - menyapu seluruh kepala - menyapu telinga - menyela-nyela janggut yang tebal - menyela-nyela jari tangan dan kaki - melakukan semua rukun dan sunat itu tiga kali - melakukan semua rukun dan sunnat secara tertib.

(3) Perkara-perkara membatalkan Wudu' ada lima perkara, iaitu: keluar sesuatu dari dubur atau qubul - tidur nyenyak - hilang 'aqal kerana mabuk, pengsan dan sebagainya - bersentuh laki-laki dan wanita yang tidak muhrim - menyentuh kemaluan manusia, baik dirinya sendiri atau orang lain.

n) Mandi: Mandi diwajibkan jika terjadi salah satu dari empat perkara: persetubuhan - keluar mani kerana bermimpi dan sebagainya - habisnya darah haid atau nifas sesudah melahirkan - meninggal dunia.

Mandi dilaksanakan dengan dua Rukun, iaitu; Niat - meratakan air ke seluruh tubuh.

Sunat mengambil wudu' sebelum mandi, dan menggosok tubuh serta menyela-nyela rambut.

o) Tayammum: Tayammum merupakan cara darurat untuk bersuci, pengganti wudu' dan mandi. Mengenai Tayammum perlu diperhatikan empat perkara, iaitu:

(1) Syarat-syarat Tayammum: Tayammum diperbolehkan dengan syarat tidak ada air, atau khuatir akan berbahaya jika mempergunakan air, dan sudah masuk waktu solat fardu.

(2) Rukun-rukunya ada dua, iaitu: Niat - menyapu muka dan dua tangan dengan tanah yang suci.

(3) Sunat-sunatnya ada tiga, iaitu: membaca Bismillah berusaha supaya tanah yang diambil itu sedikit - tertib.

(4) Perkara-perkara yang membatalkan tayammum ada tiga, iaitu: segala apa yang membatalkan wudu' - diketemukan air, bagi yang

bertayammum kerana tidak ada air - hilangnya kekhuatiran, bagi yang bertayammum kerana khuatir berbahaya dalam mempergunakan air.

2. Puasa

Mengenai puasa perlu diperhatikan lima masalah, iaitu:

1) Hukum Puasa:

Puasa termasuk salah satu Rukun Islam, wajib dikerjakan oleh setiap orang dewasa, Mukallaf dan sanggup. Orang yang sedang sakit dan yang berada dalam perjalanan (musafir) boleh meninggalkan puasa dan menggantinya pada hari yang lain. Orang yang tidak sanggup berpuasa, kerana sudah tua atau kerana menderita penyakit tenat yang tipis harapan akan sembuh, boleh meninggalkan puasa dan mengganti puasa itu dengan membayar fidyah makanan asasi sebanyak satu mud untuk setiap hari yang ditinggalkan itu.

2) Hikmahnya:

Puasa merupakan latihan kemiliteran. Bangsa-bangsa perlu melatih putera-puterinya untuk menjadi militer, yang berjiwa patriot dan sanggup mengatasi kesulitan dengan bersusah payah. Latihan ini perlu untuk mempersiapkan mereka, menghadapi pertempuran jika diperlukan.

Demikian jugalah Islam mengajarkan latihan keperwiraan ini dalam ruang lingkup yang lebih luas. Latihan mencakup jasmani dan rohani, dalam waktu yang sama. Latihan dilaksanakan bagi orang dewasa dan anak-anak, laki-laki dan wanita. Jadi, puasa merupakan latihan besar-besaran untuk menghadapi perjuangan besar, perjuangan yang terus-menerus. Perjuangan hidup yang akan dilakukan secara keseluruhan, dan hasilnya juga akan dinikmati oleh seluruh masyarakat....!

Pengertiannya:

Puasa ialah menahan diri dari makan dan minum dan dari ke segala perkara-perkara yang membatalkan puasa mulai terbit fajar sampai terbenam matahari. Puasa wajib dilaksanakan pada Bulan Ramadhan.

4) Perkara-perkara membatalkan:

Puasa akan terbatal, jika seseorang memasukkan sesuatu ke dalam rongga tubuhnya dengan sengaja, atau melakukan persetubuhan, atau mengeluarkan mani atau muntah dengan sengaja.

5) Perkara-perkara yang boleh dilakukan:

Dalam keadaan berpuasa, orang boleh melakukan empat perkara, iaitu- mandi - menyuntikan ubat ke dalam urat darah atau urat nadi - menelan air liur - makan, minum atau bersetubuh pada malam hari, antara berbuka dan Imsak.

6) *Sunat berpuasa pada beberapa hari yang Istimewa,* di antaranya: Hari 'Asyura - mulai dan 1 hingga 9 Bulan Dzulhijjah - enam hari dari Bulan Syawal - tiga hari dari tiap-tiap bulan - setiap hari Isnin dan hari Khamis.

3. Zakat

1) Hukum dan hikmahnya

Zakat termasuk Rukun Islam, dan wajib dilaksanakan sebagai 'Ibadah. Di samping itu, zakat juga mempunyai nilai ekonomi dan sosial, kerana dapat menjamin kesejahteraan masyarakat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا

"Ambillah sebahagian dari harta-harta mereka, zakat yang akan membersihkan harta mereka itu, kalau-kalau ada yang kurang jelas halalnya, dan untuk mensucikan jiwa mereka, agar jangan sampai merasa sombong kerana mendapat rezeki yang banyak..."
(Surah At-Taubah: ayat 103)

Dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Sesungguhnya Allah mewajibkan kepada kaum Muslimin yang kaya, dalam harta mereka, supaya mereka memberikannya kepada orang-orang yang miskin, seberapa banyak yang dapat mencukupi keperluan mereka. Kalau orang-orang miskin itu lapar, atau tidak berpakaian, maka hanya uluran tangan dan orang-orang kaya sajalah yang akan dapat membantu mereka. Ketahuilah, bahawa kelak Allah akan memperhitungkan harta itu kepada mereka dengan perhitungan yang keras, dan akan menyiksa mereka yang tidak melaksanakan tuganya, dengan siksa yang pedih."

2) Nisabnya:

Nisab zakat adalah sebagai berikut:

a). *Emas:* 20 Dinar; sedang perak: 200 dirham. Kadar yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak 1/40 atau 2½ peratus.
b). *Unta*: 5 ekor; zakatnya dikeluarkan seekor kambing domba atau biri-biri.
c). *Lembu*: 30 ekor; zakatnya ialah seekor anak lembu, yang sudah berumur genap satu tahun atau lebih.
d). *Barang dagangan*: harganya dihitung pada akhir tahun, dan dihitung nisab dan zakatnya sama dengan emas. Zakatnya dikeluarkan berupa wang tunai, sebanyak 2½ peratus.

e). *Tanam-tanaman dan buah-buahan*: Nisabnya lima Ausuq. Ahli-ahli Fiqih menaksir beratnya kira-kira 684 kg. Jika disirami dengan air hujan, zakat yang wajib dikeluarkan ialah 1 / 10 atau 10 peratus, dan jika disirami dengan menggunakan alat, zakatnya sebanyak 1/20 atau 5 peratus.

3). Orang-orang yang berhak menerima zakat:

Zakat diberikan kepada delapan golongan, yang diterangkan dalam Surah At-Taubah:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللّهِ وَاللّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

"Sesungguhnya zakat itu diberikan kepada orang-orang yang fakir, yang miskin, 'amil, mu'aalaf , budak yang ingin merdeka, orang yang berhutang, kerana menegakkan agama Allah, dan untuk orang yang sedang berada dalam perjakinan yang putus hubungan den gan kampung halamannya. Itu adalah kewajipan yang diperintahkan oleh Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."
(Surah At-Taubah: ayat 60)

4. Haji

Mengenai 'Ibadah Haji perlu diperhatikan enam masalah, iaitu:

1) Hukumnya:

'Ibadah Haji hukumnya wajib dikerjakan sekali seumur hidup. Diwajibkan kepada setiap orang Islam yang sudah dewasa, cerdas akalnya, sanggup melaksanakannya, baik laki-laki ataupun wanita. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

وَلِلّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلاً

"Mengerjakan haji adalah kewajipan manusia terhadap Allah; iaitu bagi orang-orang yang sanggup mengadakan perjalanan kepadanya...."
(Surah Ali 'Imran: ayat 97)

Dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Wahai manusia, sesungguhnya Allah telah mewajibkan kepada kamu, supaya mengejakan haji; oleh sebab itu, hendaklah kamu mengejakan haji.
(Hadith Riwayat Muslim)

2) Hikmahnya:

Antara hikmat mengerjakan 'ibadah haji itu ialah kaum Muslimin seluruhnya dapat berkumpul. Mereka dapat bermusyawarah mengenai soal-soal kemasyarakatan dan masalah-masalah yang merupakan kepentingan bersama. Dan dalam musyawarah itu dapat diketemukan jalan keluar bagi persoalan-persoalan penting, yang sedang menimpa kaum Muslimin. Dengan demikian dapatlah diwujudkan kesatuan dan kerjasama yang erat.

Di samping itu, ketika mengerjakan Haji dapat dirasakan betul-betul persamaan hak sebagai sesama manusia. Jema'ah Haji, semuanya berkumpul di satu tempat, memakai pakaian yang sama, tidak ada perbedaan antara mereka, dan tidak ada tinggi rendahnya.

Demikian juga, selama mengerjakan 'Ibadah Haji, jiwa manusia dapat ditingkatkan. Jiwa akan terlepas dari kesibukan dan keinginnya, dan hanya tertumpu ber'ibadat kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala mendekatkan diri kepada-Nya. Ini akan memberi kesan dalam melatih jiwa dan membersihkannya dari kesesatan dan kesalahannya.

3) Cara mengerjakannya:

a) Haji Ifrad: iaitu mengerjakan Ihram untuk keperluan haji pada keperluan mengerjakan haji saja.

b) Haji Tamattu': iaitu mengerjakan Ihram untuk keperluan haji pada waktu akan berangkat ke Padang 'Arafah.

c) Haji Qiran: iaitu mengerjakan Ihram dari Miqat untuk keperluan 'Ibadah Haji dan 'Umrah sekali gus. Jadi seorang yang mengerjakan Haji Qiran tetap berada dalam suasana Ihram, sampai ia selesai mengerjakan Haji dan 'Umrah.

4) Rukun-Rukunnya:

Rukun Haji ada lima iaitu:

1. Berniat pada waktu Ihram
2. Wuquf di 'Arafah
3. Tawaf mengelilingi Kabah tujuh kali
4. Sa'i antara bukit-bukit Safa dan Marwah tujuh kali
5. Mencukur rambut.

5) Wajib Haji:

Dalam mengerjakan 'Ibadah Haji ada lima perkara yang wajib dikerjakan, iaitu; Ihram dan Miqat - bermalam di Muzdalifah - bermalam di Mina pada hari-hari Tasyriq -Tawaf Widaa', tawaf selamat tinggal sesudah 'ibadah Hajinya selesai.

6) Sunat-sunat Haji:

Ada lima perkara, yang sunat dikerjakan dalam melaksanakan 'Ibadah Haji, iaitu: membaca Talbiyah - Tawaf- Qudum (Tawaf Selamat datang) pada waktu baru datang dari kampung -menghimpunkan malam dan siang dalam keadaan wuquf di 'Arafah - mandi sebelum memakai pakaian Ihram menyembelih Qurban.

7) Perkara-perkara yang haram dikerjakan:

Ada tujuh perkara, yang haram dikerjakan selama mengerjakan 'Ibadah Haji, iaitu: memakai pakaian yang dijahit pada waktu Ihram - memakai minyak wangi - membunuh binatang buruan - melangsungkan 'Aqad Nikah - bersetubuh - mencium -mengeluar mani.

b. Di Bidang Sosial(Ijtima'iyyah)

Ajaran Sosial dalam Islam bertujuan memperkuat kerjasama dalam lingkungan keluarga, hubungan antara anggota-anggota keluarga dan tetangganya, dan hubungan antara keluarga-keluarga besar, yang tinggal di suatu desa atau kota. Islam mengajarkan bagaimana perlaksanaan tolong-menolong antara mereka untuk keperluan kesejahteraan masyarakat seluruhnya, dan membersihkan masyarakat dari unsur-unsur yang mungkin merosak budi pekerti dan jalan fikiran anggota-anggotanya. Dalam mewujudkan hubungan kerjasama itu dapat dipraktikkan tolong-menolong di bidang materi antara semua anggota masyarakat. Suasana yang demikian akan memperkuat ikatan satu sama lain, dan menjelmakan masyarakat menjadi suatu kesatuan yang bersatu padu, sebagai penjelmaan dari sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam.

"Perumpamaan orang-orang yang beriman, dalam kasih sayang dan lemah lembutnya mereka satu sama lainnya, seperti satu tubuh, kalau satu anggotanya sakit, maka anggota-anggota yang lain-lain akan saling panggil-memanggil untuk tidak tidur dan demam."
(Hadith Riwayat Ahmad dan Muslim)

Di atas landasan itu, Islam menetapkan lima dasar, iaitu:

1) Menilai individu yang baik, sebagai salah satu batu-bata dalam bangunan masyarakat. Oleh sebab itu, Islam mementingkan pendidikan anggota-anggotanya, bagaimana caranya membangun 'aqal dan jiwanya menurut

ajaran-ajaran Islam dan memenuhi tuntutan naluri, tanpa mengurangi atau menambah.

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا (7) فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا (8) قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا (9) وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا (10)

"Demi jiwa serta penyempurnaan ciptaannya Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu kefasikan dan ketaqwaannya. Sesungguhnya beruntunglah orang mensucikan jiwanya itu. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotori jiwanya...."
(Surah As-Syàms: ayat 7-10)

2) Menilai bahawa "keluarga" merupakan suatu Sel dalam tubuh Negara; sedang lelaki dan perempuan, keduanya merupakan dua unsur dalam Sel itu. Negara tegak dan berpegang pada keduanya. Oleh sebab itu, agama Islam menetapkan banyak peraturan untuk lelaki dan perempuan itu. Di antaranya ada lapan peraturan yang penting, iaitu:

(1) Islam mengatur naluri jenis manusia dengan menetapkan pernikahan, dan menetapkan bahawa segala hubungan jenis yang dilakukan di luar nikah, itu merupakan bahaya yang mengancam kesejahteraan masyarakat.

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ (1) وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ (5) إِلَّا عَلَى أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ (6)

"Sesungguhnya telah beruntung orang-orang yang beriman.... Dan mereka yang memelihara keho'rmatannya: kecuali terhadap isteri atau budak mereka; maka dalam hal itu mereka tidak tercela...."
(Surah Al-Mu'minun: ayat 1 ...5-6)

Berdasarkan ketentuan itu, Islam mengharamkan zina, liwat dan istimna'; dan Islam mendorong pemuda-pemuda supaya berkahwin. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam

"Wahai pemuda! Siapa di antara kamu yang sudah sanggup berkeluarga maka hendaklah ia menikah. Dan barangsiapa yang belum sanggup maka hendaklah ia berpuasa, kerana sesungguhnya puasa itu akan menjadi ubat baginya."
(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

(2) Islam mengutamakan suasana tolong menolong antara dua suami-isteri Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى الْبرِّ وَالتَّقْوَى وَلاَ تَعَاوَنُواْ عَلَى الإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengejakan kebajikan dan ketaqwaan; dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggan...."
(Surah Al-Ma'idah: ayat 2)

(3) Islam menjamin kebebasan antara lelaki dan perempuan untuk memilih teman hidupnya sendiri. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

Pilihlah kamu sesiapa yang akan menjadi Ibu dan anak-anakmu. Menikahlah kamu dengan wanita-wanita yang baik bagi kamu; dan nikahkanlah puteri-puterimu dengan laki-laki yang baik bagi mereka."
(Hadith Riwayat Ibnu Majah dan Baihaqy)

"Tidak boleh mengahwini janda sebelum diminta persetujannya; dan tidak boleh mengahwini gadis sebelum diminta keizinannya."

Dalam satu riwayat Mughirah ibn Syu'bah meminang seorang wanita; maka Rasulullah bersabda kepadanya;

"Lihatlah dia dahulu; itu akan lebih baik untuk mengekalkan kasih sayang antara kamu berdua" Maksudnya dengan melihat lebih dahulu, maka akan tejadi persetujuan dan persesuaian antara laki-laki dan wanita yang akan menikah itu."

(4) Islam menjamin hak wanita untuk bekerja di bidang yang tidak bertentangan dengan kesejahteraan keluarga dan batas-batas Undang-undang agama, dan tidak menyebabkan timbulnya bahaya dalam budi pekerti dan masyarakat, dan juga tidak menimpakan beban yang tidak terpikul oleh wanita itu.

Pada masa hidupnya Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam seterusnya para Sahabat dan Tabi'in, kaum wanita selamanya turut serta bersama-sama dengan kaum lelaki dalam peperangan menghadapi orang-orang kafir, dan juga dalam berbagai macam pekerjaan dan perdagangan. Misalnya Ummu Hakim binti Harith, turut mengharungi pertempuran kaum Muslimin menghadapi tentera Rom, sedangkan ia baru selesai bernikah. Dalam pertempuran itu suaminya syahid, dan Ummu Hakim menyaksikan peristiwa syahidnya itu dengan mata kepalanya sndiri. Ummu Hakim tidak menangis dan tidak meratap. Ia berkemas memperkuat letak pakaiannya, kemudian ia mencabut tiang kemah; yang telah menyaksikan malam pengantinnya, lalu ia menyerang musuh dengan bersenjatakan tiang itu, sehingga menyebabkan gugurnya tujuh orang kafir, di jambatan yang sampai hari ini terkenal dengan nama "Jambatan Ummu Hakim"

(5) Islam menjamin terwujudnya permisahan yang tegas antara himpunan lelaki dan himpunan wanita. Islam melarang mereka bergaul tanpa adanya keperluan yang ditetapkan oleh agama. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَاسْأَلُوهُنَّ مِن وَرَاءِ حِجَابٍ ذَلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوبِكُمْ وَقُلُوبِهِنَّ

"Dan apabila kamu meminta sesuatu keperluan kepada mereka kaum wanita itu, maka hendaklah kamu memintanya dari belakang tabir, cara yang demikian itu lebih mensucikan hati kamu dan hati mereka...."
(Surah Al-Ahzab: ayat 53)

Dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda;

"Setiap ada seorang lelaki yang berdua-duaan dengan seorang wanita tentulah syaitan akan menjadi orang ketiga bagi mereka berdua"
(Hadith Riwayat Bhukari)

(6) Islam menjamin wujudnya tanggungjawab lelaki terhadap wanita sebagai pemimpin keluarga dan memelihara segala keperluannya. Allah Subhanahu Wa Ta 'ala berfirman:

عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنفَقُواْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ

"Kaum laki-laki itu adalah pemimin bagi kaum wanita kerana ALlah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) telah menafkahkan harta mereka...."
(Surah An-Nisa': ayat 34)

(7) Islam menjamin persamaan hak dan kewajiban antara yang telah dikerjakannya terhadap dirinya sendiri dan terhadap lelaki dan wanita. Allah Subahanahu Wa Ta' ala berfirman:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ

"Dan para wanita mempunyai hak yang sama dengan kewajipan mereka dengan cara yang baik. Dan para laki-laki (suami mereka) mempunyai kelebihan daripada isterinya...." -
(Surah Al-Baqarah: Ayat 228)

(8) Islam menjamin menetapkan mahar dan belanja pernikahan yang mudah. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Sesungguhnya nikah yang paling besar keberkatannya ialah nikah yang paling murah belanjanya."

"Mahar yang paling baik ialah yang paling murah."
(Hadith Riwayat Ibnu Majah dan Al-Hakim)

3) Menetapkan persamaan hak antara sesama manusia sebagai sifat yang mewarnai masyarakat Islam.

Menurut pandangan Islam, manusia seluruhnya berasal dari satu nenek-moyang. Oleh sebab itu, tidak ada perbedaan antara satu individu dengan individu yang lain. Seseorang tidak mempunyai kelebihan terhadap orang lain, kecuali menurut kebaikan yang telah dikerjakannya terhadap dirinya dan sendiri dan terhadap masyarakatnya. Persamaan inilah yang dimaksudkan dalam Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

"Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang wanita, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, agar kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal"
(Surah Al-Hujurat: ayat 13)

Persamaan inilah yang dimaksudkan dalam pesan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Wahai manusia, sesungguhnya Tuhan kamu satu, dan sesungguhnya bapa kamu satu. Kamu semua berasal dari Adam, sedang Adam berasal dari tanah. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah yang paling bertaqwa: Tidak ada kelebihan seorang Arab dan seorang 'Ajam, dan sebaliknya juga, tidak ada kelebihan seorang 'Ajam dari orang 'Arab; dan tidak kelebihan dari orang yang berkulit merah terhadap orang yang berkulit putih, dan juga sebaliknya, tidak ada kelebihan orang yang berkulit putih terhadap orang yang berkulit merah.... kecuali dengan bertaqwa. Ketahuilah, apakah aku sudah menyampaikan? Ya Allah, saksilah. Ingatlah, hendaklah siapa yang hadir di antara kamu sekarang ini supaya menyampaikan kepada yang hadir." (Hadith Riwayat Muslim)

4) Menilai rasa perpaduan masyarakat sebagai suatu kewajiban yang suci menurut agama, di kalangan masyarakat Islam. Perpaduan ini tidak terbatas pada menjamin memberi makan saja untuk orang-orang yang fakir dan miskin, tetapi mencakup jaminan terhadap hak-hak yang wajar untuk mereka sebagai manusia. Jadi perpaduan itu mencakup hak kebebasan, hak hidup, hak mendapat pelajaran, hak kemuliaan harga diri, dan hak memiliki....!

Landasan utama, tempat menegakkan prinsip perpaduan dalam Islam ialah menilai individu-individu yang menjadi anggota masyarakat itu sebagai orang-orang yang bersaudara. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara."
(Surah Al-Hujurat: ayat 10)

Jadi, setiap anggota masyarakat bertugas melaksanakan kewajibannya terhadap saudaranya, tentang hubungan-hubungan yang wajar antara mereka. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda;

"Tidaklah beriman salah seorang di antara kamu, sehingga ia mengasihi saudaranya sepertimana ia mengasihi dirinya sendiri."

5) Menilai bahawa budi pekerti yang mulia, itulah yang merupakan kekuatan yang akan mengatur segala kemampuan manusia. Budi pekerti itulah nyawa yang akan menebarkan kebaikan, keamanan kemuliaan. Dan Negara adalah objek yang pertama bertanggungjawab membersihkan masyarakat dan segala kerosakan, dan membasmi sebab-sebab yang menimbulkan kerosakan itu. Negara berkewajiban menyebarkan budi pekerti yang mulia, dan membendung perbuatan-perbuatan yang dicela, sehingga tercipta tujuan utama yang dilaungkan oleh Islam, dalam perisytiharan yang disampaikan oleh Rasulullah SallaLlahu 'alaihi Wasallam:

"Sesungguhnya aku dibangkitkan adalah untuk menyempurnakan budi pekerti yang mulia."

Budi pekerti yang mulia ini dapat diwujudkan dengan menanam 'Aqidah yang benar dalam jiwa manusia, dan menerapkan hukum-hukum Islam secara menyeluruh (Syumul). Dengan penerapan hukum-hukum Islam itu, setiap individu akan merasa bertanggungjawab memelihara kesejahteraan masyarakat, dan menjauhkannya dari hal-hal yang sesuai dengan tuntunan yang disampaikan oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Setiap anak Adam bertugas supaya ia bersedekah dalam setiap hari, ketika terbitnya matahari.
"Para Sahabat bertanya. "Ya Rasulullah, dari manakah kami akan memperoleh sesuatu yang akan kami sedekahkan?"
"Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam menjawab:

"Sesungguhnya pintu-pintu kebaikan itu banyak. Membaca Subhanallah, Alhamdulillah, Allahu Akhbar, La ilaha illallah; menyuruh berbuat baik, melarang berbuat yang tidak baik, menghilangkan sesuatu yang mengganggu di jalan-jalan umum, mendengarkan apa keperluan orang yang tuli, membimbing tangan orang yang buta, menunjukkan jalan kepada orang yang memerlukan sampai ia berhasil memperoleh apa yang diperlukannya; supaya engkau berusaha dengan memanfa'atkan kakimu yang kuat, untuk menolong orang yang ditimpa bencana, dan orang yang meminta pertolongan. Dan supaya engkau memikul tanggungjawab membantu orang yang lemah, dan memanfa'atkan kedua lenganmu yang kuat..."

c. Di bidang Ekonomi. (Iqtisadiyyah)

Ajaran Islam di bidang ekonomi bertujuan meningkatkan pengeluaran yang dimanfa'atkan oleh masyarakat, melipat gandakan pengeluaran itu, untuk menjamin kecukupan keperluan-keperluan vital masyarakat, dan memungkinkan mereka untuk memanfa'atkan keperluan-keperluan mereka dengan sempurna, tanpa pembaziran. Usaha itu dilakukan dengan tujuan untuk merapatkan jurang perbezaan yang terdapat di kalangan masyarakat, dan mewujudkan keadilan, kesenangan dan ketenangan untuk setiap anggota masyarakat.

Untuk mencapai tujuan itu Islam menetapkan sembilan ketentuan iaitu:

1) Tangan manusia yang menguasai kekayaan itu merupakan tangan sementara Alam raya ini seluruhnya adalah mutlak kepunyaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam Al-Quran diterangkan:

وَلِلّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ

"Kepunyaan Allah-lah kerajaan langit dan bumi
(Surah Ali 'Imran: ayat 189)

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِي الْأَرْضِ

"Apakah kamu tidak mengetahui, bahawa Allah menundukkan bagi kamu, apa saja yang ada di bumi..."
(Surah Al-Hajj: ayat 65)

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمَاوَاتِ

"Dan dia menundukkan untuk kamu apa saja yang ada di langit."
(Surah Al-Jathiyah: ayat 13)

وَأَنفِقُوا مِمَّا جَعَلَكُم مُّسْتَخْلَفِينَ فِيهِ

"Dan nafkahnya sebahagian dari hartamu, yang Allah menjadikan kamu menguasainya
(Surah Al-Hadid: ayat 7)

2) Hak milik ada tiga macam:

(1) Milik individu, yang diatur dalam Syari'ah dan dipelihara dalam sistem perekonomian. Segala hasil yang diperolehi dengan jalan yang sah, berkat usaha seseorang sebagai individu, itu menjadi haknya. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Barangsiapa memperolehi sesuatu yang belum pernah dijangkau oleh orang lain, maka dialah yang berhak terhadap hasil yang diperolehinya itu."
(Hadith Riwayat Abu Daud)

"Barangsiapa menanam sebidang tanah yang kosong, maka tanah itu menjadi haknya."
(Hadith Riwayat Abu Daud, Ahmad dan Tirmidzi)

Untuk menguatkan bahawa hak milik individu itu diakui dan dihormati dalam Islam, Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Segala hak milik orang Islam itu haram, tidak boleh diganggu oleh orang lain, termasuk darahnya, hartanya dan kehormatannya."

"Barangsiapa yang mati kerana berjuang untuk membela hartanya, maka dihukumkan mati syahid."
(Hadith Riwayat Abu Daud dan lbnu Majah)

(2) Milik masyarakat: maksudnya harta benda, yang menurut agama diperbolehkan untuk dimanfa'atkan oleh masyarakat umum. Misalnya padang rumput, belukar, kayu bakar yang dapat dicari sendiri di hutan, barang-barang tambang, sumber-sumber minyak tanah, jalan-jalan dan mata air. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Manusia mempunyai hak yang sama terhadap tiga macam benda, iaitu air, rumput dan api."
(Hadith Riwayat Ahmad dan Abu Daud)

(3) Milik Negara: iaitu benda-benda yang perlu untuk kesejahteraan masyarakat, dan dini'mati bersama oleh rakyat dan pemerintah untuk kesejahteraan umum, misalnya industri kapal laut, kapal terbang, senjata dan sebagainya.

3) Islam menjamin tersedianya lapangan kerja untuk setiap individu di kalangan masyarakat. Pekerjaan itu akan menjamin adanya tempat tinggal, dan biaya hidup yang perlukan oleh sesorang untuk keperluannya seharian bersama-sama dengan keluarganya, isteri dan anak-anaknya. Pekerjaan itu juga memberi jaminan kesihatan untuk mereka, serta jaminan sosial dan

pendidikan. Banyak Hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam., yang merupakan penjelasan tentang masalah ini. Di antaranya;

"Barangsiapa mempekerjakan seorang yang tidak ada baginya tempat tinggal, maka hendaklah ia berikan tempat tinggal, atau yang tidak ada baginya isteri, maka hendaklah ia berikan isteri, atau yang tidak ada baginya pelayan, maka hendaklah ia berikan pelayan, atau tidak ada baginya binatang kendaraan, maka hendaklah ia berikan padanya binatang kendaraan."
(Hadith riwayat Ahmad dan Abu Daud)

4) Islam menjamin hak pekerja untuk memperoleh upah yang sesuai dengan tenaganya, dengan syarat tidak kurang dari perbelanjaan hidup yang minima untuk kehidupan yang sederhana. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam berpesan:

"Ada tiga golongan, yang kelak di Hari Kiamat, aku akan menjadi lawan mereka. Dan barangsiapa yang aku menjadi lawannya, maka aku akan menuntut dia di pengadilan. Mereka itu ialah orang yang memberikan sesuatu dengan menyebut namaku kemudian Ia berkhianat; dan orang yang menjual seorang yang merdeka, bukan budak, lalu ia memakan harga hasil penjualannya itu; dan orang yang mempekerjakan seorang upahan, lalu menuntut supaya orang itu mengerjakan tugasnya dengan baik, tetapi kemudian Ia tidak membayar upah itu dengan sempurna."
(Hadith Riwayat Ibnu Majah dan Abu Hurairah)

"Barangsiapa yang mempekerjakan seorang buruh upahan, maka hendaklah ia memberi tahukan lebih dahulu berapa upahnya"
(Hadith Riwayat Ibnu Majah)

"Berikanlah upah kepada pekeja itu sebelum keringataya kering."
(Hadith Riwayat Ibnu Majah)

Dan terhadap budak belian, Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Mereka itu adalah saudara-saudara kamu. Allah menjadikan mereka berada dalam tanggungan kamu. Maka barangsiapa yang saudaranya berada dalam tanggungannya, maka hendaklah ia memberi makan kepada saudaranya itu sama dengan makanannya sendiri, dan hendaklah ia memberi pakaian kepada saudaranya itu sama dengan pakaiannya sendiri."
(Hadith Riwayat Ibnu Majah)

5) Zakat dengan segala macamnya itu merupakan hak minima orang-orang miskin yang terdapat dalam harta orang-orang kaya. Zakat itu diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya, yang diterangkan dalam Ayat:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ

"Sesungguhnya zakat itu diberikan kepada orang-orang yang fakir, yang miskin, 'amil, mu'allaf, budak yang ingin merdeka, orang-orang yang berhutang, untuk biaya menegakkan agama Allah, dan untuk orang yang berada di perjalanan dan putus hubungan dengan kampung halamannya...."
(Surah At-Taubah: ayat 60)

6) Jika suasana memerlukan, Pemerintah berhak meminta rakyat, supaya membayar jizyah (cukai) dengan adil. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam telah berpesan:

"Sesungguhnya dalam harta rakyat itu ada hak Negara selain zakat."

Dalam menafsirkan Hadith ini, Imam As-Syatibi berkata:

"Apabila kita telah menetapkan, bahawa seorang Pemerintah Kepala Negara yang dipatuhi oleh rakyat, pada suatu ketika dia perlu memperbanyak tentera untuk mengawasi daerah perbatasan, dan untuk membela Negara yang wilayahnya cukup luas.... lalu kebetulan Perbendaharaan Negara sedang kosong, sedang keperluan tentera nampak meningkat untuk menjamin keperluan hidup mereka... maka Pemerintah Kepala Negara berhak untuk membebankan kepada orang-orang kaya, seberapa yang dianggapnya cukup untuk memenuhi keperluan tentera pada waktu itu, Demikianlah jika Pemerintah Kepala Negara itu seorang yang adil."

7) Islam mengharamkan segala macam perbuatan yang mengakibatkan kerugian harta kepada masyarakat. Hal ini mencakupi riba, manipulasi, penipuan dan sebagainya. Oleh sebab itu, Islam melarang perkara-perkara menjadi punca ke arah itu, di antaranya; menjual barang-barang yang haram, menjual dengan cara menipu pembeli, dengan menunjukkan contoh yang baik kemudian memberikan barang yang tidak baik, atau mempermainkan harga, manipulasi, menipu dengan mengurangi timbangan, riba dan sebagainya. Untuk itu, Islam menetapkan Peraturan Umum yang dipetik dan sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Tidak boleh mengerjakan pekejaan yang membahayakan diri sendiri, dan tidak boleh mengejakan pekejaan yang membahayakan orang lain."
(Hadith Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah)

8) Islam mendorong supaya kaum Muslimin suka menderma dalam usaha-usaha yang baik, dan mewajibkan terciptanya solidaritas di kalangan masyarakat. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam berpesan;

"Orang Islam adalah saudara orang Islam yang lain; ia tidak boleh menganiaya saudaranya, dan juga tidak boleh membiarkan saudaranya itu ditimpa bencana. Barangsiapa yang mengurus keperluan saudaranya, maka Allah akan mencukupkan apa yang diperlukannya. Barangsiapa yang melepaskan sesuatu kesusahan dari orang Islam, maka Allah akan melepaskan dia dari kesusahannya kelak di Hari Kiamat. Dan barangsiapa yang menutup keburukan saudaranya, maka Allah akan menutup keburukannya kelak di Hari Kiamat."
(Hadith Riwayat Buhkari dan Muslim)

9) Islam menetapkan bahawa Pemerintah Negara bertanggungjawab dalam perlaksanaan prinsip-prinsip Ekonomi ini. Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam berpesan:

"Kamu semua adalah gembala, dan kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang digembalakan."
(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

d. BidangPolitik(Siasiyyah).

Ajaran Islam di Bidang Politik dapat disimpulkan dalam lapan ketetapan, iaitu:

1) Ummat Islam adalah satu:

Negara-negara Islam yang tersebar di seluruh permukaan bumi ini seluruhnya merupakan sebahagian dari satu Negara Besar, yang tunduk di bawah Satu Pimpinan.

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ

"Sesungguhnya agama Islam ini adalah agama kamu semua, agama yang satu. Dan Aku adalah Tuhan kamu, maka sembahlahAku."
(Surah Al-Anbiya': ayat 92)

2) 'Aqidah Islam itulah Undang-undang Dasar Negara. Dan 'Aqidah itulah punca segala peraturan-peraturan dalam Negara itu. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ
وَأَنزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ

"Sesungghnya Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata. Dan Kami telah menurunkan bersama mereka Kitab-kitab Suci dan neraca keadilan, agar supaya manusia dapat melaksanakan keadilan itu. Dan Kami menciptakan besi, yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manfa'at

bagi manusia...."
(Surah Al-Hadid: ayat 25)

3) Menyebarkan Da'wah lslamiyah merupakan tugas utama Pemerintah. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

"Mereka itu, jika Kami mengukuhkan kedudukannya di muka bumi, nescaya akan mendirikan Solat dan membayar Zakat, dan menyuruh orang berbuat baik, mencegah orang berbuat munkar. Dan kepada Allah sajalah akan kembali segala urusan."
(Surah Al-Hajj: ayat 41)

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللّهِ

"Kamu adalah umat yang terbaik, yang dilahirkan untuk manusia; kamu menyuruh orang berbuat baik, dan mencegah mereka berbuat mungkar, dan kamu beriman kepada Allah..."
(Surah Ali 'Imran: ayat 110)

4) Hakim Tertinggi, yang menetapkan Hukum dalam Negara (Daulah) ialah Allah Subhanahu Wa Ta'ala Al-Quran dan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam , itu sajalah yang dijadikan sebagai BUKTI yang sah untuk menetapkan Hukum Syara'. Allah Subhanhu Wa Ta'ala berfirman:

وَمَا اخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِن شَيْءٍ فَحُكْمُهُ إِلَى اللَّهِ ذَلِكُمُ اللَّهُ رَبِّي عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

"Dan tentang sesuatu apapun yang kamu berselisih, maka keputusannya terserah kepada Allah. Yang mempunyai sifat-sifat yang demikian, itulah Allah Tuhan-ku. Hanya kepadaNya sajalah aku berserah diri, dan kepada-Nya aku akan kembali."
(Surah As-Syura: ayat 10)

إِنِ الْحُكْمُ إِلاَّ لِلّهِ

"Menetapkan hukum, itu hanyalah hak Allah..."
(Surah Al-An'aam: ayat 57)

Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Sudah kutinggalkan untuk kamu dua perkara; kamu tidak akan sesat sepeninggalanku, selama kamu berpegang pada keduanya, iaitu Kitab Allah dan Sunnah-Ku."
(Hadith Riwayat Al-Hakim)

Ada riwayat lain yang menerangkan bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam mengadakan soal jawab dengan Mu'adz ibn Jabal, pada waktu beliau akan berangkat ke Yaman.

'Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bertanya: "Dengan Dasar apakah engkau menetapkan hukum, wahai Mu'adz, jika dihadapkan kepadamu suatu perkara?" "Mu'adz menjawab: "Dengan berdasarkan Kitab Allah, Al Qur'an."

'Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam , bertanya lagi "Bagaimana, jika tidak ada dalam Kitab Allah?" Mu'adz menjawab: "Dengan Sunnah Rasulullah." Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bertanya lagi: "Jika tidak ada dalam Sunnah Rasulullah?"

Mu'adz lalu menjawab lagi: "Aku akan berijtihad, dan menetapkan hukum dengan berdasarkan hasil ijtihadku; dan aku tidak akan berhenti sebelum dapat menyelesaikan persoalan itu."

Maka Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam menepuk-nepuk bahu Mu'adz sambil bersabda: "Segala puji bagi Allah, yang telah memberi taufiq kepada utusan Rasullullah untuk bekerja sebagaimana yang disenangi oleh Rasulullah."

5) Dalam Negara Islam, 'MUSYAWARAH' merupakan hak bagi kaum Muslimin seluruhnya, dan wajib dilaksanakan oleh pemerintah. Pemerintah wajib mengajak rakyat bermusyawarah. Ia tidak boleh bertindak menurut pendapatnya sendiri. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman;

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللّهِ لِنتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لاَنفَضُّواْ مِنْ حَوْلِكَ
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللّهِ

"Maka hanya dengan rahmat Allah sajalah engkau dapat berlemah lembut kepada mereka. Kalau sekiranya engkau bersikap kasar dan berhati keras, tentulah mereka akan menjauhkan diri daripadamu. Oleh sebab itu ma'afkanlah kesalahan mereka, dan mohonkanlah keampunan bagi mereka. Dan berrmusyawarahlah engkau dengan mereka dalam menghadapi sesuatu perkara. Kemudian apabila engkau telah membulatkan tekad untuk mengerjakan sesuatu, maka berserah dirilah engkau kepada Allah...." *(Surah Ali 'Imran: ayat 159)*

فَمَا أُوتِيتُم مِّن شَيْءٍ فَمَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَمَا عِندَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى لِلَّذِينَ آمَنُوا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ (36)وَالَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ وَإِذَا مَا غَضِبُوا هُمْ يَغْفِرُونَ (37)وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ (38)

"Maka sesuatu apapun yang diberikan kepada kamu, itu adalah keni'matan hidup di dunia ini. Dan apa yang ada di sisi ALlah, itu lebih baik dan lebih kekal, bagi orang-orang yang beriman, dan hanya kepada Tuhannya mereka berserah diri Dan bagi orang-orang yang mematuhi seruan Tuhannya, dan menegakkan solat, sedang segala urusan mereka diputuskannya dengan musyawarah antara mereka. Dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepadanya."
(Surah As-Syura Ayat 36-38)

"Tidaklah akan kecewa orang yang mahu bermusyawarah. Dan tidaklah akan sesat orang yang mahu beristikharah, memohon petunjuk kepada Allah disa'at ia menghadapi sesuatu persoalan."
(Hadith Riwayat Thabrani)

"Seorang yang diajak bermusyawarah itu adalah orang yang dapat dipercayai untuk menyimpan rahsia." "Selama-lamanya tidak ada suatu golongan yang bermusyawarah yang tidak diberi pertunjuk kepada kebijaksanaan dalam menyelesaikan urusan mereka itu."

Kemudian, hasil musyawarah itu tidaklah merupakan sesuatu yang mesti dilaksanakan.

6) Dalam Negara Islam, Pemerintah bertanggungjawab di hadapan Allah Subhanahu Wa Ta'ala di hadapan masyarakat. Pemerintah adalah Pemimpin yang dibebani tugas melaksanakan perintah-perintah Allah. Rakyat wajib ta'at kepada perintahnya, selagi ia tidak memerintahkan supaya rakyat mengerjakan dosa. Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُواْ أَطِيعُواْ اللّهَ وَأَطِيعُواْ الرَّسُولَ وَأُوْلِي الأَمْرِ مِنكُمْ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللّهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلاً

"Wahai orang-orang yang beriman, ta'atlah kamu kepada Allah, Rasulullah, dan juga kepada orang-orang yang memegang kekuasaan di antara kamu (ulul-amri). Kemudian, jika kamu berselisih faham mengenai sesuatu, maka hendaklah kamu mengembalikan masalah itu kepada Allah dan RasulNya, jika kamu benar-benar

beriman kepada Allah dan Hari Kemudiannya. Yang demikian itu adalah lebih utama bagi kamu dan lebih baik akibatnya."
(Surah An-Nisa': ayat 59)

Dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Barangsiapa yang ta'at kepadaku, maka sesungguhnya ia telah ta'at kepada Allah. Dan barangsiapa yang derhaka kepadaku, maka sesungguhnya ia telah durhaka kepada Allah. Dan barangsiapa yang patuh kepada pemimpin, maka sesungguhnya ia telah ta'at kepadaku. Dan barangsiapa yang durhaka kepada pemimpin, maka sesungguhnya ia telah durhaka kepadaku."
(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

7) Dalam Negara Islam, rakyat berhak mengguling pemerintah; dan itu termasuk salah satu dari hak-hak mereka. Rakyat bertugas melaksanakan penggulingan itu sebagal Fardhu 'Ain. Tugas ini diterangkan dalam sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

'Rakyat bertugas mendengarkan perintah dan mematuhinya, baik perintah itu mereka senangi atau tidak mereka senangi; kecuali kalau pemimpin memenintahkan supaya mereka mengerjakan sesuatu dosa. Apabila seseorang diperintahkan supaya mengerjakan dosa, maka ia tidak boleh mendengarkan dan tidak boleh patuh."
(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dan dalam Hadith lain diterangkan:

"Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda: "agama itu adalah nasihat-menasthati." Para sahabat bertanya "Untuk siapa, ya Rasulullah?" Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam menjawab: "Untuk menegakkan agama Allah, untuk melaksanakan ajaran-ajaran yang termaktub dalam Kitab-Nya untuk mematuhi perintah Rasul-Nya, untuk mematuhi pemimpin-pemimpin kaum Muslimin dan untuk kesejahteraan mereka, kaum Muslimin seluruhnya."
(Hadith Riwayat Muslim)

Dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam telah memperingatkan:

"Apabila kamu melihat umatku sudah takut untuk menegur orang yang zalim dengan kata-kata: "Wahai orang yang zalim" maka sesungguhnya Islam sudah mengucapkan "Selamat Tinggal" kepada mereka."
(Hadith Riwayat Muslim)

"Pejuangan yang paling mulia ialah mengemukakan kata-kata yang benar di hadapan seorang raja yang zalim."
(Hadith Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah)

Dan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda lagi:

"Tidak boleh patuh kepada seorang makhluk yang memerintahkan untuk mengerjakan sesuatu yang merupakan maksiat kepada Tuhan-nya."
(Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim)

8) Dalam Negara Islam, rakyat yang tidak beragama Islam mendapat jaminan untuk dapat hidup dengan tenang, dan meni'mati kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada kaum Muslimin. Mereka mempunyai hak dan kewajiban yang sama seperti kaum Muslimin. Mereka juga mendapat hak istimewa, mempunyai hak kemerdekaan yang penuh dalam urusan-urusan peribadinya, dan dalam hukum-hukum yang khusus menurut agama mereka, seperti perkahwinan dan sebagainya. Peraturan Islam dalam hal ini ialah:

"Mereka mempunyai hak yang sama dengan kita, dan juga mereka dibebani kewajiban yang sama dengan kewajiban kita."

Peraturan ini dipetik dan sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Barangsiapa yang mengganggu seorang Dzimmi([1]), maka sesungguhnya ia telah mengganggu aku sendiri. Dan barangsiapa yang menggangga saya maka kelak di Hari Qiamat saya akan menuntut dia di Pengadilan."

"Awas! Barangsiapa yang menganiaya seorang zimmi, atau mengambil hartanya, atau membuat dia kalah dalam suatu pertengkaran pada hal dia yang benar, atau menimpakan beban kepadanya lebih dari kesanggupannya, atau mengambil sesuatu daripadanya tanpa persetujuannya.... barangsiapa berbuat demikian, maka aku akan menuntut dia kelak di Hari Qiamat.

Amar Ibn Hasan meriwayatkan dari Ibrahim radiyallahu 'anhu, bahawa pernah terjadi salah seorang di antara kaum Muslimin berbuat latah membunuh seorang Dzimmi. Lalu para sahabat menyampaikan berita itu kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam. Maka Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda;

"Akulah yang paling berhak untuk menepati janji kepada kaum Dzimmi yang telah menepati janjinya.

Setelah bersabda begitu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam, memerintahkan supaya orang Islam yang membunuh Dzimmi itu dibunuh, sebagai balasannya.

4

TUNTUTAN MEMBENTUK TANZIM HARAKI DAN KEWAJIBAN BEKERJA DI DALAMNYA.

"Dalam periode ini, Da'i perlu memperhatikan masalah 'amal, bagaimana caranya memulai kehidupan menurut Islam dan menegakkan Hukum Islam di kalangan masyarakat. Da'i harus yakin, bahawa tugas ini

adalah tugas keagamaan, yang hukumnya wajib. Dan memulai kehidupan yang seperti ini, tentulah memerlukan adanya suatu jama'ah, yang mengadakan suatu GERAKAN yang teratur yang disinari oleh cahaya Islam.

Untuk meneliti hal ini, Da'i perlu memperhatikan hal-hal yang berikut:

1. Da'wah Rasulullah merupakah suatu Gerakan:

Sebagai landasan yang menguatkan perlunya membentuk suatu Gerakan ialah praktik Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bagaimana caranya baginda dahulu membentuk suatu Negara Islam. (Daulah Islamiyyah).

Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam tidaklah berpegang pada cara bekerja secara individu. Semenjak hari pertama dari Da'wahnya, Rasulullah begitu mementingkan terbentuknya suatu GERAKAN yang teratur. Untuk kepentingan itu, Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam lebih dahulu memilih tenaga-tenaga teras, untuk dijadikan suatu daya pendorong dalam pelayaran kapal Islam.

Tidak lama kemudian ternyata kapal Islam itu penuh sesak dengan penumpang yang datang dari seluruh penjuru dunia ini. Beritanya memenuhi mata telinga dan hati dunia. Demikianlah usaha Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam selama baginda berda'wah di Mekah.

2. 'Amal Jama'i adalah kewajiban Agama

Dari keterangan yang tersebut di atas, dapatlah ditegaskan, bahawa bekerja sama untuk menegakkan ajaran Islam, itu merupakan tugas keagamaan. Kita wajib memulai kehidupan menurut Islam. Dan kewajiban ini tidak dapat dilaksanakan tanpa membentuk suatu JAMA'AH (Organisasi). Oleh yang demikian membentuk JAMA'AH untuk memulai gerakan Islam juga hukumnya menjadi wajib.

Dalam Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam begitu banyak perintah supaya kaum Muslimin bersatu, tolong-menolong, dan tegak dalam satu barisan. Kita mulai dengan Ayat-ayat Al-Qur'an:

وَلْتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ
وَأُوْلَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (104)

"Hendaklah ada di antara kamu suatu golongan yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh orang berbuat baik, dan melarang orang berbuat yang tidak baik, dan mereka itulah orang-orang yang beruntung."
(Surah Ali-'Imran: ayat 104)

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللّهِ

"Kamu adalah ummat yang terbaik, yang dilahirkan untuk ummat manusia; kamu menyuruh orang berbuat baik, dan melarang orang berbuat yang tidak baik, dan kamu beriman kepadaAllah."
(Surah Ali-'Imran: ayat 110)

فَلَوْلاَ نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُواْ فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُواْ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُواْ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

"Kenapa tidak pergi suatu kelompok yang kecil dari tiap-tiap golongan yang besar di antara kamu, untuk memperdalam pengetahuannya tentang agama, dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya, apabila mereka telah kembali kepada kawannya itu, agar supaya kaumnya itu dapat menjaga dirinya."
(Surah Al-Taubah: ayat 122)

Dan Allah Subhanahu Wa Ta'ala berfirman kepada Nabi Musa dan Nabi Harun 'alaihimassalam: s

قَالَ سَنَشُدُّ عَضُدَكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا سُلْطَانًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا بِآيَاتِنَا أَنتُمَا وَمَنِ اتَّبَعَكُمَا الْغَالِبُونَ (35)

"Allah berfirman: "Kami akan membantu engkau dengan mengutus saudaramu, dan Kami akan memberikan kepada kamu berdua kekuasaan yang besar, sehingga mereka, Fir'aun dan pengikutnya, tidak akan dapat menganiaya kamu berdua. Berangkatlah kamu berdua dengan membawa mu'jizat-mu'jizat Kami. Kamu berdua dan orang-orang yang mengikuti kamu, itulah yang akan menang."
(Surah Al-Qasas: ayat 35)

وَتَعَاوَنُواْ عَلَى الْبرِّ وَالتَّقْوَى

"Dan tolong-menolonglah kamu untuk mengejakan kebaikan dan ketaqwaan...."
(Surah Al-Ma'idah: ayat 2)

Dan dalam himpunan Hadith di antaranya Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda:

"Hendaklah kamu berada dalam JAMA'AH: kerana sesungguhnya jama'ah itu adalah rahmat, sedang perpecahan itu merupakan siksa."
(Hadith Riwayat Muslim)

"Barangsiapa yang memecah belah, maka ia tidak termasuk golongan kami. Rahmat Allah berada bersama-sama dengan JAMA'AH sesungguhnya serigala hanya mahu memakan kambing yang menyendiri."
(Hadith Riwayat Tabrani)

'Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda: "Hendaklah engkau berada bersama-sama dengan jema'ah kaum Muslimin dan Imam mereka." Hudzaifah bertanya:
"Bagaimana, ya RasuluLlah, kalau tidak ada Jema'ah dan tidak ada Imam mereka?" Rasulullah Sallalahu 'alaihi Wasallam menjawab: "Hendaklah engkau berada bersama-sama dengan mereka, walaupun engkau harus menggigit pohon korma, sampai akhirnya engkau dijemput oleh maut dala'm keadaan yang demikian."

"Barangsiapa yang mati dalam keadaan memisahkan diri dari jema'ah kaum Muslimin, maka bererti ia mati sebagai mati Jahiliyyah."
(Hadith Riwayat Muslim)

3. TANZIM - BAI'AH - KEPIMPINAN

Ada suatu segi lain, yang dapat juga dinilai sebagai alasan tentang perlunya membentuk TANZIM HARAKI untuk 'amal Islam iaitu bahawa dalam Islam setiap pekerjaan mesti diatur. Tuntutan ini mesti dilaksanakan, dan tidak boleh ditinggalkan. Dan untuk mengerjakan setiap pekerjaan yang teratur, tentulah memerlukan pimpinan yang dita'ati dengan baik. Mengenai hal ini terdapat ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadith-hadith yang banyak sekali, yang kesemuanya mewajibkan supaya kaum Muslimin mengangkat seorang pemimpin dan supaya semua anggota masyarakat patuh kepada pemimpin, demi menjaga kesatuan derap langkah, teraturnya barisan dan terpimpinnya Jema'ah. Dengan mudah dapat dimengerti, bahawa anjuran untuk mengangkat seorang PEMIMPIN itu secara tidak langsung sudah merupakan perintah supaya membentuk. JAMA'AH yang akan dipimpin. Dan inilah yang digambarkan dalam sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam:

"Jika kamu berkumpul sampai tiga orang, maka hendaklah kamu mengangkat salah seorang di antaramu sebagai pemimpin.

'Barangsiapa yang menanggalkan tangannya dari kepatuhan kepada pemimpin, maka ia akan menemui Allah pada Hari Qiamat dalam keadaan tidak ada alasan, yang akan membelanya dari siksa Allah. Dan barangsiapa yang mati dalam keadaan tidak ada terbelit di lehernya suatu iqrar kepatuhan kepada pemimpin, maka ia akan mati sebagai mati Jahiliyyah."

4. Tujuan Islam yang Agung mewajibkan adanya TANZIM HARAKI

Akhirnya, Da'i perlu menerangkan kepada mad'unya bahawa memulai kehidupan menurut Islam dan membentuk masyarakat Islam itulah tujuan Da'wah. Dan tujuan itu, tidaklah akan dapat dicapai kalau hanya dengan mengadakan pengajian-pengajian sahaja atau hanya dengan menggerakkan lidah untuk berbicara dan pena untuk menulis.... Usaha itu memerlukan banyak perlengkapan, berupa ilmu pengetahun sebagai tuntunan, dan keperluan kebendaan sebagai modal. Perbekalan yang mencakupi teori dan 'amali serta kesenian dan ketertiban yang perlu dipersiapkan mencapai tujuan yang agung itu

Islam adalah Agama Da'wah, seruan untuk merombak dan membangun! Islam berusaha meruntuhkan masyarakat Jahiliyyah keseluruhannya, dan membangun masyarakat Islam sebagai gantinya! Dan pekerjaan merombak ini memerlukan waktu dan tenaga yang segar! Tugas-tugas dan beban yang berat ini tidak dapat dipikul oleh beberapa individu-individu saja Malahan tugas yang berat itu tidak akan dapat dipikul dengan tenaga yang besar.... kecuali dengan mengatur barisan, menyusun suatu gerakan, yang merupakan gelanggang perjuangan....!

Di samping itu para Da'i perlu mengingati bahawa jalan untuk menegakkan ajaran Islam itu penuh bertaburan dengan duri-duri, berpagar dengan bermacam-macam bahaya... Ancaman yang menggangu perjalanan itu terlalu banyak. Kekuatan-kekuatan yang mengintip gerak-geri Islam dan pemeluknya itu sangat besar.,..! Dan masalah-masalah yang ditinggalkan oleh Kebudayaan dan pengaruh kebenaran itu memerlukan tenaga, perjuangan yang besar, yang akan dapat bergerak di segala pelusuk....!

Kesemuanya ini mewajibkan terbentuknya suatu TANZIM HARAKI. Dan gerakan itu mewajibkan kepada setiap orang yang beriman, dan mengaku bahawa Islam adalah pedoman hidupnya , supaya dia turut serta menjadi inti dalam TANZIM ini, turut menjadi penyokong dan mengajak orang lain untuk turut bernaung di bawah panji-panji Islam... dan seterusnya berusaha mengukuhkan kedudukan Islam di bumi ini, dan meningkatkan serta menyuburkan dan menyebarkan ajaran-ajaran Islam di kalangan masyarakat...!